



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman	1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:		
- Mengalu-alukan Pelantikan Ahli-ahli Baru	(Halaman	1)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman	2)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	2)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	3)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013	(Halaman	23)
Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013	(Halaman	40)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013	(Halaman	42)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
8. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
13. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
20. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
21. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
22. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
23. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
24. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
25. “ Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad (Dilantik)
26. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
27. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
28. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
29. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
30. “ Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
31. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
32. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
33. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
34. ” Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor (Dilantik)

-
35. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
 36. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
 37. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin (Dilantik)
 38. “ Dato’ Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
 39. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
 40. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
 41. ” Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
 42. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
 43. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
 44. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 45. “ Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah (Dilantik)
 46. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
 47. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
 48. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
 49. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
 50. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
 51. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
 52. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
 53. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
 54. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
 55. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 56. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
 57. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
 58. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 7 Oktober 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam
- Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin E.S. Abd Samad
- Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
- Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALU PELANTIKAN AHLI-AHLI BARU

■1010

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam; yang keduanya Yang Berhormat Dato' Khairudin bin E.S Abd Samad; yang ketiganya Yang Berhormat Datuk Seri Haji Yahya bin Mat Ghani @ Abbas; dan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh kesemua Yang Berhormat sebentar tadi, inginkan saya mengingatkan agar kita semua hendaklah betul-betul berazam untuk memahami, menghayati dan mendukung untuk mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita langgar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita semua lafazkan sebentar tadi. Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Yang Berhormat membaca, memahami dan juga mempraktikkan dengan bijak dua perkara iaitu pertama, Perlembagaan Malaysia dan yang kedua, Peraturan-peraturan Mesyuarat yang setelah memahami dan menghayati dan mempraktikkannya semasa berucap atau berbahas, tentu sekali akan memberi keyakinan dan seterusnya melambangkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berwibawa dan dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebagaimana biasa, selalu mengingatkan diri saya dan juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini iaitu agar marilah kita semua berazam martabatkan dan memperkasakan Dewan Negara yang mulia ini sebagai satu Dewan Negara yang bermaruah, berkualiti dan berintegriti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Yang Berhormat semua, kita tidak mahu dianggap Dewan yang mulia ini sebagai *rubber stamp* dan kerana Dewan yang mulia ini ada peranannya dan tanggungjawabnya kepada negara dan rakyat Malaysia mengikut Perlembagaan kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah betul-betul serius apabila berbahas, berucap di Dewan yang mulia ini dan menghormati Dewan dengan izin, *we have to respect the House and decorum*. Yang Berhormat, rakyat di luar memandang kerana Yang Berhormat adalah segelintir bilangan rakyat yang cukup bernasib baik di kalangan 28 juta rakyat negara ini dan peranan Yang Berhormat dilihat dengan teliti oleh rakyat. Marilah kita sama-sama beri tanggungjawab ini dengan penuh komited dan dengan penuh jayanya, Insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja majlis angkat sumpah kita pada hari ini.

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 26 Ogos 2013:

1. Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor

Pada 27 September 2013:

1. Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut;

1. Akta Perbekalan Tambahan (2012) 2013.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"03 Oktober 2013

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013.
2. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dan;
4. Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibaca bagi kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya memulakan pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan ini, izinkan saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Saya minta kalau boleh soalan itu buat secara tepat. Tidak perlu ada mukadimah yang panjang-panjang dan juga saya minta pihak kementerian, pihak menteri menjawab dengan tepat, cekap dan tak perlu panjang lebar untuk menjimatkan masa sehingga dapat kita meluluskan ataupun menjawab seberapa banyak soalan yang telah banyak dikemukakan. Sekian.

Pertama sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

1. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Perdana Menteri menyatakan:
 - (a) antara inisiatif-inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan sederhana agar tidak terus terpinggir susulan kebanyakan bantuan lebih tertumpu pada golongan berpendapatan rendah; dan
 - (b) apakah kriteria utama golongan berpendapatan sederhana dan apakah bentuk bantuan yang layak dihulurkan oleh pihak Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya Menteri yang pertama menjawab pada pagi ini, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru termasuk empat orang yang telah mengangkat sumpah pada pagi ini.

Berkenaan dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, ini berkenaan dengan golongan berpendapatan tengah. Daripada segi definisi, kita kategorikan golongan ini merupakan mereka yang berpendapatan 40 peratus pertengahan dengan julat di antara RM3,051 hingga RM6,949 pendapatan isi rumah sebulan. Bagi mencapai matlamat pembangunan negara, banyak inisiatif yang telah kita laksanakan dan sedang laksanakan untuk memastikan kumpulan isi rumah berpendapatan sederhana ini memperoleh manfaat daripada pelbagai aktiviti sosioekonomi negara. Izinkan saya mungkin memberikan empat daripadanya. Pertama, dalam Bajet 2013, kerajaan telah menurunkan kadar cukai sebanyak 1 peratus untuk pendapatan bercukai RM2,501 hingga RM50,000.

■1020

Jadi ini bermakna untuk tahun 2013, bagi yang berpendapatan- cukai mereka, *chargeable income* dengan izin, RM50,000 mereka mendapat penjimatan sebanyak RM500 setahun. Apabila kita kurangkan untuk mereka yang berpendapatan kurang daripada RM2,500 ini kepada 0 peratus, jadi ini akan mengeluarkan seramai 170,000 juga pembayar cukai daripada membayar cukai untuk tahun 2013.

Keduanya ialah dari segi penyediaan rumah mampu milik yang selesa. Kita banyak program yang dilaksanakan melalui program PR1MA, Syarikat Perumahan Nasional Berhad dan juga Jabatan Perumahan Negara di mana dalam Bajet 2013 sendiri, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi membina sebanyak 123,000 unit rumah dengan harga yang berpatutan di kawasan-kawasan yang strategik bagi memenuhi keperluan perumahan termasuklah mereka yang berpendapatan sederhana ini.

Ketiganya ialah mewujudkan pelbagai program pelaburan untuk mereka ini termasuklah skim-skim amanah saham oleh Permodalan Nasional Berhad untuk disertai oleh semua masyarakat Malaysia di pelbagai peringkat. Antara lain, Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham 1Malaysia dan juga Amanah Saham Wawasan 2020. Selain daripada itu baru-baru ini pada 14 September, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan untuk mewujudkan Amanah Saham Bumiputera yang kedua untuk membolehkan mereka yang telah pun melebihi had limit RM200,000 pelaburan dalam ASB untuk menambah pelaburan mereka dalam Amanah Saham Bumiputera yang kedua.

Keempatnya ialah pelbagai program pembiayaan keusahawanan yang dilaksanakan oleh pelbagai institusi pembiayaan keusahawanan seperti SME Bank, MARA dan juga PNB untuk membangunkan usahawan terutamanya bumiputera di pelbagai peringkat termasuklah golongan yang berpendapatan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada yang saya sebutkan tadi, banyak juga program-program untuk membantu mengurangkan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah juga akan memberi manfaat kepada golongan berpendapatan sederhana. Ini termasuklah pelbagai subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan dan juga pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia di mana mereka yang berpendapatan menengah juga boleh membeli barang-barang yang berpatutan daripada kedai-kedai tersebut. Terima kasih. itinerary

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan yang pertama, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri berkenaan yang telah menjawab soalan saya.

Soalan tambahan saya ialah masih juga terdapat ramai golongan berpendapatan sederhana ini seakan-akan terpinggir di mana golongan ini tidak mendapat bantuan sewajarnya.

Mereka juga menyumbang ke atas sebahagian besar pembangunan negara. Contohnya mereka ini adalah di tengah, dengan izin, *border*. Dia di tengah-tengah berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah. Jadi, kadang kala mereka terpinggir. Apakah mekanisme mungkin kerajaan harus buat untuk mereka ini? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada yang saya sebutkan tadi, memang kita *insya-Allah* dalam masa yang akan datang ini akan memberikan penumpuan yang lebih lagi kepada mereka juga. Jadi dalam keadaan di mana apabila kita merealisasikan subsidi, kita *insya-Allah* akan mengadakan program-program di mana mereka ini juga akan dibantu. Ini merupakan langkah-langkah yang bakal diumumkan kemudian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Lim.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Golongan yang terpinggir salah satunya ialah sektor pertanian. Memandangkan harga sawit dan getah semakin lama semakin turun tetapi produk keperluan pertanian sebagai, dengan izin, *herbicide*, *insecticide* semakin lama semakin meningkat. Jadi yang ini memang tidak selaras. Jadi, apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membantu golongan tersebut? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk golongan petani yang begini kita ada dua cara. Pertamanya, banyak bantuan subsidi berkaitan dengan pertanian telah diadakan seperti baja dan sebagainya. Jadi mereka yang terlibat dalam program-program di bawah RISDA, FELDA dan sebagainya ada mekanisme-mekanisme di mana banyak bantuan diberikan kepada mereka.

Untuk yang lainnya, ia berkait rapat dengan jumlah pendapatan yang mereka terima. Jadi sekiranya pendapatan mereka berkurangan disebabkan oleh kejatuhan harga minyak sawit, *oil palm* dengan izin, dan sebagainya, ini berpandukan kepada pendapatan mereka. Sekiranya pendapatan mereka kurang daripada RM3,000, jadi mereka layak menerima bantuan-bantuan yang lain yang diberikan untuk golongan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Jadi ini antara pelbagai mekanisme sedia ada yang bakal membantu mereka sekiranya pendapatan mereka terjejas, kurang daripada tahap yang dikenakan untuk mereka mendapat manfaat-manfaat yang telah diberikan. Terima kasih.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi menerima saya sebagai Ahli Dewan Negara yang baru [*Tepuk*]... bersama kawan-kawan yang lain. Juga terima kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ketua Menteri Melaka yang telah pun meluluskan usul di Dewan Undangan Negeri Melaka.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, pertamanya, Melaka sudah mendapat banyak kelulusan perumahan termasuk PR1MA. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan belum lagi membayar duit untuk pengambilan tanah. Kerajaan negeri tidak cukup duit. Jadi saya minta pengambilan tanah dapat disegerakan supaya rumah boleh dibina dengan segera.

Keduanya, rumah kos rendah atau pun rumah PPR di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dahulu kita bayar RM35,000 kepada pejabat SUK dan pejabat daerah tetapi sekarang ini kita sudah minta mereka bayar kepada bank. Di Melaka ada beberapa rumah belum lagi dapat dibayar, penghuni belum dapat masuk oleh kerana bank tidak terima pembeli sebab umur sudah tua. Kalau ada anak pun tidak ada gaji atau *pay slip*.

Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan balik semula kepada cara yang lama iaitu semua rumah kos rendah atau PPR di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bayaran bukan dibuat kepada bank tetapi dibuat kepada pejabat SUK dan pejabat daerah. Jadi kalau hari ini lulus, dia bayar RM200 atau RM300, esok dapat kunci dan terus boleh masuk. Dengan cara begini kita dapat meringankan mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah kos rendah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya dari segi spesifik tanah yang telah dikenal pasti untuk diambil alih oleh PR1MA. Saya akan susuli dengan CEO PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias, dan saya akan laporkan semula kepada Yang Berhormat Senator.

Keduanya dari segi cadangan itu, saya rasa Menteri KPKT juga ada di sini pada pagi ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mungkin kita boleh kaji cadangan tersebut dan bincang sebelum Yang Berhormat Menteri kita memberikan jawapan. Terima kasih.

2. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan yang prihatin di dalam membantu rakyat yang sedikit sebanyak telah menerima kesan ke atas kenaikan minyak kenderaan RON95 dan diesel.

■1030

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai bersama dengan soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong yang dijadualkan pada hari ini serta Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang dijadualkan pada 8 Oktober dan juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah serta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus pada 9 dan 10 Oktober 2013, memandangkan kesebelas-sebelas soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalihkan secara berperingkat kaedah pemberian subsidi daripada subsidi pukal yang membawa banyak ketirisan kepada subsidi yang bersasar (*well targeted*) dengan izin. Di bawah prinsip ini pemberian subsidi tetap terus tetapi disasarkan hanya kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Kaedah sebegini dapat mengurangkan perbelanjaan subsidi pada keseluruhannya tetapi tidak menjejaskan pemberian bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Rasionalisasi subsidi juga merupakan salah satu langkah bagi memastikan perbelanjaan kerajaan lebih berhemat dan produktif. Tujuan sebenar kerajaan bersubsidi bahan api adalah untuk mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sebaliknya subsidi tersebut lebih banyak dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi dan juga warga asing. Mereka menggunakan kenderaan berkuasa tinggi berbanding dengan golongan sasar yang hanya menggunakan kereta yang berkuasa kecil dan motosikal. Subsidi bahan api hanya diberikan kepada pengguna kenderaan persendirian dan isi rumah serta sektor tertentu seperti sektor pertanian dan pengangkutan awam termasuk bot penumpang.

Namun, berlaku penyelewengan penjualan bahan api bersubsidi kepada sektor perindustrian dan keadaan ini telah menguntungkan pihak yang tidak sepatutnya menikmati subsidi berkenaan. Malahan harga runcit produk petroleum dalam negeri yang lain, dalam negara lain yang lebih rendah berbanding di negara kita turut menggalakkan kegiatan penyeludupan ke negara yang berkaitan yang harganya lebih tinggi. Bererti rakyat asing di negara jiran menikmati subsidi tersebut. Kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka. Namun Malaysia mengambil pendekatan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat tidak terjejas. Sebagai langkah pertama, subsidi RON 95 dan Diesel dikurangkan sebanyak 20 sen seliter pada 3 September lalu.

Pengurangan subsidi tersebut dijangka meningkatkan kadar inflasi sebanyak 0.3 peratus mata daripada 1.7 peratus kepada 2 peratus bagi tahun 2013. Namun begitu, kenaikan inflasi akan diimbangi oleh tekanan kos pengeluaran yang sederhana berikutan harga komoditi yang stabil dan keadaan inflasi global yang rendah. Dalam jangka masa sederhana, rasionalisasi subsidi sebenarnya akan menyumbang kepada penggunaan tenaga yang lebih cekap dan produktif seterusnya dapat membantu mengawal kenaikan kos pengeluaran dan tekanan inflasi pada masa akan datang.

Berhubung dengan Petrol RON 97, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan bahawa harga runcit yang ditetapkan secara apungan terkawal yang disemak pada setiap bulan mengikut perubahan harga pasaran sebenar. Mulai 5 November 2013, harga runcit RON 97 adalah RM2.85 seliter berbanding harga pada bulan Ogos RM2.70 seliter.

Oleh itu harga runcit RON 97 tidak kekal kerana harga itu tidak mengandungi elemen subsidi. Perlu dimaklumkan bahawa subsidi bahan api merupakan komponen terbesar subsidi kerajaan. Bagi tahun 2012, sejumlah RM24.7 bilion dibelanjakan bagi menampung subsidi bahan api. Jumlah ini mencakupi 12 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus kerajaan. Bagi tahun 2013, sejumlah RM24.8 bilion diperuntukkan bagi menampung subsidi bahan api yang mewakili 11.5 peratus daripada perbelanjaan mengurus.

Untuk perbandingan, jumlah subsidi bahan api pada tahun 2009 adalah hanya sebanyak RM6.2 bilion atau 3.9 peratus daripada perbelanjaan mengurus. Peningkatan perbelanjaan subsidi bahan api kerajaan adalah berikutan harga minyak mentah dunia yang meningkat. Harga minyak mentah *Brent* di pasaran dunia pada tahun 2012 adalah USD112 setong berbanding hanya USD62 setong pada tahun 2009. Pada 6 September 2013, harga minyak mentah *Brent* mencecah USD115.63 setong. Bagi mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas berikutan rasionalisasi subsidi bahan api, kerajaan akan meningkatkan pemberian BR1M dalam Bajet tahun 2014. Langkah ini selaras dengan usaha mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh. Selain itu, kerajaan akan terus bersubsidi bagi barangan keperluan asas seperti subsidi harga beras, subsidi minyak masak, subsidi kadar elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah serta insentif hasil tangkapan nelayan dan insentif pengeluaran padi. Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan memastikan isu kenaikan harga minyak ini tidak akan diputarakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab dan apakah langkah-langkah tersebut? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada dua pandangan. Satu kata, harga minyak naik. Satu lagi ialah penurunan kadar subsidi. Apa yang lebih tepat ialah penurunan kadar subsidi.

Sukacita dimaklumkan bahawa subsidi untuk Petrol RON95, sebelum ini ialah 83 sen seliter. Kemudian kita turunkan 20 sen menjadi 63 sen seliter menjadikan harga RON95 bersubsidi sekarang ini ialah RM2.10. Masih ada lagi 63 sen seliter subsidi. Kemudian kita turunkan subsidi bagi Diesel daripada RM1 kepada 80 sen menjadikan harga Diesel daripada RM1.80 kepada harga subsidi Diesel bersubsidi kepada RM2. Sebenarnya kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menurunkan dan menaikkan harga minyak di pasaran dunia. Harga minyak di pasaran dunia ini ditentukan sama ada aman atau tidak di Timur Tengah, damai atau tidak Libya, Iraq, Mesir. Setakat manakah kita punya pengeluaran minyak dunia. Itu yang menyebabkan harga turun naik minyak.

Kerajaan di Malaysia boleh menurun atau menaikkan subsidi. Itu yang boleh dibuat oleh kerajaan. Kita menurunkan subsidi 20 sen itu kerana bebanannya terlalu besar, RM24 bilion setahun. Dengan lain perkataan, RM2 bilion, RM2,000 juta sebulan duit yang dibakar hangus apabila kita masukkan RON95, masukkan diesel dalam kereta, motosikal, kita hidupkan enjin, duit itu terbakar hangus jadi asap, tidak produktif RM2 bilion sebulan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan ia perlu dikurangkan. Langkah-langkah yang disebutkan telah saya nyatakan tetapi kita juga memberikan langkah-langkah lain seperti bantuan persekolahan, bantuan makanan untuk anak-anak sekolah, pinjaman buku teks, bantuan kepada Orang-orang Asli, subsidi pengangkutan udara kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Keseluruhan subsidi kerajaan ini adalah RM46.7 bilion pada tahun 2013 dan RM44 bilion pada tahun 2012. Kita juga membantu rakyat dengan memberikan caj ataupun fi yang minimum atau percuma, perubatan di klinik, hospital kerajaan, pendidikan sekolah rendah, menengah, institut pengajian tinggi awam 90 peratus percuma dan juga pinjaman pelajaran. Banyak yang kita bantu kepada rakyat di negara ini.

Dato' Boon Som a/l Inong: [Bangun]

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, berapa lama lagi kerajaan akan menjangkakan akan mengekalkan penurunan ini kekal dengan harga sekarang. Keduaanya, adakah dengan penurunan ini pihak kerajaan dapat memastikan tidak berlaku ketirisan dan juga penyelewengan sebagaimana yang telah dijelaskan tadi. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari. Minyak kita ini tiris melalui dua kaedah. Yang pertama, sepatutnya industri kilang di Malaysia ini tidak menggunakan minyak subsidi namun tiris, ada penyelewengan berlaku.

Satu lagi ialah apabila harga minyak kita ini murah daripada semua negara jiran. Misalnya Malaysia, Diesel RM2 satu liter tetapi Thailand RM3.06, Singapura RM4.32, Indonesia RM3.43, Filipina RM4.32. RON95, Malaysia yang bersubsidi RM2.10, Thailand RM4.74, Singapura RM5.56, Indonesia RM3.05, Filipina RM5.44. Oleh sebab harga di luar itu mahal, maka berlaku ketirisan.

Kita akan mengukuhkan kawalan terhadap penyeludupan ini dengan kaedah bersepadu antara unit UPP kita bersama dengan Kastam, bersama dengan SPRM, bersama dengan Polis, bersama dengan APMM untuk memastikan perkara itu dapat dikurangkan. Berapa lama lagi? Itu dibuat kajian oleh kerajaan dari semasa ke semasa harga yang sekarang ini. Kita ada Jawatankuasa Fiskal Yang Berhormat Menteri di JPM yang baru menjawab tadi Dato' Senator Wahid ada di dalamnya, Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi pengerusi untuk terus berbincang pada bulan-bulan yang tertentu. Kita akan pastikan apa yang kita lakukan itu tidak membebankan rakyat dan banyak berita gembira harapnya pada 25 Oktober ini untuk membantu rakyat hsail daripada pengurangan subsidi ini.

■1040

3. Puan Chew Lee Giok minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapakah projek perumahan yang sakit, ditangguhkan dan yang terbengkalai.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengklasifikasikan projek bermasalah kepada tiga iaitu lewat, sakit dan terbengkalai. Definisi projek lewat, projek yang mengalami kelewatan di antara 10 peratus hingga 30 peratus berbanding yang sepatutnya. Projek sakit ialah projek-projek yang mengalami kelewatan melebihi 30 peratus berbanding kemajuan yang sepatutnya atau telah tamat tempoh perjanjian jual beli dan yang ketiga projek terbengkalai iaitu projek-projek yang ditakrifkan sebagai projek-projek yang memenuhi kriteria berikut:

- (i) projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh perjanjian jual dan beli dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama enam bulan secara berterusan;
- (ii) petisyen penggulangan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 218, Akta Syarikat 1966;
- (iii) syarikat diletakkan di bawah pegawai penerima dan pengurus, *receiver and manager*, dengan izin;
- (iv) pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada pegawai pengawal perumahan; dan
- (v) disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah seksyen 11(1)(c), Akta Kemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1966) [Akta 118].

Jumlah projek lewat dan sakit hingga 15 September 2013 adalah seperti berikut:

Sebanyak 44 projek di klasifikasi sebagai projek lewat dan 186 projek adalah diklasifikasikan sebagai projek sakit.

Pada 31 Ogos 2013, sebanyak 187 projek perumahan swasta yang di kategori sebagai terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia. Secara terperinci, sebanyak 136 projek iaitu 72.7 peratus telah berjaya disiapkan daripada jumlah 187 projek perumahan swasta yang terbengkalai. Sebanyak 44 peratus atau 23.6 peratus projek sedang berada di pelbagai peringkat pemulihan. Sehingga kini sebanyak tujuh projek atau 3.7 peratus yang masih di peringkat perancangan awal untuk dipulihkan. Bagi memudahkan rakyat melaksana senarai projek yang bermasalah ini, kementerian telah mengambil inisiatif untuk memuat naik senarai projek di laman web KPKT dan senarai ini dikemaskinikan setiap bulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Menteri. Soalan saya ialah apakah rancangan dan tindakan pihak kementerian untuk mengelakkan projek pembangunan perumahan yang bermasalah dan menyebabkan kesusahan kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sememangnya peka dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli perumahan terbengkalai ini. Sehubungan dengannya, kita kena membantu para pembeli dan kementerian telah mengambil beberapa inisiatif. Pertamanya untuk mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembiayaan kewangan atau *end financier* bagi unit rumah berkaitan dan melalui surat pengesahan ini, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan untuk mengurangkan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan;
- (ii) memohon dipertimbangkan daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali kedua; dan
- (iii) bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan kerajaan, mereka boleh mendapatkan kemudahan sama ada pertimbangan untuk pertamanya membatalkan pinjaman sedia dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama atau keduanya diberi pertimbangan untuk menanggungkan kenaan faedah pinjaman pada kadar 4 peratus sepanjang tempoh projek berkenaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, langkah-langkah yang telah diambil untuk kementerian bagi mengurangkan projek perumahan swasta dan terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) kita telah meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Akta 118, pada tahun 2012 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Antaranya pindaan yang telah dibuat adalah yang membolehkan pemaju perumahan yang terbengkalai ini dikenakan tindakan denda ataupun dipenjarakan dengan tempoh maksima tiga tahun;
- (ii) menambahbaikkan mekanisme pemantauan projek supaya lebih berkesan. Sekarang ini pemaju-pemaju perumahan telah diminta untuk mengemukakan Laporan Kemajuan Projek iaitu Laporan 7F kepada Jabatan Perumahan Negara empat kali setahun. Jabatan Perumahan Negara juga melakukan lawatan tapak dan premis pemaju bagi melihat sendiri kemajuan projek dan memeriksa akaun pemajuan;
- (iii) kita juga meningkatkan tindakan penguatkuasaan melalui Jabatan Perumahan Negara. Antaranya menyenaraihitamkan syarikat-syarikat pemaju serta ahli lembaga pengarah yang gagal mematuhi Akta 118 dan pemaju yang telah di senarai hitamkan Tuan Yang di-Pertua, tidak akan dipertimbangkan untuk lesen dan permit iklan dan jualan terbaru; dan

- (iv) mungkin ialah untuk mempertimbangkan konsep bina kemudian jual untuk menggalakkan pemaju perumahan menggunakan konsep terbaru ini yang boleh mengurangkan sedikit permasalahan rumah terbengkalai ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini khusus untuk projek yang terbengkalai Yang Berhormat ya. Sejauh mana kementerian mempunyai data ataupun statistik tentang pembeli-pembeli yang telah membuat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan yang terpaksa membayar balik kepada institusi kewangan ataupun kerajaan tadi, sedangkan rumah mereka belum tentu siap bila. Sebentar tadi walaupun Yang Berhormat Menteri telah menyatakan langkah-langkah yang telah diambil, tapi sejauh mana langkah-langkah yang dikatakan oleh Yang Berhormat membantu pembeli-pembeli golongan yang bermasalah tadi.

Soalan saya yang kedua ialah baru-baru ini banyak juga pemaju-pemaju yang menyiapkan rumahnya terlebih dahulu dan baru dijual. Itu satu langkah yang baik untuk mengelakkan daripada pembeli-pembeli menghadapi masalah jika berlaku projek sakit, terbengkalai dan sebagainya. Apakah kerajaan tidak melihat cadangan ataupun langkah-langkah seperti ini untuk memastikan supaya pemaju-pemaju ini terutama sekali pemaju-pemaju rumah kos rendah atau kos sederhana rendah. Siapkan dulu projeknya dan baru dijual kepada umum. Sekian, terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai statistik yang diminta oleh Yang Berhormat tapi kalau statistik ini boleh membantu, saya akan bagi satu statistik yang mungkin boleh memberi sedikit gambaran terhadap kebimbangan dan kekhawatiran Yang Berhormat. Untuk kategori projek terbengkalai, bilangan projek yang kita kategorikan sekarang ini oleh kementerian ialah 187 projek daripada 3,556 projek yang sedang berjalan sekarang ini. Akan tetapi projek terbengkalai 187 ini adalah projek yang mungkin terbengkalai ataupun dibuat sejak tahun 1997 dan 1998.

■1050

Kemudian, unit rumah yang terbabit daripada 187 projek ini adalah 54,786 unit rumah yang membabitkan pembeli seramai 36,674 orang. Jadi, dari segi statistiknya memang kita khuatir sebab setiap pembeli itu sudah tentu mempunyai keluarga dan keluarganya itu mungkin empat, lima orang dan ini akan menjadi masalah.

Saya ingin berkongsi pandangan Tuan Yang di-Pertua di sini. Selain daripada dasar-dasar atau pun polisi yang kita sebut tadi. Kita juga mempertimbangkan untuk mewujudkan skim-skim insurans yang telah kita bincangkan dengan pihak pemaju perumahan. Skim insurans ini adalah perlu untuk melindungi mereka yang membeli rumah dan skim insurans ini kalau terjadi projek-projek terbengkalai ini akan membantu untuk membayar pampasan kepada pembeli-pembeli tersebut.

Skim ini sudah pun diguna pakai di negara-negara luar dan pegawai-pegawai setelah pun melawat beberapa buah negara untuk mengambil iktibar daripada skim seperti ini untuk diperkenalkan di negara kita. Dengan wujudnya insurans ini nanti, kalau projek itu terbengkalai, pampasan daripada pihak insurans itu akan dapat diaktifkan. Akan tetapi, banyak lagi isu-isu yang perlu 'diperkemas' sebelum kita dapat memperkenalkannya terutama apabila kita hendak tahu kos itu akan dibayar oleh siapa? Kalau dibayar lagi oleh pembeli, kemudian kita terpaksa fikirkan bagaimana caranya supaya mereka tidak terlalu terbeban.

Berkenaan dengan konsep jual kemudian bina (JKB) atau pun *build and sell*. Bina dan jual dahulu. Isu ini adalah isu yang berpanjangan yang telah kita lihat. Buat masa ini, Menteri yang terdahulu daripada saya telah pun meletakkan 2015 sebagai tahun untuk kita melaksanakan konsep bina kemudian jual ini. Akan tetapi, kita masih lagi mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan terutama juga pemaju perumahan. Bukan kerana apa, kerana dasar ini pun bukannya sempurna 100 peratus.

Kalau projek perumahan atau pun pemaju perumahan yang kecil-kecilan ini sudah tentu tidak akan mampu untuk membina dahulu, kemudian menjualnya. Jadi, ada banyak pertimbangan yang kita buat Yang Berhormat tetapi yakin dan percayalah Kementerian saya akan memastikan yang paling utama ialah kepentingan pembeli rumah itu mesti didahulukan. Kalau insurans itu nanti boleh menjadi penyelamat kepada situasi ini, mungkin konsep bina dan selepas itu dijual, itu boleh difikirkan kemudian. Akan tetapi, yakin dan percayalah Kementerian saya memang melihat keadaan ini dengan begitu teliti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan Yang Berhormat Menteri, izinkan saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pelantikan semula saya sebagai Ahli Dewan bagi penggal yang kedua.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi kepercayaan kepada saya dalam pelantikan ini. Kepada Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai segala sokongan yang telah dikemukakan. Balasan yang saya boleh dapat beri ialah perjanjian untuk menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab untuk kepentingan rakyat dan negara. Saya juga mengalu-alukan empat kawan kita termasuk Tuan Yang di-Pertua termasuk Dato' Seri sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru. Terima kasih.

Sekarang, Yang Berhormat Menteri sementara kita faham bahawa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersungguh-sungguh berusaha untuk menghasilkan polisi perumahan negara termasuklah projek-projek terbengkalai. Saya suka meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat manakah Kementerian menggunakan kuasa di bawah seksyen 10, 11, 11b dan 12 Akta Pemajuan Perumahan atau menasihatkan kerajaan-kerajaan negeri menggunakan seksyen 125, Akta Kanun Tanah Negara untuk mengambil alih projek-projek yang sudah lama terbengkalai sehingga kadang-kadang berpuluh-puluh tahun, atau pun adakah Kementerian hanya menunggu kalau ada *white night* tiba baru hendak ambil tindakan? Terima kasih.

Dato' Abd Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebenarnya isu untuk mengisytiharkan sesuatu projek perumahan sebagai terbengkalai ini adalah kuasa Menteri. Dalam usaha untuk memulihkan projek-projek berkenaan, kerajaan tidak boleh bertindak terburu-buru Tuan Yang di-Pertua dan perlu adil. Ini bagi mengelakkan timbul masalah lain kepada semua pihak-pihak yang berkenaan. Antara sebab mengapa kerajaan tidak boleh terburu-buru untuk membuat pengisytiharan ini adalah:

- (i) bagi kes-kes pemajuan yang sedang dibicarakan di mahkamah. Sebaiknya kita kena menunggu sehingga mahkamah membuat keputusan terlebih dahulu sebelum projek ini dipulihkan;
- (ii) ketiadaan maklumat-maklumat projek yang lengkap. Siapa pembelinya, senarai pembelinya, hak milik tanah, *end financing*, *building plan*, dengan izin dan lain-lain bagi projek-projek yang sudah lama, 10 tahun, 20 tahun yang lalu dan menyebabkan Kementerian sukar untuk merancang dan mengisytiharkan projek tersebut terbengkalai;
- (iii) terdapat sesetengah pemaju asal yang masih cuba untuk menyelesaikan atau menyiapkan projek tersebut. Ini bagi memudahkan atau memelihara kepentingan pembeli dan pihak berkenaan kerana kalau isytiharkan sudah tentu bank terpaksa mengambil tindakan untuk menerima dengan izin *haircut*, pembeli pun begitu juga. Jadi, bagi projek-projek yang sebegini Kementerian Melalui Jabatan Perumahan Negara akan memberikan tumpuan yang lebih bagi memastikan projek berkenaan disiapkan; dan
- (iv) kita tidak mahu memberi isyarat kepada pemaju perumahan bahawa kerajaan akan membantu mereka setiap kali mereka berhadapan dengan kelewatan atau pun rumah terbengkalai.

Kalau tidak, mereka akan menyucikan tangan, membasuh tangan dan menyerahkan bulat-bulat kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Ini pun harus dipertimbangkan kerana kalau kita sentiasa, kalau ada projek itu projek yang lewat dan kita terus menerus mengisytiharkannya sebagai terbengkalai, maka yang menjadi permasalahannya ialah mereka akan membebankan dan melonggokkan semua masalah itu kepada kerajaan dan ini bukanlah satu penyelesaian yang baik untuk semua pihak. Itu sebabnya kita kena berhati-hati dan tidak terburu-buru.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah kerajaan akan menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan bila. Apakah pandangan kerajaan terhadap perjanjian tersebut dan adakah kerajaan didesak mana-mana pihak untuk menandatangani, jika ada, siapakah pihak-pihak tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Untuk maklumat Yang Berhormat, rundingan TPPA masih lagi berjalan dan masih terdapat banyak isu tertunggak yang belum dipersetujui oleh ahli-ahli TPP.

Isu-isu yang tertunggak sejak pusingan ke-19 di Brunei masih tidak dapat diselesaikan. Isu-isunya adalah berkaitan dengan pulangan oleh kerajaan, hak harta intelek, syarikat milik kerajaan, *Investor-State Dispute Settlement* (ISDV), akses pasaran dan juga alam sekitar yang mana isu-isunya adalah sangat sensitif kepada negara Malaysia dan memerlukan perundingan lanjutan. Isu-isu ini akan dibawa dalam mesyuarat pemimpin-pemimpin '3-P' pada hari esok di Bali. Justeru, keputusan untuk menandatangani perjanjian ini kelak bergantung kepada analisa menyeluruh, sama ada ianya akan mendatangkan manfaat atau sebaliknya kepada Malaysia.

Tentang apakah pandangan kerajaan terhadap perjanjian tersebut dan adakah kita terdesak untuk menandatangani. Saya ingin maklumkan kerajaan berpandangan bahawa penglibatan Malaysia dalam rundingan TPP ini penting untuk memastikan Malaysia masih berdaya saing.

■1100

Dalam pada itu TPP ini, melibatkan empat negara rakan dagang iaitu Mexico, Peru, Kanada dan Amerika Syarikat yang buat masa ini Malaysia masih belum memeterai apa-apa perjanjian perdagangan dua hala dengan mereka. Tambahan pula, negara-negara TPP seperti Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru yang mana Malaysia belum mempunyai FTA dengan mereka mengenakan duti import yang tinggi terhadap produk-produk Malaysia seperti kelapa sawit, *textile* dan produk-produk lain.

Pada masa sama juga, saya ingin maklumkan bahawa Malaysia akan ditamatkan daripada *Generalized Scheme of Preferences* ataupun GSP, dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang diberikan secara unilateral oleh Kanada dan juga EU, negara-negara Europe. Kanada merupakan salah sebuah ahli dalam rundingan TPPA. GSP merupakan satu mekanisme di bawah *United Nations Conference on Trade and Development*, dengan izin untuk mempromosikan pertumbuhan ekonomi negara sedang membangun di mana produk-produk dari negara-negara membangun seperti Malaysia dibenarkan untuk memasuki negara maju berkenaan dengan *preferential duty*.

Kanada, Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat akan menamatkan faedah GSP tersebut pada 1 Januari 2014 dan begitu juga negara-negara *Europe*. Ertinya barang kita ke sana terpaksa dikenakan cukai yang tinggi. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, perkara itu dipertimbangkan supaya kita ada akses pasaran dengan layanan cukai yang istimewa di negara Kanada dan juga di *Europe*.

Maka, oleh sebab itulah kita terpaksa mempertimbangkan untuk berdagang dengan negara-negara TPP sebanyak 12 negara dengan layanan istimewa.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memastikan kepentingan negara dan rakyat tidak terjejas. Kerajaan tidak akan menandatangani mana-mana perjanjian sekiranya perjanjian tersebut tidak memberi manfaat kepada negara. Kerajaan tidak terdesak atau kerajaan tidak didesak oleh mana-mana pihak untuk menandatangani perjanjian ini seperti mana yang didakwa oleh beberapa pihak. Perjanjian ini masih lagi dirundingkan dan perunding-perunding negara juga telah diberi mandat untuk meneruskan rundingan dengan mengambil kira kepentingan negara, dasar-dasar sedia ada dan Perlembagaan Malaysia, sekian terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ramai termasuk Ahli Parlimen dan juga mantan Perdana Menteri menyatakan bahawa kerugian kepada negara dan rakyat adalah lebih daripada keuntungan kerajaan kita menandatangani TPPA ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa tandatangan ini cuma akan ditangguhkan. Akan tetapi tidak ada misalnya tanda-tanda bahawa ia akan ditolak sepenuhnya. Saya ingin mendapat tahu apakah agaknya pendirian sebenar kerajaan dalam soal ini memikirkan hal-hal yang saya sebut tadi iaitu keuntungannya kurang daripada kerugian. Yang saya ingin tahu ialah adakah kita akan menangguhkan penandatanganan itu atau adakah kita tidak akan tandatangani sama sekali? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah pasaran yang sedia menanti di kalangan negara-negara TPP ini adalah permintaan ke atas 800 juta penduduk. Ertinya nilainya sangat besar dan sama ada kita untung atau rugi sebenarnya kajian telah pun dibuat dan sekarang ini kajian disambung lagi oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa keuntungan dari segi dagangan lebih memihak kepada kerajaan Malaysia ataupun lebih bertambah. Tidak wujud soal sama ada kita rugi. Sekadar kita perlu mendapatkan persetujuan atau konsesi dengan negara-negara lain terhadap perkara-perkara yang sensitif seperti yang saya sebutkan tadi seperti *government procurement*, dengan izin, juga soal-soal hak harta intelek, syarikat milik kerajaan dan sebagainya. Tidak sesekali akan ditandatangani sekiranya ia merugikan apatah lagi mencacatkan ataupun memusnahkan kedaulatan negara.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada kita tandatangan atau tidak, itu adalah perkara yang berterusan, yang selanjutnya. Sekiranya kerajaan fikir tidak menguntungkan atau menjejaskan kedaulatan negara, kerajaan tidak akan tandatangani. Cuma kerajaan menyebut bahawa buat masa ini kita masih menangguhkan untuk menandatangani perjanjian tersebut kerana masih banyak lagi isu-isu yang belum selesai seperti yang saya sebutkan tadi. Ertinya kalau selesai untuk satu tempoh yang panjang dan menepati *term-term* kita, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut bahawa kita hanya akan tandatangani sekiranya mengikut *terms* kita. Maknanya, berlanjutan selagi mereka boleh berunding dengan kita untuk mereka mengikut *terms* kita. Akan tetapi sekiranya *terms* itu tidak diikuti, maka kita tidak akan menandatangani. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya masih samar-samar lagi. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab dengan jelas apakah untungnya TPPA ini dan apakah rugi, kalau rugi sebab tangguh-tangguh. Adakah Tun Mahathir membangkang atau sebab lain-lain? Nyatakan di sini, *thank you*.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman. Sebenarnya sudah tentulah sekiranya kita menandatangani perjanjian tersebut ia akan mendatangkan keuntungan dari segi dagangan Malaysia. Itu tidak boleh dinafikan ada dalam data-data, kajian telah pun dibuat. Cuma kita rugi sekiranya *term-term* tersebut tidak diikuti ataupun tidak dipersetujui seperti yang saya sebutkan tadi tentang *government procurement*, tentang ISDS, tentang GLC dan sebagainya. Itu satu perkara yang agak sukar untuk dinilai sebenarnya.

Akan tetapi merujuk kepada jumlah permintaan yang melibatkan 800 juta penduduk memang menguntungkan. Cuma di sini, saya ingin tegaskan sekali lagi ada penentangan daripada misalnya negarawan-negarawan ulung kita. Itu satu perkara yang memang kita mengalu-alukan dari segi mendapatkan input.

Kalau input daripada bekas Perdana Menteri untuk kita anggap sangat penting, maka kita terima itu sebagai satu input yang kita terima secara menyeluruh untuk kita lebih berhati-hati lagi untuk membuat apa-apa keputusan terhadap TPPA tersebut pada masa kita menghadkan rundingan sebelum kita bersetuju untuk menandatangani perjanjian tersebut, sekiranya kita tandatangani. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Pendidikan menyatakan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 merupakan pelan yang setaraf negara maju. Peranan ibu bapa perlu sebagai 'pembimbing' anak-anak di rumah agar dapat sama-sama menentukan kejayaan agenda PPPM. Apakah mekanisme pihak kementerian untuk PIBG seluruh negara bertindak.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya memberikan jawapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Kalau Yang Berhormat pergi ke Pekan;
Singgah sebentar di Tanjung Bidara;
PPPM bersama kita jayakan;
Semoga capai hasrat wawasan negara.*

■1110

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Hebat Yang Berhormat, hebat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Anjakan 9, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan juga sektor swasta secara meluas telah pun menetapkan pelancaran saranan ibu bapa dan saranan sekolah pada 24 Februari 2013, sebagai sasaran pencapaian 100 hari dalam usaha membentuk satu ekosistem pembelajaran di kawasan masing-masing. Mekanisme untuk menjayakan inisiatif ini adalah:

- (i) melatih jurulatih utama yang terdiri daripada guru dan Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru, guru besar dan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri setiap negeri;
- (ii) pelancaran saranan ibu bapa yang disertai oleh 5,000 peserta termasuk wakil PIBG; dan
- (iii) promosi secara berterusan dan *road show*, dengan izin, di semua negeri.

Saranan ibu bapa dan saranan sekolah telah menyediakan panduan dan mekanisme kepada ibu bapa untuk berperanan dalam meningkatkan pembelajaran anak. Saranan ini menyediakan instrumen bagi ibu bapa untuk mengetahui atau menilai tahap penglibatan mereka dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid. Seterusnya ibu bapa diberikan panduan dalam mendidik anak dan contoh-contoh amalan terbaik. Ibu bapa boleh menghubungi pihak sekolah untuk membantu mereka dalam mendidik anak khususnya daripada aspek akademik. Dalam saranan ini juga ia merangkumi pengaliran maklumat khususnya tentang faedah-faedah 1BestariNet supaya ibu bapa dapat menggunakan projek tersebut untuk mengoptimalkan peranan mereka sebagai pendidik di rumah.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan *taskforce* inisiatif penglibatan ibu bapa, komuniti dan swasta peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah sebagai mekanisme untuk pihak sekolah, PIBG, komuniti dan swasta bertindak dalam anjakan kesembilan ini. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu kerjasama ibu bapa, komuniti dan swasta secara meluas.

Sehubungan dengan itu, pihak PIBG diminta untuk bekerjasama dengan pihak sekolah supaya ibu bapa didedahkan tentang bagaimana untuk menggunakan dan memanfaatkan saranan ibu bapa. PIBG perlu menganjurkan program bersama ibu bapa untuk membolehkan ibu bapa sedar, faham, menerima dan menggunakan saranan bagi meningkatkan pembelajaran anak. Di bawah struktur PIBG sedia ada, Biro Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) diwujudkan untuk membantu ibu bapa melalui perkongsian buah fikiran dan menangani setiap isu.

Kumpulan sokongan ibu bapa ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa murid dan sekolah. Melalui KSIB, lebih banyak interaksi, kerjasama, perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku. Selain itu, di bawah struktur PIBG juga diwujudkan Biro Maklumat untuk dijadikan medan komunikasi penyebaran maklumat di antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang cukup panjang lebar tadi. Saya ada satu soalan tambahan. Adakah langkah-langkah ataupun mekanisme yang diambil itu mengikut tempoh tertentu ataupun diambil kira untuk dari setahun ke setahun? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita melakukan penilaian dari tahun ke tahun malah dengan mewujudkan seperti mana yang dan katakan tadi *taskforce* inisiatif penglibatan ibu bapa ini kita akan menyelia, mengawasi dan juga melihat pencapaian mereka dari semasa ke semasa. Ini juga merupakan satu kaedah yang akan kita gunakan setiap masa supaya saranan ibu bapa ini dapat kita laksanakan untuk mematuhi dan juga memenuhi keperluan-keperluan dalam aspek Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan yang ada kaitannya dengan kaedah mengukur kejayaan PPPM ini. Maksud saya secara spesifik ialah PPPM ini sebenarnya adalah kelanjutan daripada PIPP dan pada pandangan saya dan dapat diujahkan bahawa PIPP tidak begitu berjaya dan antara sebab kenapa PIPP ditukar bentuk menjadi kepada PPPM saya rasa adalah kerana kurang berjayanya PIPP. Antara kesilapan PIPP pada pandangan saya kerana saya tidak secara langsung terlibat Tuan Yang di-Pertua ialah kerana kaedah pengukuran yang tidak betul. Umpamanya satu-satu kegiatan yang diadakan dianggap sebagai kejayaan. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya adakah kaedah yang sistematis yang dirangka baru dan diperbaiki daripada cara mengukur PIPP dahulu dalam menilai kejayaan agenda PPPM ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sentiasa melihat dan juga akan mengekori kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Kita sedar ada kekurangan dari pelan sistem kaedah PIPP itu tetapi itu ia merupakan satu pengalaman dan kita ambil kira pengalaman-pengalaman tersebut apabila kita mewujudkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini yang mana lebih telus dan juga yang mana ada kaedah-kaedah dan juga cadangan-cadangan bagaimana kita dapat mencari kejayaan.

Banyak cara dan kaedah telah kita cadangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini dan malah kementerian telah wujudkan satu unit yang akan memberi tumpuan khusus semata-mata untuk memastikan pelancaran dan kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Unitnya dipanggil Unit Padu. Unit Padu ini akan memastikan apakah kaedah-kaedah yang mana kita dapat mencari kejayaannya.

Saya pasti malah kementerian kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Jusoh, Menteri-Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita pasti bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini akan mencapai kejayaan kerana kita komited. Kerjasama yang kita akan terima dari warga pendidik, ibu bapa dan juga semua rakyat Malaysia akan memastikan bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini bukan sahaja akan melonjakkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang akan mengeluarkan industri pendidikan terbaik malah akan memartabatkan lagi industri pendidikan negara kita. Itu hasrat kita dan saya harap Yang Berhormat juga akan bersama-sama kita untuk memberi peluang kita melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh manakah kejayaan tindakan polis membanteras secara besar-besaran kumpulan kongsi gelap dan penjenayah berbahaya khususnya yang memiliki senjata api.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini pihak polis telah mengesan penglibatan kumpulan gengster ataupun kongsi gelap di seluruh negara yang mana telah menyebabkan kenaikan kadar jenayah indeks terutama yang melibatkan jenayah kekerasan dan penggunaan senjata api sejak kebelakangan ini. Sebagai langkah pencegahan, pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan senarai 49 identiti dan pertubuhan haram yang bergerak di seluruh negara baru-baru ini. Susulan daripada pengisytiharan tersebut, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas pada 17 Ogos 2013 untuk membuat pengesan, pemantauan, pencegahan, aktiviti kumpulan-kumpulan kongsi gelap dan kumpulan gengster ke seluruh negara. Operasi ini dilaksanakan melalui kaedah berikut:

■1120

- (i) mengumpul risikan dan mengenal pasti kumpulan sasar yang akan dibuat tapisan serta mendapat keterangan-keterangan yang boleh menyokong untuk tujuan mendakwa mereka yang ditangkap di mahkamah atas apa juga kesalahan dan aktiviti yang telah dilakukan.
- (ii) melaksanakan dokumentasi dan rakaman percakapan risikan untuk tujuan penyimpanan data (*indexing*) perkara yang berkaitan aktiviti-aktiviti ahli kongsi gelap;
- (iii) membuat pemantauan supaya tidak ahli-ahli kumpulan kongsi gelap dan orang yang dikehendaki iaitu *wanted person* dengan izin, terlepas lari ke negara jiran. Pemeriksaan akan dibuat di pintu masuk di seluruh negara dan juga pemantauan lorong-lorong tikus di sempadan negara; dan
- (iv) membuat pemeriksaan dan penggeledahan di tempat persembunyian tempat yang sering dikunjungi dan markas kumpulan kongsi gelap untuk mencari senjata berbahaya yang diguna oleh kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 7 Oktober yakni hari ini, seramai 418,922 orang yang disyaki telah dibuat tapisan, sebanyak 15,877 orang telah ditangkap. Sejumlah 469 senjata api dan senjata berbahaya serta 678 buah kenderaan telah dirampas. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi ini dijalankan adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh, menurun hampir 33 peratus daripada 104 kes kepada 69 kes dalam tempoh 52 hari operasi dijalankan.

Di samping itu, sebanyak 352 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Pertubuhan 1966, 62 kes fail dibuka di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan sebanyak 144 kertas siasatan telah dibuka di bawah kesalahan senjata api atau senjata berjadual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 kes telah dituduh di mahkamah atas kesalahan berkaitan dengan senjata api dan senjata berjadual. Pihak polis akan meneruskan Operasi Cantas secara berterusan bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara dan sehingga rakyat akan merasa selamat dan memastikan *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat dikurangkan.

Pihak kementerian juga telah mencadangkan pindaan buat Akta Pencegahan Jenayah 1959 bagi memantapkan lagi penguatkuasaan terhadap kumpulan kongsi gelap, gengsterisme dan jenayah terancang dalam sesi Dewan Rakyat yang baru-baru ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu tadi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang baru dilantik selaku Ahli Dewan Negara dan tahniah khusus kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah bertugas dengan penuh dedikasi sehingga berjaya memberkas ramai ahli anggota kongsi gelap sebagaimana yang dimaklumkan sebentar tadi. Walau bagaimanapun, Ops Cantas telah menyebabkan ramai ahli kongsi gelap ini telah menyeberang sempadan.

Soalan tambahan saya, apakah langkah berkesan PDRM termasuk kerjasama dengan INTERPOL bagi memberkas ahli kongsi gelap yang telah menyeberang sempadan? Apakah tindakan yang lebih strategik bagi mengawal kemasukan senjata api ke negara ini khususnya dari segi risikan supaya pencegahan dan tindakan awal dapat diambil terutama di sempadan-sempadan atau di lokasi-lokasi di mana berpotensi untuk membekal senjata-senjata api yang telah pun diguna berleluasa sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua tiga persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya juga, sebelum saya terlupa mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dilantik, yang baru pun mengangkat sumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya juga mengucapkan bagi pihak kementerian dan kerajaan, terima kasih banyak-banyak dengan Yang Berhormat kerana telah menyokong dan menilai dengan tinggi kejayaan dan usaha pihak kementerian dan juga pihak polis. Inilah yang kita harapkan oleh kerana negara kita Yang Berhormat, kena kita jaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat, tidak lebih daripada itu.

Ahli Yang Berhormat, kita juga mengetahui bahawa kemungkinan pihak-pihak gengster ataupun kumpulan ini keluar daripada sempadan negara kita untuk pergi ke negara-negara jiran. Bahkan kita telah mengenal pasti bahawa banyak mereka ini telah lari ke India dan juga ke Thailand. Dengan itu, kita telah membuat perbincangan dan kerjasama dengan pihak-pihak tertentu termasuk dengan pihak INTERPOL. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang, kerjasama di antara kita khususnya dengan negara jiran di kawasan ASEAN ini memang amat akrab. Bahkan saya sendiri pun baru balik daripada dua perbincangan iaitu untuk menangani dan perbincangan berhubung dengan jenayah *transborder crimes* ataupun menerusi sempadan di seluruh ASEAN.

Perancangan kita adalah secara menyeluruh, bukan sahaja melihat soalan-soalan pelarian yang diakibatkan oleh Ops Cantas, tetapi juga dalam semua sudut pencegahan jenayah di rantau ASEAN supaya negara kita bersama dengan jiran kita di rantau ASEAN ini akan bebas daripada jenayah. Tidak ada sebuah negara di ASEAN ini boleh menjadi satu *heaven* kepada pihak penjenayah yang lari dari satu-satu tempat. Bahkan pada tindakan yang baru-baru ini iaitu semasa GPEX *exhibition* di Putrajaya, saya telah ditemui ataupun dikunjungi hormat oleh empat Timbalan Menteri daripada negara jiran yang menyarankan supaya kita adakan lagi satu perbincangan di peringkat kementerian, Menteri di seluruh rantau ini supaya kita boleh memperkuatkan lagi dan mengetahui apakah masalah-masalah jenayah di negara-negara ASEAN dan negara-negara yang berdekatan dengan ASEAN supaya kita boleh mengetahui bagaimana untuk menanganinya supaya tidak ada sebuah negara pun boleh menjadi satu tempat yang menjadi *sanctuary* dengan izin, kepada pihak penjenayah ini.

Kedua, soalan Yang Berhormat adalah soalan senjata api. Sebagaimana yang saya telah sebut pada sesi yang lepas bahawa saya sendiri telah pergi ke Kelantan dan berbincang dengan Ketua Menteri Kelantan berhubung dengan apakah tindakan yang patut kita buat untuk mengelakkan daripada penyeludupan yang kerap dikatakan di sempadan daripada Sungai Golok yang 95 kilometer dan di atas daratannya ada 32 kilometer sepanjang 120 kilometer Yang Berhormat. Selepas lawatan saya itu, Menteri sendiri telah pergi ke sana dan Menteri telah mengisytiharkan bahawa kita merancang untuk memagar keseluruhan kawasan tetapi ini adalah tiga hala Yang Berhormat, perbincangan kita dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan, soal penempatan semula, pemindahan rakyat dan sebagainya daripada tepian Sungai Golok itu sendiri.

Ketiga, kita kena berbincang dengan pihak kementerian kita sendiri, dalaman kita sendiri iaitu Kementerian Kewangan dan sebagainya untuk menyediakan sumber kewangan untuk kita melaksanakan apa yang dicadangkan oleh Menteri.

Selain daripada itu, di Sarawak juga jangan kita lupa. Kita ada 2,110 kilometer sempadan dengan Kalimantan. Ini juga didapati bahawa ada ketelusan bahawa senjata ini boleh di seludup menerusi sempadan di Sarawak dan juga di Sabah. Di Sabah kita ada ESSCOM, di Sarawak kita masih belum ada operasi-operasi yang tertentu. Namun demikian kita mengambil tindakan, kita akan menubuhkan unit pencegah penyeludupan di Sarawak tidak lama lagi. Ini masih lagi dalam perbincangan di antara kerajaan supaya boleh ditubuhkan, *insya-Allah* pada tahun akan datang.

■1130

Ini semua perancangan secara holistik Yang Berhormat untuk mengatasi masalah penembusan sempadan ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas kepada KDN. Akan tetapi, saya ingat bilangan kongsi gelap itu ramai lebih kurang 380,000 orang. Dinyatakan tadi ditangkap adalah 15,000 orang. Soalan saya, apakah peratus sebenar atau *target* sebenar yang hendak ditangkap, berapa peratus? Sekarang 15,000 orang.

Saya kira dalam 30 peratus sahaja. Dari segi peratus kecil tetapi jumlah besar. Jadi saya syorkan, kurang-kurang 70 peratus ditangkap daripada 380,000 orang. Jadi, kalau begitu bila *target* ini- kalau ada *target*. Perlu ada *target*. Bila tarikh atau bila masanya? Apakah cara yang betul-betul cepat dan berkesan? Ini kerja baik. So saya fikir kena ada *target* yang tinggi. Ia bukan 20 peratus atau 30 peratus. Malah tinggi lagi. Terima kasih.

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat rakan saya bersoal yang amat cantik sekali Tuan Yang di-Pertua. Memang saya menerima hakikat bahawa kita telah menahan 418,922 orang yang disyaki terlibat dengan kongsi gelap dan hanya sebanyak 15,877 orang ditangkap. Dalam masa yang sama kalau kita lihat di bawahnya lagi hanya beberapa fail sahaja dibuka untuk penyelidikan dan berapa sahaja yang dituduh. Rintangan kita pada masa sekarang ini Yang Berhormat ialah apa yang dikatakan *the collection of evidence* atau pengumpulan bukti yang nyata untuk membolehkan kita menuduh mereka ini di mahkamah.

Dalam keadaan sedemikian, itulah kenapa kita telah membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 di Dewan Rakyat dan telah juga diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini. Jadi apabila undang-undang itu telah diluluskan nanti, *insya-Allah* akan dibawa ke Dewan Negara ini dan saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian demi negara kita dan demi kesejahteraan rakyat kita, sokonglah undang-undang ini nanti.

Yang Berhormat dari Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kawan saya, kita akan ambil tindakan yang lebih ketat lagi. Saranan Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar untuk mengatakan supaya kita ada *target* tertentu pada ketika itu nanti...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan Dato' Bakar, Dato' Haji Rahman bin Bakar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Dato' Haji Rahman minta maaf Yang Berhormat Dato' Haji Rahman. Yang Berhormat Dato' Rahman, *insya-Allah* kita akan tepati *target* ataupun sasaran-sasaran yang kita buatkan apabila undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Negara ini nanti dan disahkan oleh Duli Yang di-Pertuan Agong. Saya memohon semua Yang Berhormat sokong demi negara dan bangsa dan masyarakat kita seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan yang lain, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada empat orang rakan baru kita yang baru dilantik pagi tadi. Tahniah. Eh! Mana mereka?

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada seorang pun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Sorry, sorry.* Saya pandang belakang. Saya fikir dia ada belakang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

7. **Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sekiranya kementerian mempunyai maklumat yang lengkap mengenai tanah-tanah terbiar di seluruh negara yang berpotensi untuk dibangunkan secara komersial sebagai sebahagian daripada usaha mengurangkan kebergantungan kita kepada negara-negara asing.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat, memang kerajaan mempunyai maklumat berhubung dengan tanah terbiar di seluruh negara. Hasil daripada kajian yang dibuat, kita mendapati ada 110,170 hektar tanah terbiar di seluruh negara. Terbesar sekali ialah di Sarawak sebanyak 60,000 hektar.

Kedua di Pahang 9,601 hektar, Kelantan 8,105 hektar dan di negeri-negeri lain saya fikir tidak perlu saya sebutkan kerana mengambil masa yang panjang. Tanah-tanah ini merangkumi tanah yang dimiliki oleh individu dan juga tanah-tanah kerajaan negeri pun juga banyak yang terbiar.

Sebagai menjawab bahagian yang kedua soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus iaitu bagaimana kiranya tanah-tanah ini boleh dimajukan untuk mengurangkan pergantungan kita kepada import khususnya barang-barang makanan.

Apa yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus, pada Malaysia ini kita sedang mengenal pasti pemilik-pemilik tanah ini dan Yang Berhormat pun sedia maklum ada banyak tanah terbiar ini yang dimiliki oleh pemilik individu yang terpaksa kita cari mereka yang kita tidak tahu di manauduknya, tinggal begitu sahaja dan ada tanah-tanah ini terbiar oleh kerana tertanggungnya pencarian kuasa apabila keluarga meninggal dunia. *So dengan izin, it is quiet complicated matter actually to resolve this* tanah terbiar ini. *So* dari segi pemilikan, tanah kerajaan tidak ada masalah.

Tanah semua *holdings* yang dimiliki oleh individu. Itu kajian atau aspek pertama yang kita lakukan. Aspek kedua kita sekarang sedang juga mengenal pasti kesesuaian tanah untuk dimajukan, sesuai untuk tanaman apa, di tempat mana dan ini sedang dibuat kajian dan *insya-Allah* dalam tempoh terdekat kita akan dapa satu rumusan bagi menggubal satu Pelan Tindakan Pembangunan tanah-tanah terbiar ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniahlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu komprehensif yang saya tidak sangka sebegitu komprehensif itu. Tidak sia-sia beliau ini *graduate* daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Akan tetapi walau bagaimanapun, ada soalan tambahan yang saya hendak kemukakan.

Pertama, daripada tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh kerajaan itu, ada atau tidak barangkali yang diusahakan oleh pihak-pihak tertentu secara haram? Ini barangkali kita ada datanya sekarang. Akan tetapi, antara perkara-perkara yang saya rasa perlu diambil perhatian juga. Ini kerana saya menanyakan maklumat yang lengkap mengenai tanah-tanah terbiar. Tadi bila diberikan *detail* tentang sekian banyak yang terbiar di Sarawak dan di Sabah, saya sangat teruja dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akan tetapi selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, semangat daripada soalan saya ini sebenarnya ialah apakah langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada negara-negara asing. Ertinya, meneroka kemungkinan menggunakan atau memanfaatkan tanah-tanah terbiar ini hanyalah salah satu langkah daripada usaha untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada hasil produk-produk pertanian asing.

■1140

Saya katakan begitu kerana saya mempunyai data di sini Tuan Yang di-Pertua. Dalam tahun 2009, kita mengimport barang komoditi pertanian sebanyak RM26 bilion. Kemudian pada tahun 2010, meningkat kepada RM30 bilion. Pada tahun 2011 meningkat kepada RM34 bilion. Kemudian pada tahun 2012 – RM36 bilion. Bermakna bahawa kebergantungan kita kepada produk-produk import pertanian ini semakin bertambah. Oleh itu, saya harap perkara ini akan diberi perhatian serius selain daripada hanya melihat kepada...

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan soalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ayat terakhir. Selain daripada memanfaatkan tanah-tanah terbiar itu, apakah langkah-langkah lain kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada nilai-nilai import itu? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama berhubung dengan tanah-tanah yang diterokai. Ini memang wujudlah di banyak tempat. Walau bagaimanapun ia di bawah kuasa kerajaan negeri, *state land, it is a state matter*, dengan izin. Jadi tindakan untuk membanteras pengusaha-pengusaha haram ini terletak kepada keseriusan dan keberanian pihak kerajaan negeri. *That is beyond our ministry's control*, dengan izin. Itu untuk soalan yang pertama dalam soalan tambahan itu tadi.

Kedua berhubung dengan import *substitution* dengan izin, memang kita mengetahui bahawa kita mengimport begitu banyak bahan makanan seperti yang disebutkan RM36 bilion. Akan tetapi sebenarnya kita juga mengeksport bahan-bahan makanan dan kalau tidak silap angka yang diberi oleh pegawai kepada saya, *the net figure of all imports it's only about RM14 billion*. RM36 bilion itu mungkin import tetapi *we have to minus* dengan eksportnya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang kita import adalah beras umpamanya. Kita mengimport beras sebanyak 1.6 juta metrik tan. Nilainya lebih kurang RM1.8 bilion. Ini satu contoh, di mana kita sekarang sedang meningkatkan pengeluaran beras padi dan dengan itu meningkatkan pengeluaran beras yang diperlukan oleh negara. Jumlah ini merupakan 30 peratus daripada keperluan negara terhadap beras.

Selain daripada itu umpamanya kita juga mengimport buah-buahan tropika – 130 juta dan sayur-sayuran – 2.8 bilion. Jadi sebahagian daripada produk-produk makanan yang diimport ini, boleh kita keluarkan dengan projek-projek pembangunan tanah terbiar ini nanti. Namun untuk makluman Yang Berhormat Datuk Dr. Firdaus, ada bahan-bahan makanan yang kita tak boleh tanam dalam negara kita ini. Dia punya tanah dan *climate* tidak sesuai untuk tanam yang itu.

Contohnya bawang. Bawang-bawang kita dapati di negara kita ini susah sedikit dan tanah tidak sesuai untuk tanaman ini. Bawang ini satu bahan makanan yang banyak kita gunakan dan terpaksa diimport umpamanya lebih kurang RM800 juta import bawang sahaja. Kemudian ubi kentang pun RM500 juta kita import. Ini kebanyakannya diimport daripada negeri Belanda. Bawang tadi daripada India.

Jadi dari segi kerajaan, mana bahan-bahan makanan yang boleh ditanam di dalam negara kita oleh kerana tanahnya sesuai dan *climate* juga sesuai, kita akan usahakan untuk ditanam dan dapat mengatasi import yang sedang berlaku pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedah dikenali sebagai periuk nasi Malaysia. MADA memainkan peranan penting bagi menjaga sawah padi ini. Jadi daripada dulu, ingat 20 tahun dulu, kawasan MADA di Kedah masih keluasan yang sama bahkan Kedah memiliki banyak tanah-tanah yang terbengkalai.

Adakah kementerian mengkaji semula peranan MADA supaya lebih aktif dalam memperkasakan bidang pertanian di negeri Kedah ini.

Satu lagi sekarang saya lihat bahawa petani kecil, perladangan kecil ini lebih penting subsidi daripada benih padi sendiri. Kadang-kadang kita tengok sawah padi ini rumput lebih tinggi daripada padi. Jadi kualiti padi, kualiti beras ini taklah dipentingkan. Apa yang dipentingkan adalah subsidi. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu kiranya tidak begitu menjurus kepada pembangunan tanah-tanah terbiar. Lebih kepada input pertanian dan juga masalah pengairan di MADA. MADA ini bukan tanah terbiar, tanah yang sudah dibangunkan. Cumanya dari segi sistem pengairannya belum lagi dapat dimajukan sepenuhnya dan dengan sebab itu hasil atau produktiviti agak rendah pada masa ini, lebih kurang lima hingga enam metrik tan per hektar. Kita mempunyai matlamat untuk meningkatkan sehingga sepuluh atau kalau boleh lebih daripada itu produktiviti bagi setiap hektar. Kerajaan ataupun MADA sendiri sedang berusaha untuk meningkatkan dan menaik taraf pengairan ini. Peruntukan sebanyak RM1.2 bilion kalau tidak silap saya telah pun diluluskan kepada MADA secara berperingkat. Diharapkan hasil daripada pelaksanaan pengairan yang moden, yang lebih efisien ini dapat membantu meningkatkan hasil di kawasan MADA itu.

Berhubung dengan input, memang pada masa ini MARDI membuat hasil kajian berhubung dengan benih ini. Ada sudah beberapa benih padi yang baik-baik yang telah membantu untuk meningkatkan produktiviti setiap hektar tanah sawah padi. Jadi kita tidak hanya bergantung kepada subsidi, akan tetapi kaedah-kaedah yang lain seperti benih, *good agriculture practice* atau amalan pertanian baik, juga adalah di antara langkah-langkah yang kita lakukan untuk memastikan bahawa hasil pertanian ini dapat ditingkatkan. Terima kasih.

8. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kadar pencen bagi pesara-pesara perkhidmatan awam akan disemak semula dalam masa terdekat memandangkan kos hidup yang kian meningkat terutama sekali yang terpaksa ditanggung oleh mereka yang pernah berkhidmat dalam kumpulan rendah dan sokongan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pencen bulanan untuk pesara adalah ditetapkan di bawah Akta Pencen 1980 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dan juga gaji terakhir. Ramai daripada Dewan ini, saya rasa elok dengar yang ini ya. Banyak yang berpencen dan akan berpencen.

Kerajaan juga telah melaksanakan perhitungan pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksima 30 tahun bagi pesara dan penerima pencen berkuat kuasa daripada 1 Januari 2009. Ini membolehkan pesara dan penerima pencen menerima kadar pencen maksimum 60 peratus daripada gaji akhir. Di samping itu mulai 1 Januari 2013, pencen dinaikkan pada kadar 2 peratus setahun. Oleh kerana kenaikan 2 peratus ini baru dilaksanakan, maka kerajaan belum berhasrat untuk menaikkan kadar pencen. Walau bagaimanapun, kerajaan terbuka kepada apa-apa bentuk cadangan di masa akan datang.

■1150

Sebagai maklumat tambahan, saya rasa sebab kita tidak sempat bersoal jawab. Saya ingin maklumkan bahawa kebanyakan pencen di luar negara adalah berdasarkan kepada caruman oleh pihak pekerja dan majikan, manakala di Malaysia, pihak pekerja tidak perlu mencarum untuk mendapat pencen bulanan setelah diberi taraf berpencen. Pegawai atau tanggungan akan layak mendapat pencen apabila bersara atau meninggal dunia. Bayaran kepada faedah persaraan ini dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan Kumpulan Wang Disatukan. Pesara turut diberi bantuan khas mengikut kemampuan kerajaan. Sebagai contoh, pada tahun ini, sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri, pesara dan penerima pencen diberi bantuan khas sebanyak RM250.

Selain daripada itu, tanggungan dan waris menerima bantuan mengurus jenazah sebanyak RM3,000 bagi setiap kematian pesara. Selain daripada itu, semua pesara kerajaan seperti yang saya sebutkan juga mendapat kenaikan sebanyak 2 peratus tiap-tiap Januari setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bayaran pencen bulanan yang ditanggung oleh kerajaan sehingga kini ialah sebanyak RM872,529,748. Jumlah penerima pencen ialah 677,118 orang penerima. Seperti yang telah saya sebutkan tadi bahawa bantuan khas juga diberi kepada penerima pencen seperti pada tahun 2012, kita memberi RM500 dan pada tahun 2013 seperti yang telah saya sebutkan.

Saya juga hendak maklumkan bahawa ada kes-kes di mana isterinya menerima pencen. Suaminya bekerja dengan kerajaan, juga penerima pencen. Suaminya mati, isteri dapat lagi pencen. Dia berkahwin semula, suami tersebut mati pula, dia kahwin semula, suami itu mati pula dan seterusnya demikianlah kehidupannya.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Soalan tambahan saya ialah adakah masih terdapat penerima pencen ini di bawah angka RM900? Saya sebut RM900 ini kerana kerajaan telah pun meluluskan gaji minimum kepada pekerja-pekerja sektor swasta sebanyak RM900. Adakah terdapat lagi penerima pencen terdiri daripada kumpulan sokongan yang di bawah RM900 itu? Walaupun RM900 itu memang tidak cukuplah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapannya ialah ada. Ini kerana kita kena ingat ada juga pesara tentera dan juga lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, saya akan beri jawapan bertulis untuk pertanyaan khusus ini bagi membolehkan kita mendapat angka yang sebenar. Kita tahu ada yang dapat pencen rendah dan sebagainya. Akan tetapi setelah pelarasan dibuat, seperti yang telah saya maklumkan tadi, kenaikan biasa itu telah ditetapkan, sementara yang RM900 ini, dia mengikut tempoh perkhidmatan. Akan tetapi kerajaan telah tetapkan bahawa pencen minimum adalah sebanyak RM820, yang lain mengikut tempoh perkhidmatan. Kita sudah beritahu bahawa dia akan mendapat 60 peratus daripada gaji terakhir dalam tempoh perkhidmatan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Soalan saya ialah adakah perempuan akan mendapat pencen lebih daripada satu?

Kedua, adakah galakan dan tambah pencen ini menyebabkan terdapatnya dorongan atau tendensi isteri "suka-suka" bila suami atau suami-suaminya mati. Kalau ada, silakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang ini amat sukar untuk kita jawab. Akan tetapi sudah pasti apabila kita berkongsi hidup, tidak ada isteri yang mahu melihat suaminya pergi dahulu. Itu sebab apabila kita tengok- ini kepada isterilah. Kalau suaminya sakit, dialah yang menjaga segala kekurangan suaminya. Jadi saya rasa tendensi Yang Berhormat sebut itu jarang berlaku. Kalau ada berlaku, berlakulah iaitu bila suami pencen, jadi suami dapat pencen, dia berilah bulanan kepada isterinya berapa dan sebagainya. Akan tetapi apabila suaminya pergi, isterinya akan dapat pencen. Itu saya sebutkan tadi, isterinya mungkin ada rupa dan sebagainya, dia kahwin, suami itu mati. Mungkin mati setahun seorang kah, *wallahualam*. Akan tetapi begitulah keadaan yang akan berlaku.

Akan tetapi saya ingat tidak ada kes di mana isteri meminta suami mati cepat supaya pencen itu dapat dekat dia seorang dan sebagainya. Dia sudah sampai kepada umur yang dia dari segi fizikal, dari segi kehendaknya sebagai wanita itu sudah berkurangan daripada sebelum daripada dia pencen. Kalau pun ada, itu adalah kes-kes yang tertentu. Akan tetapi kita berdoa semoga isteri sentiasa berdoa semoga suaminya selamat. Jadi sama ada boleh dapat lebih daripada satu itu, itu memang berlaku. Kecuali soalan nombor satu dalam pemilihan MT tidak berubahlah- calon nombor satu.

Kemudian, saya hendak maklumkan sekali lagi Yang Berhormat bahawa Malaysia adalah di antara negara di dunia yang beri pencen bukan berdasarkan kepada caruman, kerajaan beri. Negara-negara lain di luar negara walaupun mereka dapat pencen tinggi tetapi pekerja dan majikan bagi caruman kepada tabung pencen dan mereka mendapat pencen selepas mereka bersara. Akan tetapi di Malaysia, semua ditanggung oleh kerajaan. Kerajaan yang kita tubuhkan pada tahun 1957 sehingga sekarang iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maka dengan itu, tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG
(PINDAAN) 2012 (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada dasarnya, Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 yang dibentangkan ini, saya rujuk sebagai Akta A1444 telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada 9 Julai 2012 yang lalu. *Akta A1444* ini merupakan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 [*Akta 166*] bagi meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan. Akta A1444 ini juga telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 5 September 2012.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta A1444 ini masih belum mula berkuat kuasa memandangkan Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam telah memutuskan supaya akta ini berkuat kuasa secara serentak dengan kedua-dua rang undang-undang, Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013 yang akan dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta A1444 tersebut, telah meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Semenanjung Malaysia bagi membolehkan peguam asing untuk menjalankan amalan guaman di dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui perkongsian antarabangsa dengan izin, *international partnership*, firma guaman asing berkeelayakan dengan izin, *qualified foreign law firm* dan penggunaan khidmat peguam asing oleh firma guaman Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 3, [*Akta A1444*] telah memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen 37(2A) ke dalam Akta 166 yang memperuntukkan larangan terhadap mana-mana orang yang tidak diberi kuasa untuk melakukan apa-apa perbuatan yang lazimnya dalam fungsi atau tanggungjawab seorang peguam bela dan peguam cara.

■1200

Pada dasarnya, larangan tersebut adalah ditujukan kepada peguam asing yang memasuki Malaysia secara *fly in, fly out*, dalam memberi khidmat undang-undang di negara ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaan subseksyen 37(2A) yang baru ini dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan dan pertikaian perdagangan antarabangsa kerana penggunaan beberapa terma yang tidak konsisten dengan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya rang undang-undang ini mengandungi 4 hal perkara:

- (i) adalah pindaan kepada seksyen 1, Akta A1444 untuk menggantikan subseksyen 1(2) bagi membolehkan supaya peruntukan-peruntukan di bawah Akta A1444 diberi tarikh kuat kuasa yang berlainan;
- (ii) adalah cadangan pindaan kepada subseksyen 37(2A) bagi memastikan konsistensi dengan komitmen antarabangsa;
- (iii) adalah cadangan pindaan bagi memasukkan subseksyen baru 37(2B) untuk mengecualikan pemakaian peruntukan larangan di bawah subseksyen 37(2A) tadi; dan
- (iv) adalah cadangan pindaan susulan kepada seksyen 40M bagi memperjelaskan kuasa pihak berkuasa tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pindaan terhadap seksyen 3 [Akta A1444] dengan menggantikan subseksyen 37(2A) yang sedia ada dengan subseksyen 37(2A) yang baru, saya ingin merujuk kepada komitmen antarabangsa Malaysia melalui *General Agreement on Trade in Services* atau GATS, di bawah *World Trade Organization (WTO)*, di mana Malaysia telah membuat komitmen untuk tidak menyekat mana-mana perkhidmatan undang-undang yang dibekalkan melalui kaedah merentas sempadan.

Secara ringkasnya, *cross border supply*, dengan izin, melibatkan amalan di mana pembekal perkhidmatan asing membekalkan perkhidmatan merentas sempadan ke negara anggota WTO yang lain. Komitmen ini juga termasuklah tidak boleh mengenakan apa-apa bentuk sekatan sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti melalui mel elektronik atau komunikasi telefon.

Memandangkan peruntukan subseksyen 37(2A) yang sedia ada melarang semua kaedah bekalan *modes of supply*, secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan perkhidmatan perundangan secara *fly in, fly out*, adalah penting bagi peruntukan ini untuk dipinda bagi mengeluarkan terma yang secara langsung atau tidak langsung tadi daripada peruntukan tersebut bagi memastikan *consistency* dengan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah WTO bagi sektor perkhidmatan perundangan.

Oleh yang demikian, cadangan pindaan bagi menggantikan subseksyen 37(2A) yang sedia ada kepada subseksyen 37(2A) yang baru dalam Akta 166 ini adalah supaya kaedah bekalan khidmat perundangan digambarkan secara umum dan tidak menggambarkan sebarang kekangan di bawah Akta 166.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya melalui fasal 3 rang undang-undang ini juga adalah dicadangkan supaya satu subseksyen 37(2B) yang baru dimasukkan bagi mengecualikan pemakaian peruntukan larangan di bawah subseksyen 37(2A) kepada peguam asing yang memasuki Malaysia dalam memberi khidmat undang-undang tertakluk kepada syarat bahawa tempoh masa kemasukan peguam asing tersebut tidak melebihi 60 hari.

Melalui peruntukan baru subseksyen 37(2B) ini, larangan *fly in, fly out* yang peruntukan di bawah subseksyen 37(2A) tidak akan terpakai bagi peguam asing termasuk di bawah definisi peguam asing dalam seksyen 40(A) [Akta A1444]. Mana-mana peguam asing yang memasuki Malaysia bagi memberi khidmat undang-undang dengan syarat bahawa tempoh masa kemasukan peguam asing tersebut mestilah tidak melebihi 60 hari. Tempoh masa 60 hari tersebut ditetapkan supaya konsisten dengan perenggan 21, Jadual 6 berkenaan pendapatan yang dikecualikan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, fasal 4 mengandungi cadangan pindaan terhadap seksyen 4 [Akta A1444] dengan menggantikan seksyen 40M yang sedia ada di bawah bahagian 4A [Akta A1444] tersebut dengan seksyen 40M yang baru bagi memperjelaskan bahawa mana-mana peguam asing yang memasuki Malaysia sama ada melalui pendaftaran dan pelesenan di bawah bahagian 4A atau melalui amalan *fly in, fly out* di bawah subseksyen 37(2B) hendaklah mematuhi semua kaedah-kaedah dan keputusan Majlis Peguam dan tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud semua tindakan disiplin.

Berdasarkan fakta-fakta yang telah yang saya kemukakan tadi, adalah jelas bahawa pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012, adalah satu keputusan yang wajar dan perlu bagi memastikan liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan tersebut dapat dilaksanakan dan bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan peruntukan yang berlainan dalam Akta A1444 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong? Silakan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menghantar nama untuk membahaskan RUU Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012. Saya sekali lagi ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam sesi persidangan kita kali ini kita ada empat rang undang-undang yang akan dibentangkan ataupun yang akan dibahaskan.

Jadi, bagi untuk memudahkan kita mengatur masa dalam masa tempoh empat hari ini dan juga supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu turut serta membahaskan rang undang-undang berkenaan mendapat peluang dan masa yang cukup untuk membahaskan rang undang-undang. Jadi, saya mohonlah mohon kerjasama Yang Berhormat seperti biasa untuk menghantar nama dan mana-mana rang undang-undang Yang Berhormat ingin turut serta membahaskan dengan secepat mungkin. Jadi, tanpa melengahkan masa maka sekarang saya buka ruang ini untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat membahaskan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

12.07 tgh.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan sekali lagi pada saya untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 dan 2013. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil langkah bijak dengan membuat pindaan Akta Profesion Undang-undang Akta A1444 bagi meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan.

Kemasukan peguam asing atau peguam antarabangsa memberikan kesan yang positif dalam bidang perundangan negara. Pertama kemasukan peguam atau syarikat antarabangsa akan meningkatkan kepakaran peguam tempatan melalui perkongsian antarabangsa atau melalui amalan guaman bersama syarikat guaman tempatan khususnya dalam bidang perbankan Islam, pasaran mudah atau pinjaman antarabangsa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kedua kemasukan peguam dan syarikat guaman antarabangsa akan meningkatkan lagi reputasi syarikat guaman tempatan melalui perkongsian antarabangsa antara syarikat guaman tempatan dan syarikat guaman antarabangsa yang sememangnya telah mempunyai reputasi yang tinggi. Kemampuan dan kebolehan syarikat-syarikat guaman tempatan ini dalam mengendalikan kes-kes berprofil tinggi akan memberikan keyakinan kepada pelabur luar datang ke negara ini sekali gus meningkatkan pelaburan langsung negara.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, perkongsian antarabangsa dalam bidang perundangan juga akan membantu daripada segi perpindahan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang amalan undang-undang, pertukaran maklumat dan pandangan serta sebagainya. Bagaimanapun, peguam asing atau peguam antarabangsa yang memasuki negara ini mestilah memiliki kelayakan-kelayakan minimum dan kebolehan yang sewajarnya termasuklah peguam yang keluar masuk ke negara ini untuk memberikan khidmat nasihat undang-undang. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan agar jawatankuasa pemilihan yang terdiri daripada Majlis Peguam dan Peguam Negara menggariskan kriteria yang wajar bagi memastikan peguam-peguam atau syarikat guaman berkelayakan sahaja yang dibenarkan memasuki Malaysia.

Berhubung dengan kemasukan peguam ini juga, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kawalan yang ketat perlulah diambil kerajaan bagi memastikan peguam-peguam asing ini tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam apa jua perundangan negara. Kerajaan juga hendaklah memastikan kehadiran dan kemasukan peguam asing ini tidak akan menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah mekanisme bagi memantau gerak-geri peguam asing ini bagi mengelak kehadiran mereka mengancam keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ringkas sahaja saja, saya ingin menyentuh cadangan pindaan subseksyen 37(2A) yang bertujuan bagi memastikan konsistensi dengan komitmen antarabangsa khususnya bagi memastikan keselarasan dan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia atau WTO.

Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah pindaan subseksyen 37(2A) ini penting dalam meningkatkan imej dan reputasi negara termasuk kemampuan untuk menarik pelabur asing ke negara kita. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya silakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

12.13 tgh.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya dan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Pindaan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013.

Pindaan Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 ini telah pun diluluskan oleh Parlimen pada 9 Julai 2012 yang lepas dan mendapat perkenan daripada Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 September 2012. Bagaimanapun, pindaan Akta 166 ini adalah bertujuan meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan dan akta ini kini dikenali sebagai Akta A1444.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang mengambil langkah yang wajar untuk melakukan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang Akta A1444 ini sebagai inisiatif bukan sahaja daripada segi transformasi profesion undang-undang di negara ini tetapi juga ianya sebagai langkah untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta A1444 ini, peguam asing dibenarkan untuk menjalankan amalan di Malaysia dengan cara;

- (i) melalui perkongsian antarabangsa;
- (ii) firma guaman asing berkelayakan, dan;
- (iii) menjalankan amalan guaman di bawah firma guaman tempatan.

Saya menyokong pindaan ini bagi membolehkan peguam-peguam asing ke negara ini khususnya bagi meningkatkan kepakaran peguam-peguam tempatan kepada bidang amalan undang-undang termasuklah perbankan dan guaman Islam. Langkah ini adalah sejajar dengan langkah kerajaan bagi menjadikan dan memajukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang perlu dibangkitkan di Dewan yang mulia ini bagi perhatian kerajaan.

Pertama, dasar liberalisasi sektor perundangan bertujuan untuk memperkukuhkan perbankan dan kewangan Islam. Maka sewajarnya ia melibatkan peguam-peguam Islam. Jadi dalam hubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah yang akan diambil bagi memastikan penglibatan peguam-peguam Islam dalam agenda meliberalisasi sektor perkhidmatan perundangan ini.

Kedua, kemasukan dan kehadiran peguam-peguam antarabangsa ini termasuklah syarikat-syarikat guaman antarabangsa sudah tentulah akan menjejaskan syarikat-syarikat guaman yang kecil mahupun yang sederhana khususnya melalui perkongsian antarabangsa.

Perkongsian syarikat guaman tempatan dengan syarikat guaman antarabangsa berkemungkinan menyebabkan syarikat tempatan menjadi mangsa kerana kekurangan kepakaran dan modal. Saya khawatir dan gusar dengan perkongsian antarabangsa ini kerana saya juga bimbang syarikat guaman tempatan akan menjadi syarikat minoriti sahaja. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah mekanisme kerajaan bagi melindungi syarikat guaman tempatan dalam perkongsian antarabangsa ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan pegangan saham dalam syarikat perkongsian antarabangsa ini dengan memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus saham dipegang oleh syarikat guaman tempatan.

Ketiga, kemasukan dan kehadiran guaman dan syarikat antarabangsa juga akan menyekat peluang syarikat guaman tempatan yang kecil dan sederhana untuk dilantik sebagai panel undang-undang dalam syarikat milik kerajaan GLC ataupun bank-bank tempatan dan antarabangsa kerana syarikat guaman antarabangsa yang besar akan dipilih kerana mempunyai kelebihan daripada segi kepakaran. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah yang akan diambil bagi melindungi syarikat-syarikat guaman tempatan dan seterusnya membuka peluang kepada syarikat-syarikat ini untuk menjadi panel undang-undang dalam GLC.

Saya ingin mencadangkan agar kerajaan menetapkan dan memberikan jaminan bahawa syarikat GLC dan bank-bank di negara ini memberi kerja panel perundangan kepada syarikat guaman tempatan bagi jenis kes mahkamah dengan kos RM5 juta ke bawah dan dengan cara ini, syarikat-syarikat guaman akan mendapat peluang untuk mendapat kerja-kerja guaman tersebut. Kita tidak mahu keadaan di mana ibarat pepatah 'kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan'.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengharapkan pindaan rang undang-undang ini...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Boleh minta laluan?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum habis itulah, saya bukan seorang *lawyer* tetapi juga seorang profesionlah. Saya nak minta pendapat Yang Berhormat berhubung dengan pegangan saham ini. Dalam profesion saya, kita ada akta yang mengkhususkan supaya untuk sementara inilah sehingga kita lebih matang dan sebagainya, syarikat-syarikat kepunyaan ataupun warganegara kita boleh memegang saham 51 peratus dan daripada luar negara 49 peratus.

■1220

Dengan jalan itu, maka kita dapat menentukan kuasa itu dipegang oleh syarikat-syarikat guaman tempatan lebih-lebih lagi syarikat-syarikat guaman yang kecil dan sederhana. Kalau tidak, *will be overwhelmed*. Lagi satu saya nampak dalam profesion-profesion mana pun, *tendency* orang-orang kita ini asalkan namanya jenama "*mat saleh*", ianya lebih digunakan. Saya takut kalau-kalau Muhammad & Co., Lim & Co. akan terhambus dengan nama-nama antarabangsa yang kononnya besar-besar. Boleh jadi mereka itu hanya mempunyai satu pejabat kecil di London tetapi oleh sebab namanya, maka ianya digunakan sungguh pun kepakarannya tidak begitu. Saya minta pandangan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim di atas pandangan tersebut. Pandangan itu saya anggapkan satu pandangan yang boleh melengkapkan lagi hujah saya memastikan guaman-guaman tempatan lebih dipandang dan terjamin akan masa depannya bagi memastikan sahamnya yang dikatakan 51 peratus tempatan di samping hak asing yang perlu kita masukkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pindaan rang undang-undang ini sewajarnya mampu meningkatkan daya saing firma-firma guaman tempatan melalui perkongsian antarabangsa dengan syarikat guaman antarabangsa yang mempunyai reputasi yang lebih tinggi dan dikenali di peringkat antarabangsa, seterusnya proses liberalisasi ini akan menjadikan negara ini berprestij dalam aspek perundangan antarabangsa. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut catatan saya, saya ada seorang lagi Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan rang undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud.

Saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat sekali lagi, kalau ada di antara Yang Berhormat yang mahu membahaskan rang undang-undang ini, tolong hantarkan nama kepada saya sekarang. Kalau tidak, selepas Tuan Syed Shahir berucap nanti, saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud. Silakan Yang Berhormat.

12.22 tgh.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta dalam perbahasan ini sepanjang mengenai Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 [*Akta A1444*] yang disebut Akta ibu.

Nampaknya bahawa kita sekarang ini sedang kalut dalam proses liberalisasi. Liberalisasi ini dikaitkan dengan globalisasi seolah-olah kita tidak ada pilihan lain. Maknanya kalau kita tidak campur dalam hal ini, ertinya kita akan berada dalam keadaan yang ketinggalan. Apakah benar begitu? Soalan ini harus dijawab. Jangan nanti kita tergopoh-gapah sehingga menyebabkan sebahagian besar dari usaha anak negeri warganegara kita sendiri ketinggalan. Liberalisasi ini Tuan Yang di-Pertua, apakah senada dengan *Trans-Pacific Partnership Agreement*? Ada semacam nampaknya seolah-olah ini kunci pembuka kepada pintu TPPA, seolah-olah begitu. Apakah benar begitu? Kalau benar begitu, malang sekali bahawa kita mulai dengan satu profesion yang sangat dimuliakan.

Tuan Yang di-Pertua, belajar daripada pengalaman walaupun ianya tidak dalam kerangka liberalisasi, sedikit sepanjang mengenai perniagaan barangan, perniagaan atau pun perdagangan yang berhubung dengan barangan runcit. Dalam 10 tahun atau 15 tahun kebelakangan ini kita lihat bukan hanya di kota-kota besar, malah di pekan-pekan kecil pun sudah mulai ada *supermarket*, kalau tidak pun *hypermarket* atau pun pasar raya besar. Soalnya ialah apa jadi dengan kedai-kedai runcit yang dipunyai dan diperniagakan oleh orang-orang tempatan, anak negeri? Apa jadi? Kita tengok sekarang ini kedai runcit sudah semacam seolah-olah tidak ada lagi. Semua orang berkejar ke *hypermarket* atau pasar raya besar.

Kebimbangan ini Tuan Yang di-Pertua, juga ada kaitan dengan apa yang kita bahaskan pada pagi ini yakni apakah nanti kedatangan firma-firma guaman yang besar, hebat, yang mempunyai modal besar, staf yang ramai, akhirnya pengamal-pengamal undang-undang yang kecil ini sudah sedikit demi sedikit akan terhakis. Belajarlah dari pengalaman apa yang berlaku di Singapura. Walaupun ia tidak dalam kerangka seperti apa yang katakan tadi TPPA, tetapi di Singapura ada pengalaman di mana firma-firma kecil guaman ini sudah mulai merasa kesan daripada apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya mengenai bahasa perantaraan dalam mahkamah. Ini kerana kita selalu mendengar adanya keprihatinan dan rasa gelisah di kalangan orang-orang kita mengenai bahasa dalam hal-hal rasmi. Di mahkamah, kita gunakan bahasa Melayu. Dengan liberalisasi ini, apa jadi dengan bahasa Melayu ini nanti? Kita tidak mengehadkan misalnya penggunaan bahasa Inggeris, namun dasar dan perlembagaan kita sangat jelas mengenai hal ini. Apakah misalnya peguam-peguam yang datang dari luar ini akan dikursuskan dahulu mengenai hal ini atau kita kata itu bukan prioriti atau keutamaan bagi kita? Apa yang utama bagi kita adalah mereka datang dan kita membuka pintu.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian adalah mengenai hal yang berkaitan dengan salah laku. Ini juga perlu diperjelaskan sebab kita juga sedar di dalam profesion guaman ini pun berlaku hal-hal atau salah laku yang telah dilakukan oleh pengamal undang-undang. Jadi, bagaimana pula dengan keadaannya apabila nanti akan datang berpusu-pusu peguam-peguam daripada luar ke dalam negeri ini dan mengamalkan atau pun menjalankan kes-kes yang berkaitan dengan hal yang kita bincangkan pada pagi ini?

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pandangan rakan-rakan sebelum ini mengenai ekuiti ataupun pegangan saham sepanjang mengenai firma guaman ini. Kita tidak mahu orang hanya menggunakan tempat kita ini sebagai batu loncatan sahaja. Ertinya ia tidak membawa apa-apa nilai tambah selain daripada menggunakan peluang yang ada kepada peguam-peguam yang datang dari luar.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana pula timbal balik peguam-peguam kita ini? Apakah kita juga mendapat peluang dan hak yang sama seperti mereka? Ertinya, dia datang ke sini, dia mengamalkan, dia mendapat manfaat daripada kita. Di masa yang sama, bagaimana pula peguam-peguam kita? Jadi jangan hanya dia makan sebelah sahaja. Kalau dia makan sebelah sahaja, ini maknanya tidak mendatangkan banyak manfaat kepada kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa hal ini harus dilihat secara terperinci, secara halus dan jangan nanti kita '*menang secupak, kalah segantang*'. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

12.31 tgh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk turut berbahas atau meminda Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013.

Sebelum itu saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada rakan-rakan Senator yang telah dilantik pada hari ini. Saya berharap mereka akan dapat memberi sumbangan yang baik dan bermakna kepada Dewan dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat daripada perbincangan yang telah diutarakan oleh rakan-rakan daripada sebelum ini saya ini, ada yang melihat secara positif tentang pindaan yang telah dibuat ini dan ada juga menaruh kebimbangan terhadap apa yang akan berlaku andaian-andaian yang akan berlaku. Saya juga tidak terlepas daripada dua keadaan tersebut di mana kita, pada satu pihak kita melihat sesuatu perubahan undang-undang yang hendak dilakukan itu pasti ada latar belakang dan juga rasional. Namun pada waktu yang sama, kita juga perlu menjangkakan apa yang akan berlaku, apa yang tidak diingini berlaku di dalam masyarakat kita.

Dalam persoalan ini, saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah permohonan daripada pihak-pihak luar untuk sehingga kita terpaksa meminda peraturan dan akta ini ataupun kita merasakan ia perlu dipinda kerana hendak memberi peluang kepada pihak luar untuk beramal di dalam negara kita?

Begitulah juga saya ingin mengetahui, pihak-pihak luar yang berkepentingan di dalam negara kita, adakah mereka sudah tidak mempunyai keyakinan terhadap peguam bela dan peguam cara di dalam negara kita? Ini satu persoalan yang perlu kita lihat secara serius. Kalau sekiranya mereka mempunyai keyakinan dengan peguam bela dan peguam cara yang ada di dalam negara kita, maka sebenarnya kenapa mereka takut untuk datang melabur atau sebagainya di dalam negara kita?

Walaupun saya tidak menafikan kedatangan peguam-peguam luar itu memberi input atau impak yang baik untuk pengalaman dan sebagainya, namun ia juga perlu dilihat dari sisi yang lain iaitu kelemahan rakyat Malaysia di dalam melaksanakan tugas yang penting dan besar ini.

Kalau sekiranya kelemahan ini, ketidakupayaan ini atau ketidakpercayaan dan keyakinan pihak dari luar tentang peguam bela dan peguam cara kita, maka satu langkah perlu dilihat diambil agar keupayaan itu dapat ditingkatkan sehingga mendapat kepercayaan dari pihak luar. Itu yang perlu kita garapkan supaya masyarakat kita mendapat tempat yang tinggi dan dihormati dan mendapat keyakinan daripada pihak-pihak yang berkepentingan untuk berada di dalam negara kita. Kemudian seterusnya, adakah peguam-peguam kita belum cukup jumlahnya untuk menangani hal-hal tersebut?

Nah, kalau sekiranya tidak cukup, boleh diusahakan untuk diperbanyakkan kerana saya yakin dan percaya negara kita mempunyai keupayaan ke arah itu. Kita pun ada fakulti undang-undang dan kita boleh hantar kursus dan berbagai-bagai cara supaya kita dapat memberi kekuatan kepada masyarakat kita. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Shahir tadi, kalau sekiranya kita membuka ruang ini kepada pihak luar untuk beramal di dalam negara kita, maka adakah hal yang sama juga kita dapat lakukan di negara-negara yang berkenaan? Biar orang kata ada timbal balas yang sewajarnya, yang adilnya. Kita tidak mahu kita hanya memberi tetapi mereka tidak membuka apa-apa peluang untuk kita.

Seterusnya, saya ingin melihat juga perkara ini nanti. Walau bagaimanapun saya melihat akta ini akan diluluskan dan dilaksanakan.

Tadi saya dekat daripada pembentangan Yang Berhormat Menteri, ada kawalan-kawalan. Kawalan-kawalan agar pihak-pihak yang berkenaan tidak akan dapat melakukan dengan sewenang-wenangnya. Itu satu hal yang sangat baik dan perlu diberi penegasan yang sungguh-sungguh agar sistem kita tidak dicerobohi dengan sewenang-wenangnya oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan di atas peluang yang telah diberi atau dibuka.

Saya melihat tadi dalam perbincangan tadi ramai yang menyebut tentang hal perdagangan. Pihak luar akan dijemput atau datang ke sini untuk memberi pandangan atau nasihat kepada peguam di Malaysia atau ada kerjasama. Adakah hanya ia terbatas kepada hal-hal perdagangan, kewangan atau mal atau pun juga ia berkaitan dengan jenayah kerana kita tahu bahawa hal-hal seperti ini berlaku tanpa sempadan. Hal semua kes-kes yang melibatkan mahkamah berlaku dalam negara kita dan adakah mereka boleh melaksanakan, beramal dalam negara kita dalam semua bidang undang-undang dan tanpa had, tanpa sempadan. Tidak hanya sebagaimana yang saya dengar tadi menumpukan kepada hal-hal yang berkaitan dengan kewangan, pelaburan dan sebagainya.

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh di sini bahawa kita walaupun memberi peluang kepada orang luar, namun kita jangan lupa keutamaan perlu kepada warga kita. Kita perlu lihat warga kita lebih utama daripada orang lain. Sifat kekitaan itu perlu kita jaga dan sifat kepentingan kita perlu kita kawal dan orang lain yang akan memberi khidmat itu adalah untuk dalam kerangka kepentingan kita dan kita tidak boleh lepas dengan begitu bebas.

Saya juga menaruh kekhawatiran kalau sekiranya saham-saham tadi dipegang lebih besar oleh mereka dengan syarikat-syarikat kecil di pihak kita, maka sudah pasti syarikat kita pun akan tunduk kepada mereka dan tidak akan dapat berbuat apa-apa. Tuan Yang di-Pertua, itu sedikit pandangan saya dan saya harap pihak kementerian mengawal betul-betul apa yang telah dibentangkan ini agar hak dan kepentingan kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan rakyat akan dapat dipelihara sampai akhirnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

12.40 tgh.

■1240

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberi peluang saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi dalam apa jua bidang termasuk bidang perkhidmatan terutamanya, undang-undang adalah tidak dapat dielakkan dalam dunia sekarang ini. Sekiranya kita tidak dapat mengambil tindakan positif dalam hal ini, pastinya kita akan ketinggalan.

Kita boleh lihat negara jiran sebelah yang begitu terkenal dan membangun bermodalkan sektor perkhidmatan mereka dalam liberalisasi profesion guaman di negara itu telah lama dilaksanakan lebih 20 tahun. Ini telah membantu kepada pembangunan sistem-sistem lain seperti Sistem Kewangan Islam dan sebagainya dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara tersebut. Pada dasarnya kita semua sama ada Ahli Parlimen di Dewan ini atau di Dewan Rakyat telah sepakat dan meluluskan pindaan undang-undang bagi membenarkan dan membuka ruang kepada peguam-peguam antarabangsa memberi khidmat guamannya di negara ini.

Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk meliberalisasikan perkhidmatan di negara ini dan meningkatkan ekonomi negara serta menjadikan negara kita lebih berdaya saing, ke arah menuju negara maju berpendapatan tinggi 2020. Ini juga berkaitan dengan komitmen negara untuk tidak menyekat mana-mana perkhidmatan yang dibekalkan melalui kaedah merentas sempadan dalam *General Agreement on Trade in Services*, dengan izin atau GATS. Pindaan-pindaan dalam rang undang-undang ini dilihat bagi memastikan melepaskan dan meleraikan kekangan yang wujud dalam undang-undang sedia ada.

Seksyen 37(2A) membenarkan peguam asing masuk dan keluar atau *fly in fly out* dalam tempoh 60 hari. Tempoh 60 hari bagi menyelesaikan masalah perundangan agak singkat, terutamanya bila melibatkan mahkamah. Namun dalam hal ini, saya percaya kerajaan perlu bekerjasama dengan pihak peguam atau Majlis Peguam dalam memastikan prasarana sistem perundangan negara juga cekap dan perlu ditingkatkan dan di perkasakan dari semasa ke semasa selaras dengan matlamat peruntukan yang dinyatakan.

Contohnya jika suatu kes dalam pertikaian tersebut dibawa ke mahkamah dan dibicarakan, maka ia merupakan satu cabaran kepada pihak-pihak mahkamah dalam memastikan mereka efisien dalam melaksanakan tugas mereka. Tahap profesionalisme pegawai-pegawai mahkamah juga perlu ditingkatkan, agar mereka dapat menjadikan perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan. Isu bahasa juga perlu dititikberatkan kepada mereka agar tidak menimbulkan masalah dan kekangan kepada pelaksanaan dasar ini kelak.

Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, bila mana pintu terbuka luas untuk peguam-peguam asing datang ke sini, kita harap tidak menenggelamkan peranan peguam-peguam kita terutamanya firma-firma bersaiz kecil dan medium supaya mereka diberi perhatian agar mereka ini tidak terkubur ataupun tidak berkubur. Isu panel kepada bank tempatan dan antarabangsa serta syarikat-syarikat besar perlu diberi perhatian. Kerajaan juga dipohon agar dapat menyediakan prasarana bagi membantu firma-firma kecil dan sederhana agar tidak disisihkan dan diberi peluang untuk maju.

Maka kita berharap agensi-agensi yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia dapat menyediakan garis panduan tertentu agar firma-firma kecil dan sederhana ini tidak disisihkan. Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berhubung dengan pindaan fasal 4 di mana peguam-peguam asing yang memasuki Malaysia juga adalah tertakluk kepada etika peguam bela dan peguam cara di Malaysia, serta hendaklah mematuhi semua kaedah-kaedah dan keputusan Majlis Peguam dan tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud tindakan disiplin.

Peruntukan ini adalah memastikan profesionalisme bidang guaman ini. Dengan kemasukan peguam asing dalam industri perkhidmatan guaman, ini memberi cabaran yang baru kepada Lembaga Tatatertib Majlis Peguam. Jadi wajar sekali diwujudkan garis panduan yang jelas agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan. Saya juga ingin mengambil peluang berhubung perkara yang ditimbulkan sekarang ini, profesionalkah peguam, profesionalkah kita, terutamanya dari segi salah laku sebagaimana rakan saya utarkan.

Saya ingin bertanya berdasarkan rekod, berapakah jumlah kes salah laku di kalangan peguam yang dicatatkan sejak lima tahun lalu dan apakah tindakan terhadap mereka yang terlibat? Apakah tindakan yang dilakukan bagi memastikan peguam-peguam di negara ini kompetitif dan memahami tanggungjawab mereka agar isu salah laku ini dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja ringkas dapat saya bahaskan kali ini. Jadi itu sahaja. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tanpa melengahkan masa saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli, silakan Yang Berhormat.

12.47 tgh.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut sama membahaskan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012. Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan yang dilakukan pada kali ini merupakan pindaan yang kecil yang nampaknya ringkas, akan tetapi kesannya cukupnya mendalam atau signifikan terhadap profesi ke peguaman negara di Malaysia. Ini khususnya kesannya terhadap peguam-peguam tempatan dan juga yang mungkin selalu tidak diambil kisah ialah kesannya terhadap anak-anak guam sendiri.

Dua seksyen yang dipinda ini, satunya secara jelas dalam kehendak pindaan ini ialah bertujuan untuk membuka ruang liberalisasi terhadap peguam-peguam asing, untuk datang ke negara ini dan melakukan amalan guaman mereka, seperti mana mereka lakukan di negara mereka. Persoalan kita ialah apakah mekanisme kawalan? Saya membaca sepintas lalu dan mohon mendapat pandangan daripada teman-teman, daripada Majlis Peguam Malaysia. Apa yang jelas di sini ialah walaupun ada Menteri menegaskan bahawa akan ada kawalannya, akan tetapi pindaan ini tidak memberikan spesifikasi yang jelas had amalan guaman yang dibenarkan. Adakah ianya tertakluk hanya kepada konsultasi atau kepada semua bidang termasuk membicarakan soalan jenayah, perdagangan, perumahan, perbankan dan sebagainya? Tidak ada.

Kalau kita baca secara teliti, tidak ada. Kosong. Bermaksud dia boleh masuk dan mengamalkan apa sahaja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang ini pun sudah ramai peguam luar masuk ke negara ini, memberikan khidmat nasihat ke peguaman secara dalam bentuk konsultasi (*consultation*). Akan tetapi itu tidak termaktub dalam Akta Profesion Undang-undang ini. Mungkin mereka masuk atas bermacam-macam alasan. Alasan untuk menziarahi, bercuti dan sebagainya. Cuma persoalan kita ialah kalau tidak tetapkan limitasinya, tidak tetapkan kriterianya, saya yakin liberalisasi yang keterlaluan ini yang saya yakin seperti mana yang dituntut di TPPA iaitu *Trans Pacific Partnership Agreement* ini akan merosakkan nilai guaman negara.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kalau pelajar undang-undang kita sendiri yang belajar di luar negara, dia hendak balik menjadi peguam di Malaysia dia kena contohnya ambil *Certificate of Legal Practice* (CLP). Dia kena ambil pelbagai peperiksaan, habis dia periksa dia kena menjadi *pupillage* selama sembilan bulan, prosesnya panjang. Walaupun dia pernah mengamalkan di luar negara, balik Malaysia dia kena buat semula. Kenapa kelebihan ini diberikan kepada peguam asing? Kenapa tidak ada pelonggaran kepada anak negara ini sendiri untuk mengamalkan undang-undang di negara ini? Pindaan ini betul. Sedikit sahaja, tidak banyak, kesannya cukup mendalam pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sekarang sudah faham. Sebelum ini kita agak keliru tentang peranan Majlis Peguam, peranan Akta Profesional Undang-undang ini. Akta ini mengawal selia segala perilaku dan segala amalan kepeguaman negara. Ianya termasuk menggalakkan kualiti profesion amalan kepeguaman negara. Kalau tujuan kita selain daripada liberalisasi, contohnya untuk meningkatkan kualiti amalan guaman negara ini, kenapa tidak kita tumpukan kepada meningkatkan kualiti pengajaran di universiti-universiti tempatan?

Sekarang ini saya lihat terlalu banyak kolej swasta yang membuka ruang yang keterlaluan untuk kursus-kursus undang-undang sehingga kualiti undang-undang yang dilahirkan itu bagi saya terlalu biasa. Di Lembah Klang sahaja lebih 15,000 orang peguam. Lembah Klang sahaja, belum lagi seluruh negara.

Adakah kita bertujuan di dalam Sistem Pendidikan Negara menghasilkan lebih ramai peguam atau menghasilkan peguam yang berkualiti?

Adakah untuk kita menjawab persoalan atau permasalahan kurangnya kualiti kepeguaman negara, kita bawa masuk peguam asing. Jadi saya rasa kita harus lebih berhati-hati. Saya mohon Menteri yang terlibat kalau betul-betul kita terpaksa buka ruang ini kepada peguam luar, kena ada limitasi yang jelas bidang mana, konsultasi perbankankah? Perdagangan antarabangasakah? Kena ada limitasi. Jangan buka semua. Bila kita sudah buka semua, hendak tutup balik susah seperti mana amalan pemilikan hartanah negara ini.

Saya rasa di Malaysia ini satu-satunya negara kalau tidak di dunia, di Rantau Asia Tenggara yang bebas memberikan milikan pada warga asing. Kita bebas menjual tanah kita kepada warga asing atas dasar amalan liberalisasi. Cuba kita pergi ke *Thailand*, boleh tidak kita beli tanah di sana? Cuba kita pergi ke Indonesia, ke *Cambodia*, ke Vietnam? Tidak boleh. Kita terlalu membuka ruang sehingga sampai ke tahap kita menggadaikan kedaulatan negara. Saya mohon kementerian yang terlibat...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri peluang?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya agaklah Yang Berhormat agak konservatif dan negatif. Setujukah Yang Berhormat kalau bukan ada McDonald dan KFC, takkan ada Marry Brown kita di luar negeri? Itu sahaja.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Yang Berhormat, persoalan McDonald, KFC ini persoalannya yang tidak ada *relevancy* sama sekali. Ini persoalan orang nak *mai* berniaga dalam negara, kita bagi. Saya bercakap tadi amalan kepeguaman, kualitinya berbeza, tahap pendidikannya berbeza. Kalau Yang Berhormat ada duit hendak buka Marry Brown di Singapura silakan, tidak ada masalah. Akan tetapi yang kita berbincang hari ini, meluluskan pindaan yang sekecil ini yang kesannya terlalu mendalam ini, kita harus fikirkan kesan jangka panjangnya kepada amalan profesi kepeguaman negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sekali lagi kepada Menteri yang terlibat. Kalau boleh pindahkan, letakkan had limitasi yang jelas. Jangan bagi jaminan lagi ke Dewan ini. Tidak apa, kita luluskan dahulu, selepas itu kita akan buat undang-undang kecil. Benda ini sudah selalu sangat kita dengar dan akhirnya kita tunggu dan tunggu dan tunggu sehingga amalan kepeguaman negara ini yang sering menjadi kritikan dalam Dewan yang mulia ini terus merosot dan dipertikaikan. Saya mohon agar pindaan ini diluluskan dengan pindaan yang lebih terperinci. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Puan Khairiah.

12.55 tgh.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana turut membenarkan saya untuk membahaskan sedikit berkenaan dengan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang ini.

Pertamanya saya menyambut baik pindaan ini memandangkan ia adalah suatu proses liberalisasi di mana sekiranya kita membuat persiapan yang betul akan memberikan impak yang positif kepada pengamal undang-undang di negara kita. Namun, sekiranya kita tiada persiapan, kita tidak bersiap siaga, impaknya akan jadi negatif. Jadi, hari ini saya sekali lagi apa yang telah disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Saiful, ingin menegaskan agar kerajaan mengkaji, memperkasa dan mensiapiagakan jurusan undang-undang yang kita tawarkan di Malaysia.

Hari ini banyak institusi pengajian yang menawarkan jurusan undang-undang tetapi masih terdapat juga kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi yang masih lagi belum diiktiraf. Itu adalah satu masalah besar yang masih belum selesai. Apatah lagi bagi memastikan kualiti pelajar undang-undang daripada institusi pengajian tinggi kita, pengajian swasta kita yang betul-betul bersedia untuk berdepan dengan liberalisasi perkhidmatan perundangan ini.

Kedua, saya ingin menyarankan di sini agar kerajaan mengenal pasti punca masalah kenapa di kalangan ramai peguam kita yang mempunyai ijazah perundangan tetapi masih lagi lemah berbahasa Inggeris? Mungkin perlu ada kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan kelemahan ini. Walaupun kita di dalam mahkamah, di dalam dokumentasi banyak menggunakan bahasa Melayu secara rasmi tetapi sebenarnya daripada sudut rujukan, komunikasi banyak sebenarnya bergantung kepada bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris masih lagi dianggap sebagai suatu bahasa yang sangat penting dalam bidang perundangan. Akan tetapi hari ini kita lihat ramai di kalangan pengamal undang-undang kita di Malaysia yang masih lemah berbahasa Inggeris.

Seterusnya, saya ingin mohon penjelasan daripada kerajaan. Suatu ketika dahulu, kerajaan ada menyarankan bahawa dibentuk suatu akademik undang-undang. Jadi apakah perkembangan terkini akademik undang-undang yang dicadangkan oleh kerajaan?

Seterusnya, bagi memastikan liberalisasi ini mendatangkan manfaat kepada pengamal undang-undang tempatan, kerajaan perlu memikirkan suatu kaedah atau pun mekanisme untuk memastikan berlaku *transfer of skill*, dengan izin. Jadi, kita tidak ingin sepuluh tahun ke hadapan skil-skil yang dimiliki oleh peguam-peguam asing ini, contohnya kemahiran daripada sudut *corporate law*, kemahiran daripada sudut *international law*, kita hanya menjadi pengguna sedangkan tidak berlaku sebarang *transformation of skill*. Jadi, di sebalik kita menerima liberalisasi ini perlu ada mekanisme, perlu ada cara agar dalam tempoh lima tahun, sepuluh tahun...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya hendak habis dah. Ini *point* terakhir. Dalam tempoh lima tahun, sepuluh tahun berlaku *transfer of skill* ini. Jadi, saya akhiri, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan masa kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari, maka kita akan minta Menteri menjawab sebelah petang Yang Berhormat Menteri ya? Dengan itu saya tangguhkan Dewan ini sekarang. Kita akan sambung balik jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mulakan Mesyuarat kita semula pada petang ini dan setelah membahaskan dalam rang undang-undang tadi kerana tidak ada lagi saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara untuk masuk dalam Dewan dan tentukan Yang Berhormat semua mengambil bahagian kerana inilah masanya Yang Berhormat untuk berbahas dan rang undang-undang ini penting. Sebelum undang-undang itu diluluskan Yang Berhormatlah yang bertanggungjawab. Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak mengambil bahagian, itulah fasal sudah cakap daripada awal tadi, jangan anggap Dewan ini sebagai *rubber-stamp*. Itu saya hendak ingatkan dengan serius dan beritahu semua kawan-kawan, siapa hendak keluar, beritahu saya dahulu dan saya akan pertimbangkan. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi rasa terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam berbahas pada sebelah pagi tadi dengan dua celahan daripada dua Ahli Yang Berhormat Senator.

Sebelum saya mulakan jawapan penggulungan ini, izinkan saya untuk memberikan kembali sedikit sejarah kepada pindaan yang dicadangkan. Pertama, akta ini telah pun digubal di Parlimen dan telah pun diluluskan pada 9 Julai 2012. Akta ini juga telah pun diperkenankan Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong pada 5 September.

Sebelum proses itu berlaku, satu siri konsultasi bersama Majlis Peguam telah pun diadakan di antara pihak Jabatan Peguam Negara dan juga Majlis Peguam bagi meneliti tentang keperluan untuk kita mengadakan liberalisasi perkhidmatan guaman bagi membolehkan peguam luar negara menjalankan amalan guaman di negara kita Malaysia.

Maknanya kesemua ini telah melalui satu proses perbincangan yang sangat panjang, yang mana sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terlibat dalam mengemukakan pandangan sebelum kita laksanakan. Cumanya, seperti yang saya nyatakan awal tadi akta ini tidak dikuatkuasakan lagi kerana Majlis Peguam dan juga Peguam Negara berpandangan bahawa akta ini hanya akan dikuatkuasakan serentak dengan pindaan yang dikemukakan tadi bersama dengan satu lagi pindaan yang bakal *insya-Allah* akan saya kemukakan ke Dewan ini.

Jadi maknanya, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah juga menjadi pertimbangan kerajaan dan mengambil sempena hasrat yang sama kita cuba untuk mengetatkan lagi usaha liberalisasi amalan guaman di dalam negara kita. Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menyatakan pelbagai perkara dan suka saya nyatakan bahawa Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah memberi penekanan kepada beberapa sektor. Sebenarnya saya mulakan dahulu jawapan ini, mungkin boleh membantu.

Pertamanya, mana-mana peguam daripada luar yang ingin terlibat di dalam sektor-sektor yang telah dibetulkan tidak boleh, tidak boleh merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang perlembagaan;
- (ii) berkaitan pemindahan hak milik hartanah;
- (iii) undang-undang berkaitan dengan jenayah;
- (iv) undang-undang berkaitan keluarga;
- (v) undang-undang perwarisan;
- (vi) undang-undang amanah; dan
- (vii) perbankan komersial termasuk menghadirkan diri dan merayu sebagai peguam bela atau peguam cara di hadapan mana-mana mahkamah keadilan di Malaysia dan menghadirkan diri dan merayu sebagai peguam bela atau peguam cara di hadapan mana-mana badan separa kehakiman atau tribunal di Malaysia.

Maknanya, kenyataan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Syed Shahir bin Syed Mohamud tentang penggunaan bahasa di mahkamah. Saya suka menyatakan bahawa kita tidak perlu untuk memberikan kelas bahasa Melayu untuk peguam-peguam luar ini kerana mereka tidak perlu atau tidak boleh hadir di mahkamah kita. Akan tetapi di dalam nafas yang sama, saya rasa Peguam Negara kita pun ramai yang tidak boleh berbahasa Melayu. Walaupun dia rakyat negara ini, patut yang ini pergi kelas dahulu daripada kita hendak ajar orang luar. Di mahkamah, masih ramai peguam kita tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik, masih menggunakan bahasa Inggeris.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed mengatakan bahawa penguasaan bahasa Inggeris di kalangan peguam sangat lemah. Saya pun kadang-kadang keliru. Satu, hendak suruh kita cakap bahasa Melayu. Satu, hendak suruh kita cakap bahasa Inggeris tetapi saya serahkan kepada Ahli Yang Berhormat, yang penting peguam luar ini tidak boleh menghadirkan diri atau mengendalikan perkara-perkara di mahkamah. Serupa juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat yang mengatakan bahawa 60 hari itu terlalu singkat untuk peguam menyelesaikan masalah mahkamah. Itu pun tidak timbul sebab mereka tidak boleh menghadirkan diri ke mahkamah.

Kemudiannya, ada juga mengatakan tentang apakah kriteria-kriteria sebagai satu *protection*, perlindungan kepada syarikat-syarikat firma guaman kita. Ada juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Syed Shahir juga. Saya hendak beritahu dalam akta yang dipinda, yang saya sebut yang diluluskan oleh Parlimen pada 9 Julai dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 5 September. Ada disebut di bawah perkara 40G yang mana kuasa diberikan kepada Majlis Peguam untuk menentukan kriteria-kriteria sewaktu mereka memohon. Kalau boleh saya kongsi dalam Dewan ini, di dalam laman web *Bar Council* sudah pun ada dinyatakan di situ, dibuat sendiri oleh *Bar Council*, kalau boleh saya baca, dengan izin, "*However only up to five QFLF licenses will be granted*".

Maknanya buat masa ini hanya lima syarikat sahaja yang akan dipertimbangkan oleh *Bar Council*, jadi isu *overcrowded* dari segi melindungi firma dalam negara kita itu *insya-Allah* akan dapat dielakkan. Itu pun lima, mungkin satu, mungkin dua dan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berbahas tadi, sememangnya buat masa ini satu daripada bidang yang kita harap dapat disertai oleh syarikat guaman asing adalah mengenai *international financial* iaitu sistem perbankan kewangan Islam. Maknanya kalau tidak ada, itu pun kalau tidak ada kemahiran di dalam negara *Bar Council* boleh membenarkan syarikat daripada luar untuk terlibat dalam amalan guaman di negara kita.

■1440

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan tentang sama ada syarikat negara kita boleh ke luar negara, pada saya perkara itu tidak timbul bergantung kepada undang-undang di negara berkenaan. Kalau kita sudah mampu untuk mengeksport perkhidmatan guaman ke negara luar dan negara itu mempunyai undang-undang untuk membolehkan syarikat peguam kita beroperasi di sana, maka memang sangat-sangat kita alu-alukan.

Oleh sebab itu, apa yang dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, saya hendak memetik celahan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon yang mengatakan bahawa *Marrybrown* antara satu hasil kerana mungkin rakyat negara kita tidak terfikir hendak buat restoran seperti itu jika kita tidak pernah membawa masuk *McDonalds* dan *Kentucky Fried Chicken*. Maknanya dalam operasi ini sudah tentu ada *transfer of skills* ataupun *transfer of experiences*, dengan izin, yang membolehkan syarikat-syarikat dalam negara kita untuk mengambil sedikit manfaat.

Oleh sebab itu bukan kita tidak bagus, kadang-kadang kita tidak dapat lihat satu operasi yang lebih baik sehinggalah kita membuka mata. Zaman dahulu kita hendak jalan susah, tetapi dapat tengok depan mata kita ada satu francais yang sangat berjaya dan akhirnya dapat mengeluarkan produk-produk tempatan sehingga kita boleh eksport ke luar.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya *fly in, fly out* yang disebutkan tadi dalam sektor perkhidmatan, dalam dunia tanpa sempadan hari ini, sebuah syarikat peguam tidak perlu untuk *fly in, fly out*. Dia boleh duduk di Kuala Lumpur dan minta satu rekomendasi daripada sebuah syarikat daripada London, daripada luar negara dan ini sedang berlaku. Akan tetapi dengan adanya akta ini, kita boleh menghadkan satu aktiviti yang berlaku yang menjadi kesalahan sebenarnya untuk kita ambil tindakan. Sebab itu kalau kita tidak ada pun akta ini, kita bukan bawa masuk produk. Maknanya kita bawa masuk rempah, kita bawa masuk kereta kain dan sebagainya. Ini adalah perkhidmatan.

Tidak perlu untuk mereka datang ke negara kita untuk memberi perkhidmatan tentang satu-satu nasihat guaman. Akan tetapi, dengan adanya akta ini pertama kita boleh kenakan tindakan jika ia berlaku. Kedua, ia perlu beroperasi selama 60 hari. Bawalah seramai mana pun ahli pasukan guaman, tetapi negara mendapat manfaat, benda itu menjadi sah di sisi undang-undang. Keduanya dia terpaksa duduk dalam negara kita untuk menyelesaikan tugas tersebut yang pada saya dapat memberi limpahan ataupun manfaat dalam sektor-sektor yang berlainan.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini ialah mengenai akta ini untuk kita buat sebagai garis panduan jelas dan ianya dilantik oleh satu jawatankuasa yang kalau boleh kita rujuk tidak ada pindaan yang dibuat tetapi ada dalam pindaan awal iaitu jawatankuasa pemilih ini mengandungi Peguam Negara, Yang di-Pertua Bar Malaysia iaitu Majlis Peguam, seorang yang akan dilantik Peguam Negara daripada sektor awam dan dua orang ahli bar Malaysia yang menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan.

Jadi perkara-perkara ini sebenarnya ada satu jawatankuasa pemilih yang mengandungi pelbagai kepakaran. Ini semua adalah untuk memberi perlindungan kepada aktiviti guaman dan juga seterusnya dapat kita melindungi syarikat-syarikat firma tempatan selain daripada mengharapkan berlakunya *transfer of skills* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah yang bertanyakan sama ada akan berlaku atau tidak.

Untuk perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat tentang kes salah laku peguam dalam tempoh lima tahun, saya mohon untuk kita kemukakan secara bertulis kerana bahan tentang tindakan yang diambil kepada mana-mana firma atau peguam ada bersama *Bar Council*. Ini tidak dimiliki di peringkat kerajaan kerana *Legal Profession Act* ini, dengan izin, adalah dikendalikan hampir sepenuhnya oleh Majlis Peguam kita. Ada statistik itu, cuma saya perlukan tempoh dan saya sampaikan kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Terima kasih Timbalan Menteri. Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan semula sekarang ini. Pertama yang sebentar tadi tentang persoalan tindakan disiplin kerana klausa yang dipinda ini hanya menyentuh sepintas lalu tentang tindakan disiplin terhadap peguam luar yang dibenarkan beramal di Malaysia tetapi tidak ada jaminan yang jelas terhadap anak guam yang teraniaya akibat amalan salah laku peguam tersebut seperti ini. Kita minta satu garis panduan yang jelas tentang persoalan itu kerana mereka boleh masuk dalam 60 hari, selepas buat kerja, keluar dan tidak ada lagi perkara yang mereka dengan undang-undang negara ini.

Kedua, sekarang ini pun syarikat-syarikat antarabangsa yang masuk ke dalam negara ini berurusan terutamanya dalam bidang komersial. Kalau kita sedar atau tidak, perkara dalam perjanjian yang mereka tetapkan ialah sekiranya berlaku sebarang pertikaian berbentuk komersial berkaitan dengan undang-undang yang diikat dengan syarikat tempatan, pertikaian itu sama ada dalam bentuk *arbitrary* ataupun tindakan undang-undang tidak pernah boleh dirujuk di negara ini. Sebaliknya ditetapkan untuk dirujuk di negara luar khususnya negara Singapura.

Adakah pindahan seperti ini sebenarnya nanti akan menyebabkan amalan ini terus berleluasa kerana kemasukan peguam luar membantu syarikat antarabangsa ini terus memberikanimbangan pandangan undang-undang yang tidak seimbang. Seperti mana, sekarang ini pun sudah berlaku seperti itu, tetapi ianya dalam bentuk *consultation*.

Ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan juga satu klausa khas seperti dalam bentuk timbal balas atau *reciprocal* dengan negara-negara asal peguam asing yang kita benarkan beramal di negara Malaysia. Contohnya kita benarkan peguam dari Australia, dari Singapura, dari negara-negara Komanwel datang beramal di sini dengan pindaan undang-undang seperti ini. Akan tetapi, kita tidak mengikat negara tersebut untuk membenarkan peguam kita beramal di sana. Seolah-olah kita membuka pintu kita tetapi kita bagi orang masuk rumah kita, kita hendak pergi rumah dia tidak boleh. Tidak berlaku keadilan kepada peguam tempatan yang ramai di antaranya mempunyai kepakaran jika tidak setara malah lebih daripada itu.

Jadi perlu ada jaminan ini. Kita mahu berlaku aliran kemahiran, aliran *skill* yang kononnya tidak ada di negara ini. Akan tetapi, perkara yang sama harus dibuka ruang kepada peguam di Malaysia untuk membolehkan mereka beramal di sana. Sekarang ini terlalu banyak halangan undang-undang di negara-negara tersebut untuk menghalang peguam kita beramal di sana. Perkara ini kalau boleh kerajaan dapat memberikan kita jaminan. Ada ditunjukkan klausa timbal balas, *reciprocal*- kamu boleh beramal di Malaysia tetapi peguam Malaysia juga boleh bermula di negara kamu. Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama dari segi tindakan yang boleh diambil. Segala pematuhan, pelanggaran adalah terpakai kepada sesiapa juga. Asal sahaja dia membuat operasi di negara kita. Tidak ada yang terkecuali, maknanya segala pertikaian yang timbul dari segi kecuaiannya ataupun apa juga perkara, mana-mana undang-undang yang termaktub di negara kita terpakai. Maknanya dia bukan orang asing, dia bebas untuk melakukan apa sahaja. Keduanya dari segi ditanya tentang...
[Disampuk]

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Maaf Yang Berhormat, maksud saya tentang salah laku *negligence*. *Negligence* ini selalunya kita dapat cari selepas dia buat kerja. Baru hendak guam sedar berlaku *negligence*. Akan tetapi apabila dia balik ke negara dia, kita hendak ambil tindakan undang-undang ke atas dia macam mana?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Dia ada *jurisdiction*kan? Makna mana pun dia duduk, kita boleh panggillah. Oleh sebab dia kena daftar untuk dia beroperasi di sini, dia kena mohon, dia kena dapat lesen dan lesen itu dikeluarkan oleh *Bar Council*. Dia baliklah mana pun. Oleh sebab itu dari segi kalau peguam dia ada *indemnity*, dia ada insurans yang perlu dikenakan.

Kalau dia syarikat kecil tidak ambil insurans besar, tidak banyaklah dia punya *indemnity*. Akan tetapi, saya rasa ada dalam ini cumanya Yang Berhormat jangan rujuk akta yang dua helai ini. Ini pindaan kepada untuk kita mantapkan pindaan tahun 2012 yang telah pun dibincangkan panjang lebar. Kalau saya baca balik yang ini, nanti panjang kita punya jawapan. Ada dalam ini. Oleh sebab itu, saya diberitahu selain daripada pindaan yang dibuat kepada mana-mana *practitioner* luar, dia punya permohonan sama.

■1450

Dia kena datang ke Malaysia mohon kepada *Bar Council*. Waktu Yang Berhormat belum masuk ke dalam saya pun sudah beritahu *Bar Council* sudah pun membuat satu pengiklanan kepada mana-mana yang berminat boleh mohon melalui *website Bar Council* dan dia tetapkan buat masa ini hanya lima syarikat. Jadi kita jangan samakan akta ini dengan *world trade* punya perjanjian. Itu yang pertama. Maknanya apa juga kesalahan, katakanlah syarikat itu didapati melakukan kecuiaan sepuluh tahun daripada sekarang tiba-tiba dia sudah tutup. Sama juga undang-undang yang ada dalam negara kita ini boleh guna bawa dia ke sini. Kalau sudah tutup *whining up*. *Whining up* di sini pun kalau ada syarikat *whining up* kita pun tidak boleh buat apa. Maknanya *protection* dari segi perjalanan amalan undang-undang itu sama cumanya dia daripada luar tetapi permohonan untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan amalan guaman masih sama macam syarikat dalam negara kita ataupun firma dalam negara kita mohon dengan *Bar Council*.

Tentang arbitrase ataupun timbang tara dari segi kita dibawa keluar dan sebagainya saya tidak tahu Yang Berhormat belum baca atau Yang Berhormat awal sangat. Itu nanti rang undang-undang kedua. Kalau saya jawab di sini nanti tidak payah saya bentang yang itu pula. Ada rang undang-undang lepas ini yang bercakap tentang timbang tara yang boleh kalau saya sebut hanya satu pindaan dalam rang undang-undang tersebut, ia tidak boleh bawa kes-kes timbang tara keluar. Sebelum ini kita hanya pakai satu *leading case* sebagai *precedence*.

Maknanya tidak boleh bawa keluar atas kes yang telah diputuskan pada tahun 1990 tapi sebab kita tengah buat pindaan ini pihak kerajaan berbincang dengan *Bar Council* merasakan bahawa lebih baik kita terus buat pindaan secara statut bahawa memang tidak boleh. Maknanya ini untuk menjaga kedaulatan undang-undang kita hanya kerana ada *foreign elements* dia hendak bawa semua pertikaian kita ke satu timbang tara di luar tapi kita akan buat pindaan lepas ini. Ada lagi dua helai kertas sama macam itu juga tapi lepas ini.

Yang ketiga tentang *reciprocal* ini bukan fasal maknanya *reciprocal* kita hendakkan orang mesti bagi kita peluang. Sebenarnya disebut tadi ada Ahli Yang Berhormat juga sebut perkara ini terlalu spesifik peringkat awalnya iaitu mengenai sistem kewangan Islam yang mana kita antara sebuah negara yang cukup terkedepan dari segi tersebut dan kita mahukan kepakaran luar dari segi khidmat undang-undang untuk membantu memperkembangkan contoh macam sistem sukur. Maknanya tidak timbul kita buat ini kerana kita hendak negara tersebut memberi peluang kepada kita.

Namun begitu seperti yang saya jawab di awal tadi mana-mana firma guaman kita yang ingin beroperasi di luar boleh berbuat demikian jika undang-undang negara berkenaan membenarkannya. Seperti kita Yang Berhormat, kita tidak mahu orang luar tentukan undang-undang kita. Hanya kerana dia memberi kelonggaran, dia kata *you* hendak, *you* pun kena buat. Tidak, kita pun ada pertimbangan kita sebagaimana kita hendak orang hormat kedaulatan undang-undang kita saya percaya kita tidak boleh hendak bagi tahu untuk membuka hanya kerana *services* ataupun pindaan yang kita buat.

Sebenarnya ini lebih kepada beberapa sektor yang memerlukan kepakaran luar jika tidak ada. Sebab itu saya beritahu awal tadi perkara ini sangat mustahak sebenarnya selepas kita bincang panjang lebar dengan majlis peguam sebagai badan yang menjaga kerukunan, peraturan dan juga kepentingan ahli-ahlinya yang telah pun memberi persetujuan kepada hasrat bagi kita meminda dengan syarat-syarat yang telah saya nyatakan tadi. Sebagai spesifik kepada perkara tersebut, Singapura dan Australia ada peruntukan dalam perundangan yang membenarkan peguam asing beramal di negara mereka, seperti Yang Berhormat tanyakan tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua itu antara perkara yang berkaitan yang pada saya *insya-Allah* dapat memberi sedikit pencerahan tentang hasrat untuk kita meminda sebagai tambahan kepada perkara yang telah pun kita luluskan pada tahun 2012 itu bagi dikuatkuasakan, menanti kepada kedua-dua pindaan yang pada saya kecil yang juga disebut oleh Ahli Yang Berhormat tapi hasratnya kerana kita hendak memastikan sebelum dikuatkuasakan, semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat kita sediakan peraturan-peraturan. Ini supaya tidak ada pihak-pihak yang kerugian apatah lagi memberikan kesempatan persaingan kepada firma-firma guaman tempatan.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama memberikan pandangan. Saya percaya semua itu adalah untuk kita menambah baik hasrat melihat sektor perkhidmatan guaman dalam negara kita terus berkembang dan dihormati. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah pun memberi penjelasan dan sekarang semua Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa.**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum kita pergi ke agenda seterusnya saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat ada satu lagi rang undang-undang yang berkaitan akan dibacakan selepas ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat ambil bahagian. Sila suarakan pendapat Yang Berhormat untuk dirakamkan dalam *Hansard*. Inilah masanya Yang Berhormat untuk memberi pendapat dan pandangan Yang Berhormat. Sekarang tanpa berlengah lagi saya silakan Setiausaha.

**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG
(PINDAAN) 2013**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya cadangan pindaan tambahan kepada Akta 166 ini adalah untuk mengecualikan sektor perkhidmatan perundangan yang melibatkan prosiding timbang tara di Malaysia daripada pemakaian Akta 166 dan bertujuan untuk mencerminkan perkembangan semasa di dalam sektor perkhidmatan timbang tara di Malaysia memandangkan sektor perkhidmatan undang-undang ini adalah salah satu sektor yang lazimnya digunakan sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif.

Untuk makluman Dewan yang mulia, ini asas cadangan pindaan tambahan ini adalah memandangkan secara umumnya Akta 166 tidak memperuntukkan dengan jelas bahawa perkhidmatan perundangan yang melibatkan prosiding timbang tara adalah terkecuali daripada peruntukan-peruntukan lain yang terpakai kepada peguam di bawah Akta 166 tersebut. Selain itu, selaras dengan Bahagian IVA, [Akta A1444] berkenaan kemasukan peguam asing ke Semenanjung Malaysia, peruntukan lain di bawah Akta 166 perlulah dipinda bagi menarik lebih ramai peguam asing untuk menjalankan amalan di Malaysia.

■1500

Sehubungan itu, sektor perkhidmatan perundangan yang melibatkan prosiding timbang tara merupakan salah satu sektor yang telah dikenal pasti akan menarik minat peguam asing untuk menjalankan amalan mereka di Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, cadangan kepada pindaan tambahan ini akan melibatkan kemasukan seksyen baru di bawah Akta 166 iaitu seksyen 37A seperti yang dinyatakan di bawah fasal 2 bagi mengecualikan pemakaian peruntukan di bawah Akta 166 tersebut kepada peguam tempatan atau asing yang memberi perkhidmatan perundangan berkaitan dengan prosiding timbang tara.

Melalui cadangan untuk memasukkan seksyen 37A yang baru ini, adalah jelas bahawa syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 36 dan seksyen 37, [Akta 166] tidak akan terpakai kepada kategori berikut:

- (i) penimbang tara di dalam prosiding timbang tara;
- (ii) wakil bagi mana-mana pihak di dalam prosiding timbang tara; dan
- (iii) seseorang yang memberi nasihat, menyediakan dokumen dan lain-lain perkhidmatan yang melibatkan prosiding timbang tara kecuali prosiding mahkamah yang melibatkan prosiding timbang tara.

Seterusnya adalah dicadangkan di bawah Fasal 3 supaya seksyen 38 dipinda iaitu dengan mengeluarkan rujukan mengenai prosiding timbang tara di bawah perenggan (1)(f) dalam skop seksyen 38 yang mengecualikan pemakaian larangan di bawah seksyen 37 [Akta 166]. Pengeluaran perenggan (1)(f) ini dibuat berdasarkan kemasukan seksyen baru 37A yang secara khususnya memperuntukkan bahawa seksyen 36 dan seksyen 37 [Akta 166] tersebut tidak terpakai bagi prosiding timbang tara. Berdasarkan fakta-fakta yang saya kemukakan tadi, adalah jelas bahawa pindaan tambahan kepada Akta Profesion Undang-undang adalah satu keputusan yang wajar dan selaras dengan peredaran dan keperluan perkhidmatan perundangan timbang tara khususnya dan sektor perkhidmatan negara amnya, seterusnya meletakkan sektor perkhidmatan perundangan timbang tara Malaysia setanding dengan sektor perkhidmatan timbang tara di negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum Yang Berhormat mula, siapa-siapa hendak berbahas, sila kemukakan nama-nama untuk senang saya buat peruntukan masa jikalau ada. Ada sesiapa?

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri, sila beri jawapan.

3.03 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak ucap terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator yang tanya fasal timbang tara. Jadi bila saya bentang itu nampak terus jelas. Saya rasa hasratnya untuk kita memastikan tidak ada lagi satu prosiding timbang tara dibawa keluar apabila berkaitan dengan urusan dalam negara kita. Justeru itu, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah begitu mengambil berat dan terlibat dalam perbahasan meluluskan rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013**Bacaan Kali Yang Kedua****3.06 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2013 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2013 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2013 yang dibentangkan ini sebanyak RM15,014,000,000 atau RM15.014 bilion adalah seperti pecahan berikut. Sebanyak RM14,125.4 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 dan bakinya sebanyak RM888.5 juta bagi tambahan perbelanjaan tanggungan.

Tambahan peruntukan sebanyak RM14,125.6 juta yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini adalah untuk maksud-maksud di bawah perbelanjaan bekalan seperti berikut.

Sebanyak RM11,853.4 juta untuk Maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan sebahagian besar untuk pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2013 serta menampung keperluan tambahan bagi emolomen selaras dengan keputusan kerajaan mengumumkan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan skim-skim awam lain serta KGT di awalkan pada bulan Julai 2013. KGT itu adalah kenaikan gaji tahunan.

Sebanyak RM606.9 juta untuk Maksud B.10 - Perbendaharaan yang melibatkan keperluan tambahan emolomen, bayaran lesen perisian dan sewaan talian bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sebanyak RM322.8 juta, Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan untuk menampung keperluan tambahan bagi penyelenggaraan gaji pegawai dan kakitangan kontrak, elaun murid berkeperluan khas, perkhidmatan pembersihan kawasan dan kawalan keselamatan, pelaksanaan program-program serta kos operasi yang lain.

Sebanyak RM300 juta untuk Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan untuk menampung kekurangan bekalan ubat, *consumables* dan vaksin serta kekurangan bekalan pakaian seragam.

Sebanyak RM298.2 juta untuk Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebahagian besarnya iaitu RM195 juta adalah menampung bantuan khas kewangan tahun 2013 kepada pesara dan keperluan tambahan perbelanjaan biasiswa dalam dan luar negara bagi tahun 2013.

Sebanyak RM239 juta untuk Maksud B.60 – Kementerian Pertahanan dan sebahagian besarnya adalah bagi membiayai perbelanjaan semasa OPS Daulat dan keperluan tambahan bagi kos operasi.

Sebanyak RM205.1 juta untuk Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri dan sebahagian besar adalah bagi menampung keperluan tambahan untuk operasi *Eastern Sabah Security Command*, dengan izin, ESSCOM dan kos-kos operasi yang lain.

■1510

Selain daripada itu, tambahan ini juga melibatkan peruntukan bagi kementerian-kementerian yang berikut:

- (i) sebanyak RM126.7 juta untuk maksud B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (ii) sebanyak RM62.7 juta untuk Maksud B.06 – Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) sebanyak RM37 juta untuk Maksud B.45 – Kementerian Belia dan Sukan;
- (iv) sebanyak RM31.1 juta untuk Maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya;
- (v) sebanyak RM28 juta untuk Maksud B.46 – Kementerian Sumber Manusia;
- (vi) sebanyak RM6.7 juta untuk Maksud B.9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (vii) sebanyak RM3.6 juta untuk Maksud B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (viii) sebanyak RM3 juta untuk Maksud B.29 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- (viii) sebanyak RM1.4 juta untuk maksud B.1 – Parlimen.

Tambahan peruntukan sebanyak RM888.5 juta adalah untuk Maksud-maksud di bawah perbelanjaan tanggungan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM800 juta untuk Maksud T.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran Bagi Membiayai Keperluan Tambahan Pembayaran Pencen, Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat Pesara tahun 2013;
- (ii) sebanyak RM88 juta untuk Maksud T.12 – Perbendaharaan bagi Membiayai Kekurangan Peruntukan bagi Bayaran Tuntutan dan Pampasan atas Perintah Mahkamah; dan
- (iii) sebanyak RM0.5 juta untuk Maksud T.11 – Suruhanjaya Pasukan Polis bagi membiayai Kenaikan Elaun Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2013 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24, tahun 2013 dan memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24A, tahun 2013. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum Yang Berhormat mulakan perbahasaan ini, saya ingin beri sedikit panduan kepada semua Yang Berhormat. Ini ialah masanya bagi Yang Berhormat termasuk yang baru-baru dilantik juga untuk memberi pandangan dan membahaskan peruntukan ini bergantung kepada yang tersebut kementerian-kementerian tadi. Saya harap Yang Berhormat, saya hanya menerima satu nama sahaja sekarang. Kalau boleh Yang Berhormat saya kira boleh melibatkan diri untuk membahaskan apa sahaja yang difikir patut, membina untuk kebaikan negara kita.

Sekarang saya mempersilakan yang pertama sekali Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.13 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 di Dewan yang mulia ini. Tanpa membuang masa saya ingin merujuk kepada Butiran B.6 – Jabatan Perdana Menteri yang bernilai RM62,700,000.

Pertama saya ingin menjelaskan mengenai peruntukan tambahan berkaitan dengan TV AlHijrah di mana setelah diteliti didapati kerajaan sering membantu TV AlHijrah dalam setiap perbekalan dalam peruntukan tahunan sejak penubuhannya. Persoalannya adalah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh TV AlHijrah dalam merangka satu pelan tindakan agar ianya tidak membebankan kerajaan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan kerana ianya mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi jika dirancang dengan baik. Jadi saya fikir sudah tentulah ada unsur-unsur, sumber-sumber pendapatan yang boleh diperolehi jika satu perancangan yang holistik dapat dipraktikkan dan ianya tidak akan lagi membebankan tanggungan kerajaan.

Saya juga ingin bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab dalam urusan TV AlHijrah mengenai program-program yang disiarkan. Apakah kerajaan mempunyai statistik mengenai peminat TV AlHijrah dan berapakah jumlah penonton yang mengikuti program yang disiarkan? Saya juga ingin sarankan agar yang dilihat kesesuaian dengan masalah fahaman-fahaman antara Ahli Sunah Waljamaah dengan SIA. Maka kita kena banyak menerangkan dalam TV AlHijrah kerana kesilapan ataupun fahaman-fahaman tersebut kadang-kadang boleh menyebabkan perbalahan antara keluarga, antara ibu bapa dengan anak dan sebagainya. Maka belanja yang besar ini biarlah pulangnya kepada masyarakat besar juga. Saya juga ingin sarankan agar satu program dikhaskan kepada saudara baru mengikut kaum dan bahasanya agar kefahaman agama Islam yang dilihat indah ini dapat diserap dan dipahat dengan lebih mendalam dan dapat dihayati dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 05000 dan juga Butiran 42000 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pertama, saya ingin membawa perhatian Dewan kepada Maksud B.9 berhubung peruntukan tambahan yang diadangkan untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berjumlah RM6.6 juta. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya jumlah yang diperuntukkan untuk SPRM adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan usaha kerajaan untuk memerangi rasuah. Hanya berapa hari yang lalu kita teliti kenyataan Perdana Menteri di San Francisco bahawa cita-cita beliau ialah untuk melihat masa depan tanpa rasuah.

Persoalan saya, sekiranya inilah aspirasi Perdana Menteri, apakah peruntukan RM6.6 juta ini sudah cukup untuk memenuhi matlamat masa depan tanpa rasuah? Bagi saya slogan dan etika ini sudah cukup untuk memerangi rasuah. Ianya harus diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan satu usaha yang menyeluruh bagi memastikan SPRM itu benar-benar menjadi satu badan yang dibawa, bebas dan dapat bertindak dalam usaha kita untuk memerangi rasuah. Saya hendak tegaskan sebab itu kita balik kepada butiran yang saya nyatakan tadi dalam usaha memerangi rasuah ini ianya adalah usaha bersama. Ia bukan sahaja SPRM, bukan sahaja kerajaan, parti-parti politik tetapi seluruh rakyat itu harus digalakkan kesedaran mereka untuk melihat betapa pentingnya usaha perang rasuah.

Sehubungan itu, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya SPRM ini diberikan satu peruntukan yang cukup munasabah bagi mereka membentuk suruhanjaya perkhidmatan mereka sendiri agar mereka dapat melantik dan memecat mana-mana pegawai di dalam SPRM dalam menjalankan tugas mereka. Maka kalau ini dilakukan, kalau SPRM diberikan kuasa dan peruntukan bagi membentuk suruhanjaya dan perkhidmatan maka, pastinya badan ini lebih bebas dan tidak terikat dengan badan eksekutif.

Maksud kepada B.7, Saya hendak menyentuh Butiran 040300, sebanyak RM126 juta untuk menampung keperluan tambahan perbelanjaan biasiswa dalam dan luar negara bagi tahun 2013. Agak besar juga jumlah tersebut.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kerajaan kita selalu menyatakan Malaysia akan menjadi hab pendidikan dunia. Sudah tiba masanya kerajaan memikirkan keadaan supaya biasiswa yang besar dibelanjakan ke luar negara ini kita tampung untuk dalam negara.

Cumanya di peringkat dalam negara kita boleh cari kaedah studen yang cukup pandai kita boleh pilih yang menjadi pakar-pakar untuk dihantar ke luar negara. Ia bukan macam sekarang diberi peluang di peringkat awal, di tengah-tengah itu menyusahkan balik kerajaan. Ketika pergi dahulu memang pelajar yang baik akhirnya mereka tidak dapat biasiswa dan memberi masalah kepada kerajaan sedangkan kita memanggil pelajar-pelajar luar negara datang ke Malaysia. Kalau satu orang pelajar kita berbelanja, beratus-ratus ribu tetapi kalau biasiswa tadi diberi kepada pelajar yang belajar dalam negara, mungkin boleh melibatkan lebih ramai pelajar-pelajar yang bijak dalam negara.

■1520

Di antara golongan sasaran di bawah Kementerian Pendidikan iaitu pegawai dan kakitangan kontrak harus mendapat perhatian yang sewajarnya, bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan golongan intelektual. Peranan para pegawai dan kakitangan kontrak masih relevan dan boleh dianggap penting. Ini bagi menampung keperluan pasaran sama pentingnya dengan pegawai dan kakitangan yang bekerja tetap di kementerian berkenaan. Kebajikan dan taraf hidup golongan sedemikian perlu disuntik dengan bantuan kewangan tambahan, agar mereka dapat terus memberikan khidmat bagi merealisasikan objektif tugas secara khususnya dan Kementerian Pendidikan amnya. Kebanyakan mereka yang berkhidmat di sekolah-sekolah kerajaan dan pejabat pendidikan daerah serta negeri masih di bawah gaji bulanan yang rendah berbanding pekerja tetap.

Di samping itu, keperluan untuk bantuan makanan asrama juga perlu mendapat perhatian sewajarnya agar golongan sasaran mendapat manfaatnya. Adalah disarankan supaya lebih ramai murid dan pelajar yang menuntut di asrama-asrama seluruh negara disalurkan dengan bantuan makanan dan mengenal pasti golongan yang sepatutnya serta benar-benar memerlukan bantuan makanan tersebut. Tugas dan tanggungjawab kerajaan untuk memastikan tidak seorang pun murid atau pelajar yang layak menerima bantuan makanan tersingkir dari mendapatkan bantuan tersebut. Golongan sasaran yang benar-benar layak perlu dikenal pasti di peringkat sekolah dengan bantuan maklumat yang diperoleh daripada ibu bapa. Sokongan dan perhatian para ibu bapa amat diharapkan supaya segala maklumat yang disalurkan benar-benar sah dan bantuan sampai ke golongan sasaran.

Saranan Kementerian Pendidikan untuk menambah elaun wang saku pelajar matrikulasi bagi menampung tambahan pengambilan pelajar seramai 3,700 orang bagi tahun 2013, amat bertepatan. Ini membuktikan bahawa lebih ramai pelajar terus mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran menerusi program matrikulasi. Melalui penambahan tersebut, para pelajar berpeluang merealisasikan cita-cita dan aspirasi negara dengan memperkembangkan diri menjadi modal insan yang berguna, berkualiti dan bertanggungjawab ke atas kejayaan diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara Malaysia tercinta.

Kementerian Kesihatan. Tambahan sejumlah wang untuk menampung kekurangan bekalan ubat *consumables* dan vaksin disokong dengan harapan bekalan ubat yang mencukupi dapat disalurkan di hospital dan pusat perubatan kerajaan. Rata-rata rakyat Malaysia yang bergantung kepada perkhidmatan hospital dan pusat perubatan kerajaan, bakal mendapat manfaat melalui bekalan tersebut.

Kementerian Belia dan Sukan. Sukan Malaysia atau ringkasnya SUKMA adalah satu acara sukan peringkat kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia, Majlis-majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Universiti Malaysia dan Majlis Sukan Polis Diraja Malaysia. SUKMA adalah merupakan kejohanan beraneka sukan berkonsepkan mini Sukan Olimpik di Malaysia yang melibatkan atlet remaja.

Objektif utama SUKMA adalah untuk mempertingkatkan mutu sukan dan menggalakkan pertumbuhan bilangan penyertaan di peringkat negeri dan daerah terutama dalam sukan-sukan yang diberi keutamaan. Sukan juga merupakan medium yang sangat sesuai untuk meningkatkan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Selaras dengan matlamat dan objektif penganjuran SUKMA, maka sejumlah wang yang diperuntukkan untuk menampung kos pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Perlis 2014 adalah diharap dapat menjayakan lagi penganjuran acara sukan dwi tahun tersebut.

Lebih ramai bakat-bakat baru dari sekolah-sekolah tidak kira sekolah elit, sekolah sukan, sekolah bandar ataupun luar bandar harus diketengahkan supaya atlet-atlet yang benar berkualiti dan mampu bertanding di peringkat tertinggi dapat dilahirkan. Kedah-kaedah baru dan komprehensif harus dikenal pasti agar semua murid dan pelajar mendapat peluang yang sama rata tanpa sebarang birokrasi. Dengan ini atlet yang berkualiti mampu digarap dan diasah bakatnya supaya kelak mampu mengharumkan nama negara. Negara benar-benar memerlukan atlet-atlet sukan yang hebat sebagai pelapis di beberapa acara sukan tertentu seperti badminton dan skuasy. Sehingga kini negara kita belum mampu dapat mengenal pasti pengganti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicole David. Ini merupakan isu serius yang harus difikirkan oleh semua pihak dan kementerian yang terlibat.

Justeru peruntukan sejumlah wang untuk tujuan sukan seharusnya disokong. Ia termasuk untuk tujuan menampung keperluan tambahan penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan menampung keperluan tambahan bagi kerja-kerja penyelenggaraan, peralatan latihan dan bangunan di Institut Kemahiran Belia Negara.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Masih terdapat ramai warga emas, Orang Kurang Upaya dan keluarga miskin yang memerlukan keprihatinan dan bantuan kewangan segera. Adalah menjadi harapan agar peruntukan yang diluluskan dapat disalurkan kepada golongan sasaran dengan kadar segera bagi mengatasi masalah kemiskinan. Menurut perangkaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tahun 2012, terdapat hampir 2.4 juta penduduk warga emas iaitu hampir 8 peratus dari jumlah penduduk di Malaysia.

Walaupun peratusannya sedikit, namun golongan ini memerlukan perhatian sewajarnya agar saki baki kehidupan mereka dapat dijamin dengan kesihatan dan kesejahteraan yang baik. Justeru semua pihak yang terlibat harus segera bertindak mengumpul data dan mengenal pasti golongan sasaran dan bantuan segera perlu disampaikan. Ini merupakan tanggungjawab dan amanah kita semua, *insya-Allah*.

Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri. Syabas dan tahniah kepada para perwira dan pasukan keselamatan negara yang telah mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita ketika Siri Ops Daulat. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan wira-wira negara tidak terbalas dan negara sentiasa memerlukan wira-wira negara ini untuk meneruskan kegemilangan dan kejayaan supaya Negara Malaysia sentiasa menjadi sebuah negara yang aman dan tenteram. Sebarang peruntukan bagi merealisasikan hasrat ini dialu-alukan dan harapan Dewan yang mulia ini agar matlamat dapat dicapai tanpa sebarang kekangan dan permasalahan.

Pelaksanaan Kawasan Keselamatan Khas Sabah (ESCOMM) yang meliputi 1,400 kilometer kawasan pantai timur negeri itu mula dilaksanakan sejak Mac lalu. Pihak Polis Diraja Malaysia telah melaksanakan tugas mereka dengan jayanya dan masih diteruskan lagi usaha murni ini untuk menghadapi sebarang serangan atau ancaman dari pihak pengganas. Semoga usaha murni kerajaan untuk mengekalkan kestabilan dan keamanan negara peroleh kejayaan. Semua pihak tidak kira perbezaan fahaman politik harus memberikan sokongan dan sentiasa membantu pihak berwajib ketika diperlukan. Secara kesimpulannya semua permohonan peruntukan di bawah Akta Perbekalan Tambahan 2013 adalah wajar dan boleh diterima untuk kelulusan Dewan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini saya hanya menerima tidak ramai. Saya menggalakkan kalau boleh kemukakan nama Yang Berhormat untuk senang saya hendak membuat rancangan untuk mengawal waktu. Ini kerana kita ada banyak masa, lebih-lebih lagi Yang Berhormat yang baru-baru ini, silalah bangun dan tunjukkan bakat Yang Berhormat dan untuk membincangkan tajuk-tajuk yang saya fikir luas. Akan tetapi jangan lari daripada tajuk yang berkenaan. Sekarang ini tanpa membuang masa, saya ada seorang lagi iaitu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali untuk berbahas. Oleh kerana tidak ramai berbahas, saya akan bagi masa sepanjang itulah.

Akan tetapi kalau sekiranya nanti sudah ramai-ramai dan masa itu sudah ramai sangat, saya potonglah sedikit-sedikit. Oleh sebab itu saya menggalakkan lagi ramai kemukakan sekarang nak berhujah dipersilakan. Sekarang Yang Berhormat silakan.

3.29 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Akan tetapi sebenarnya saya tidak akan mengambil banyak masa sangat. Perbahasan saya ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama ialah mengemukakan beberapa pandangan yang umum dan bahagian keduanya saya akan cuba secara khusus pergi kepada peruntukan-peruntukan tambahan yang telah dibuat.

■1530

Berhubung dengan bahagian pertama, ada lima perkara yang saya hendak sebutkan. Pertama ialah kita lihat bahawa tambahan bekalan ini ialah kira-kira sebanyak RM15 bilion daripada sekarang ini berjumlah RM216 bilion. Secara mental, dapat saya lakukan kira-kira ini lebih daripada 7 peratus. Bererti penambahan ini akan meningkatkan lagi defisit yang dihadapi oleh kerajaan dalam soal belanjawan. Selama lebih 15 tahun, defisit tidak dapat dikurangkan apatah lagi untuk dihapuskan. Tiap-tiap kali kita mengadakan perbekalan tambahan, maka defisit akan meningkat. Saya tidak secara mutlak menolak perlunya perbekalan tambahan tetapi asas tambahan itu hendaklah kuat, saya nampak ada asas-asasnya yang tidak begitu kuat dalam tambahan ini, dalam defisit ini.

Bukan sahaja soal perbekalan tambahan ini yang akan meningkatkan defisit, bahkan ada perkara lain. Ini saya pergi kepada perkara kedua iaitu Laporan Audit Negara. Kita dibekalkan dengan begitu tebal sekali Laporan Audit Negara dan saya tidak tahu sama ada dapat dibaca ataupun tidak, masanya ada ataupun tidak. Akan tetapi meninjau komen-komen yang dibuat oleh kementerian dan jabatan-jabatan tertentu, kita nampak bahawa memang berlaku banyak perkara yang berulang-ulang tiap-tiap tahun. Saya dalam Dewan ini sudah hampir empat tahun dan saya rasa tiap-tiap tahun masalah yang sama ditimbulkan. Janji yang sama dibuat tetapi tidak ada usaha sebenarnya yang berkesan untuk mengatasinya.

Misalnya kita diberitahu kali ini tentang betapa tingginya harga yang dikenakan kepada sesetengah barang. Jam umpamanya. Selain daripada itu, ada juga harga-harga yang berlainan bagi barangan yang sama seperti CCTV. Perkara ini berlaku dahulu, sekarang ini berlaku. Perkara ini dijanjikan untuk diatasi tetapi sekarang ini berulang sekali lagi. Jadi saya ingin tahulah apa Jabatan Perdana Menteri terutamanya sekali Kementerian Kewangan akan lakukan secara efektif untuk memastikan tahun hadapan, kalau tidak dapat luput semua sekali, sekurang-kurangnya mesti berkurangan. Ini kerana apabila harga yang terlalu tinggi, berganda-ganda lima hingga sepuluh kali ganda harga pasaran dikemukakan sebagai perbelanjaan, maka ini tentulah akan meningkatkan, meninggikan defisit berterusan.

Perkara ketiga ialah dan ini berkaitan juga dengan peningkatan defisit, berkaitan dengan adanya pembayaran yang lebih besar dibuat daripada yang ditetapkan. Ini berlainan dengan benda-benda kecil yang saya sebutkan tadi yang ada dalam belanjawan. Akan tetapi ada juga belanjawan yang termasuk dalam sistem kewangan negara ini yang kadang-kadang tidak dapat kita terima dengan akal yang munasabah.

Saya ambil contoh misalnya MRT. MRT ini memanglah tidak termasuk dalam belanjawan tetapi ia termasuk dalam sistem kewangan negara. Pada mulanya setahu saya, seingat saya MRT ini meliputi Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk menambah baik sistem *transport* di seluruh tempat ini. Perbelanjaan yang dianggarkan pada waktu itu ialah sebanyak RM25 bilion. Akan tetapi sekarang ini, penambahbaikan sistem pengangkutan ditumpukan terutama sekali kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur- *Greater Kuala Lumpur*. Kita nampak misalnya, belanjanya satu ketika kita diberitahu sudah meningkat kepada RM50 bilion.

Akhir-akhir ini saya mendapat maklumat dan saya ingin maklumat ini kalau boleh dipastikan atau disahkan oleh pihak kementerian iaitu perbelanjaannya sudah meningkat kepada RM90 bilion. Jadi bagaimanakah dalam masa yang begitu singkat, begitu tinggi sekali peningkatan harga projek yang seperti itu.

Ini tentu sekali akan melibatkan bukan sahaja soal hutang yang berpanjangan, yang berat tanggungan kerajaan bahkan juga ia boleh menimbulkan berbagai-bagai persoalan. Adakah penambahan ini kerana betul-betul harga barang naik atau betul-betul pampasan yang harus dibayar tinggi ataupun kerana ada elemen komisen dan sebagainya yang melibatkan angka-angka yang besar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara seperti ini haruslah kita awasi supaya tidak berlakunya bukan sahaja soal defisit tetapi juga soal perbelanjaan negara yang tidak berhemah.

Perkara keempat secara umum yang saya hendak katakan dan ini perkara yang sudah sering saya sebutkan iaitu tentang sifat perbekalan tambahan ini yang menunjukkan seolah-olah tidak ada rancangan yang teliti. Maka oleh kerana tidak ada rancangan yang teliti bagi perbelanjaan, ditambah besarkan lagi dengan tambahan. Soal tidak teliti ini ialah kerana nampaknya tidak ada unjuran yang dilakukan secara saintifik ataupun secara realistik. Kita lihat ini terutama sekali dengan gaji, emolumen. Sentiasa berlaku tambahan perbelanjaan yang melibatkan emolumen, pencen dan ada kalanya perkara-perkara yang lain.

Dalam soal ini, saya rasa sekiranya sebelum pembentangan belanjawan, hendaklah dianggarkan betul-betul apa yang hendak dibelanjakan dan diketahui betul-betul macam manakah dan apakah peningkatan pendapatan misalnya gaji polis atau askar dan sebagainya. Tentulah itu dapat dimasukkan kepada belanjawan yang asal dan kita tidak perlu menambahnya kemudian. Melainkan misalnya perkara ini tergesa-gesa dilakukan. Oleh kerana pilihan raya sudah dekat, kita pun hendak tambah gaji, maka ini tidak dapat dimasukkan dalam anggaran belanjawan kita yang pertama.

Kelima dan akhir tentang komen umum saya ini ialah wujudnya angka-angka yang menunjukkan bahawa tambahan yang diminta itu jauh lebih besar daripada anggaran yang diluluskan. Saya tidak tahu macam mana ini boleh berlaku. Anggaran sepatutnya jauh melebihi daripada tambahan. Tambahan itu harus lebih kecil daripada anggaran tetapi ini jauh lebih besar dan saya harap dapat diterangkan dan saya akan kemukakan secara terperinci apabila saya membincangkan bahagian kedua.

Sekarang ini izinkan saya Tuan Yang di-Pertua pergi ke bahagian kedua iaitu secara terperinci. Pertama ialah perbendaharaan iaitu bayaran pampasan. Sebanyak RM88 juta dan waran khas telah dikeluarkan untuk membayar RM86 juta adalah untuk bayaran tuntutan dan pampasan atas perintah mahkamah. Jadi ertinya RM88 juta adalah untuk pampasan dan bayaran melalui mahkamah.

■1540

Saya ingin tahu berapakah jumlah bayaran pampasan yang terbesar dan kepada siapa? Selain itu, berapakah kes-kes yang kita kalah di mahkamah sehingga kita terpaksa membayar pampasan-pampasan tersebut.

Kedua ialah T.14 iaitu pencen, elaun bersara dan ganjaran. Sekali lagi di sini kita dapati bahawa hampir sama banyaknya iaitu RM800 juta adalah dimohon untuk bekalan tambahan. Anggaran belanjawan yang telah diterima ialah kira-kira RM1 bilion. Jadi, ini tambahan sebanyak 80 peratus. Hakikat ini menjelaskan lagi apa yang saya sebut secara umum tadi bahawa seolah-olah tidak ada perancangan, tidak ada unjuran yang dilakukan. Maka sehingga kita terpaksa membuat tambahan yang besar untuk ganjaran tambahan, pencen dan yang lain-lain tadi.

Pergi kepada Maksud B.6 pula ini perkara yang telah disebut oleh pembicara awal tadi iaitu penambahan sebanyak RM30 juta kepada AIHijrah. Saya tahu bahawa program AIHijrah banyak juga yang baik kan dan memberikan manfaat kepada umum. Akan tetapi saya juga diberitahu bahawa AIHijrah ini kononnya adalah milik seorang hartawan Melayu. Seolah-olah diumumkan bahawa beliau adalah pemilik terbesar. Dalam perbekalan tambahan yang lalu saya ingat bahawa jumlah RM30 juta telah diperuntukkan sebagai tambahan untuk AIHijrah, kali ini RM30 juta lagi.

Jadi, adakah bererti tiap-tiap kali nanti akan dibayar atau tiap-tiap tahun dibayar peruntukan dibayar sebanyak RM30 juta kepada AIHijrah ini? Ini saya rasa perlu dijelaskan juga ataupun adakah misalnya perkara ini akan berlaku sekali dua ini sahaja sebagai permulaan dan akhirnya nanti boleh AIHijrah berjalan terus dengan menanggung perbelanjaan sendiri atau ditanggung sebagai orang yang dikatakan sebagai *sponsomya*.

Maksud B.42, Kementerian Kesihatan, bagi rawatan perubatan. Ini berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan terutama sekali ubatan-ubatan. Memanglah perlu kadang-kadang ditambah belanja seumpama ini. Akan tetapi saya ingin juga membuat peringatan bahawa jikalau TPPA diluluskan maka harga ubat-ubatan akan bertambah mahal sebabnya ialah ubat-ubatan yang boleh kita dapat murah sekarang ini akan naik harganya kerana tidak dibenarkan ubat-ubatan yang disebut sebagai- saya tidak ingat perkataannya apa, sebagai *generic medicine*.

Maksud B.60, Kementerian Pertahanan. Ini yang saya katakan tadi tentang bekalan tambahan yang diminta adalah jauh lebih besar daripada anggaran permulaan, anggaran yang diluluskan. Pertama misalnya, pentadbiran dan dasar pertahanan. Jumlah yang diluluskan ialah sebanyak RM5 juta dan RM3 juta tetapi bekalan yang hendak ditambah ialah sebanyak RM66.5 juta dan RM22 juta. Iaitu naik kira-kira 12 kali yang satu dan kira-kira tujuh kali yang satu lagi. Mengapakah berlaku perkara ini? Anggaran yang diluluskan begitu rendah sekali dan perbelanjaan yang begitu mahal sekali, begitu tinggi sekali. Ini termasuklah penyelenggaraan dan kelengkapan pertahanan ruang udara iaitu dari RM14 juta tambahan diminta RM40 juta dan kita nampak ini adalah sangat besar. Bagaimanakah, seolah-olah kelihatan tidak ada perancangan dalam hal ini? Bagaimanakah dan apa sebab kah seolah-olah tidak ada unjuran yang tepat dilakukan untuk membolehkan bekalan tambahan tidak berlaku sedemikian rupa.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa peruntukan terutama sekali untuk menaikkan gaji polis, askar dan sebagainya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3 bilion. Saya gembira kerana adanya usaha untuk menaikkan, ada langkah-langkah untuk naikkan gaji ini. Sebenarnya saya lebih mengharapkan bukan sahaja naik gaji ataupun pencen mereka bahkan akan diberikan kemudahan-kemudahan perumahan, perubatan dan kalau boleh persekolahan juga. Terutama sekali bagi anak-anak pegawai polis dan askar sebagaimana yang dikatakan tadi telah memberikan khidmat yang cemerlang kepada negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja dua bahagian yang saya hendak jelaskan secara umum dan secara khusus. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

3.47 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan Perbekalan Tambahan yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini juga kita telah dibentangkan dengan belanjawan tambahan sebagaimana sidang yang lepas. Belanjawan tambahan pada kali ini mungkin yang terakhir untuk tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat beberapa perkara yang ingin dibangkitkan di sini. Pertama ialah berhubung dengan yang telah disebut oleh kawan-kawan tetapi saya ingin sebut sekali lagi iaitu berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri iaitu B.6. Di sini disebut ada sebanyak RM7 juta untuk pembiayaan kos operasi Institut Wasatiyyah Malaysia dan Suruhanjaya Pendatang Asing (PATI) di Sabah yang baru ditubuhkan.

Pertama saya hendak tahu untuk Institut Wasatiyyah ini berapa sebenarnya kerana dia digabungkan dengan yang di Sabah. Kedua ialah berhubung dengan Institut Wasatiyyah ini, adakah ketuanya atau pengarahnya telah dilantik dan anggota-anggotanya? Di mana tempat *headquarters* atau ibu pejabat yang telah diletakkan? Ini kerana kita sebagai masyarakat Malaysia ingin mengetahui peranan yang akan dimainkan oleh institut ini.

Baru-baru ini kita telah dapati bahawa satu seminar yang besar telah diadakan di ibu negara, gabungan daripada Universiti Islam Madinah dan juga Universiti Malaya di dalam penganjuran Seminar Nadwah Wasatiyyah. Dalam hubungan ini saya melihat bahawa ini merupakan satu perkembangan yang baik untuk memberi kefahaman kepada masyarakat berhubung dengan kefahaman Islam yang benar.

■1550

Cuma saya ingin dapat penjelasan di sini ialah *wasatiyyah* itu kadang-kadang diberi definisi atau penerangan yang kemungkinan ada silap di kalangan masyarakat. Daripada segi intelektual mungkin tidak menjadi masalah sebab sering saya dengar *wasatiyyah* itu ialah sederhana. Sebenarnya *wasatiyyah* itu bukan sederhana, ia adalah di tengah-tengah. Kalau kita tengok satu bulatan lilitan, maka *center* itulah *wasatiyyah*, bukan sederhana, di tengah-tengah. Yang tepat, yang adil, yang baik, terutama. Itu maksud *wasatiyyah*. Bukan dia sederhana dalam pemahaman kebanyakan orang. Oleh kerana itulah kalau kita kata kalau berkah RM100, RM50 itu sederhana tapi *wasatiyyah* itu bukan RM50, ertinya tepat sebagaimana dikehendaki oleh Allah. Di sini saya melihat perlu institut ini disegerakan dan operasinya perlu dilebarkan dan maklumat perlu disebar ke seluruh negara supaya kefahaman masyarakat umat Islam dapat memahami konsep ini dengan baik dan sempurna.

Seterusnya, saya ingin pergi kepada Kementerian Pendidikan - B.41. Tambahan yang telah diperuntukkan, saya ingin dapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, macam mana agak-agaknya anak-anak kita, anak-anak yang kita ingin lahirkan daripada sistem yang kita buat ini khasnya di dalam kerangka yang telah dirangka tahun 2013 hingga 2025. Macam mana kerangka yang kita hendak?

Oleh sebab ini sangat penting kepada generasi depan. Dengan pertambahan ini dan juga pertambahan yang lalu dan juga peruntukan yang banyak kepada Kementerian Pendidikan, saya rasa saya hendak dapat penjelasan kerangka bagaimana, bentuk bagaimana anak-anak yang kita harapkan akan lahir daripada sistem yang telah dirangka itu dan pada saya, banyak positif namun positif itu perlu ditambah baik lagi.

Sejauh yang saya tengok dan saya teliti daripada laporan yang telah dibuat, saya tidak menemui satu perkataan iaitu mewajibkan pengajian agama dan juga sivik kepada masyarakat, kepada anak-anak kita. Kita tahu bahawa kalau kita menyelidiki bahawa antara sebab dan punca berlakunya gejala sosial dalam masyarakat kita dan jenayah yang berat yang kita tahu daripada penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Antara punca dan malah punca utama adalah anak-anak kita tidak mempunyai kalau orang Islam, pegangan agama yang baik dan kefahaman yang betul serta amalan yang sihat. Itu di antara punca utama dan kepada anak-anak *non-Muslim* dengan maaf, bukan Islam mereka juga perlu diberi pengajian, pelajaran yang mantap dalam bidang agama mereka menurut kepercayaan mereka dan juga pelajaran sivik supaya anak-anak kita memahami nilai-nilai murni dan mulia.

Namun, di dalam kerangka yang telah dibentangkan, untuk anak-anak Islam, pelajaran agama Islam masih tidak menjadi satu pelajaran wajib dan apabila tidak wajib, anak-anak tidak memberi perhatian, ibu bapa pun tidak memberi perhatian dan tidak ramai ibu bapa yang memberi perhatian. Kalau sesuatu pelajaran itu menjadi pelajaran wajib, sudah pasti anak-anak memberi tumpuan, guru-guru, ibu bapa memberi tumpuan. Malah tak cukup di sekolah, kelas tambahan. Tidak cukup kelas tambahan, tuisyen pagi petang dan sehingga malam anak-anak dikerahkan untuk belajar sehingga mereka mempunyai kematangan dan mempunyai kekuatan di dalam menguasai setiap pelajaran yang telah diajarkan itu. Hal ini tidak berlaku kepada pelajaran agama Islam dan juga sivik yang mana ini adalah merupakan teras kepada orang Islam tambahan pula Malaysia merupakan negara Islam yang termaktub di dalam Perlembagaan, Perkara 3- Islam adalah agama Persekutuan.

Tidak wajar kita abaikan hal ini dan ini merupakan asas di dalam pembentukan jati diri setiap anak-anak kita yang Muslim dan juga yang bukan Muslim dengan pelajaran sivik yang perlu diberi nafas baru. Bagi saya, ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian dan boleh ditambah baik kerana kita ingin melahirkan masyarakat yang bagus bukan sahaja bijak, bukan sahaja pandai daripada segi pencapaian ilmu, tetapi nilai murni dan jiwa baik serta berakhlak mulia itu sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak tengok di sini ialah perkara lima iaitu berhubung dengan sebanyak RM36 juta lebih untuk menampung keperluan tambahan pelaksanaan program Diploma Pengajian Lepas Ijazah sekolah rendah j-QAF serta pelaksanaan program j-QAF di sekolah agama bantuan kerajaan.

Saya mendapat maklumat bahawa orang-orang yang telah tamat di dalam program j-QAF ini, mereka akan ditemu duga untuk ke jawatan tetap.

Ada yang berjaya dan ada yang tidak. Kita semua maklum bahawa temu duga itu tidak mengambil masa yang lama tetapi sedangkan pelajar itu belajar dalam waktu yang lama sehingga mereka lulus diploma tetapi dalam pelaksanaannya, mereka mungkin dalam temu duga itu tidak mengambil waktu yang lama namun dalam waktu yang singkat itulah dibuat keputusan anda berjaya dan juga anda yang gagal. Adakah ini satu kaedah yang terbaik dilakukan dan adakah apa yang telah dilakukan oleh guru-guru di peringkat diploma mereka tidak cukup untuk membuktikan keupayaan mereka? Perkara seperti ini saya harap perlu diberi dan dilihat semula kerana ada di antara insan-insan di dunia ini termasuk guru-guru apabila berdepan dengan pihak penemu duga, dia gugup, dia tidak boleh bercakap dengan baik dan boleh jadi dia tidak ada keupayaan-keupayaan, mungkin dia gementar dan sebagainya.

Kalau hanya dalam empat ke lima minit atau sepuluh minit atau dua puluh minit itu dibuat penilaiannya keseluruhannya, maka mungkin kita rasa dia juga adalah di antara orang yang terseksa dalam hidupnya. Kita harap perkara ini boleh dilihat kembali supaya mereka juga dapat diberi peluang.

Saya ingin pergi kepada B.45 Kementerian Belia dan Sukan. Saya melihat tambahan-tambahan ini sebanyak RM37 juta semuanya dan keseluruhan tambahan yang dipohon adalah untuk sukan. Kesemuanya untuk sukan tetapi tidak ada untuk pembangunan belia daripada aspek lain seolah-olah Kementerian Belia ini hanya menumpukan sebahagian besarnya kepada sukan. Bagi saya, pada sesi lepas saya telah menyebut bahawa Kementerian Belia dan Sukan perlu memberi keseimbangan yang baik di antara pembangunan sukan dan juga pembangunan jati diri belia. Ada belia yang tidak terlibat dengan sukan, ada belia yang terlibat dengan sukan. Kita mahu kedua-duanya sekali diberi nafas jati diri yang baik dengan program yang baik dan saya harap perkara ini diberi perhatian.

Berhubung dengan sukan, baru-baru ini saya tengok sukan negara kita ini salah satu sukan yang menjadi sukan warisan dominasi negara kita ialah sukan sepak takraw. Baru-baru ini, Korea telah menjuarai sepak takraw. Orang Malaysia tidak dapat, negara-negara Asia lain pun tidak dapat.

■1600

Ini saya rasa di mana silap dan saya membaca dalam komen-komen di akhbar. Ada kelemahan-kelemahan di segi pengurusan dan sebagainya dan perkara ini perlu dilihat kembali khasnya sukan-sukan yang menjadi tradisi kepada negara kita. Perlu diberi nafas baru dan perlu diberi perhatian sampai jangan kita tercicir ke belakang. Kadang-kadang apabila kita melihat ini tradisi kita mungkin kita ambil mudah dalam hal-hal itu.

Begitulah juga dengan pembangunan yang lain-lainnya. Ramai yang menyebut kita mungkin telah sampai satu peringkat dunia berhubung dengan sukan badminton tetapi sukan-sukan lain juga perlu diberi nafas yang baik mengikut keupayaan-keupayaan yang ada pada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk lagi kepada Butiran 62 iaitu Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri juga telah memohon sebanyak RM205 juta peruntukan tambahan. Tambahan-tambahan tersebut sebagai mana yang telah dijelaskan dan saya tidak nampak di sini ada juga bahagian-bahagian yang tidak disebut seperti pegawai penjara. Tidak ada di sini. Polis ada. Tidak ada? Jadi bagi saya, saya menyokong semua kenaikan, imbuhan, semua apa yang saya sokong kerana mereka bekerja dengan gigih dan baik. Namun saya rasa dalam hal-hal ini jangan ada yang tertinggal. Saya harap pihak kementerian memberi perhatian yang baik dan saksama supaya semua pihak tidak akan rasa tercicir dan tidak akan tertinggal. Begitu juga saya tidak dapat tengok di sini dengan bomba umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya apa yang saya hendak sebut lagi ialah sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh kawan saya sebelum ini iaitu berhubung dengan audit negara. Sebenarnya audit negara, saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak audit yang telah menjalankan tugas dengan baik dan kepada kementerian-kementerian yang diberi teguran dan diberi pemberitahuan perlu mengambil sikap yang positif terhadap teguran tersebut. Ini kerana semua yang hidup dalam sebuah negara ini adalah sebagai sebuah keluarga yang satu tidak boleh dipisahkan dengan yang lain.

Ada yang menegur, ada yang salah, ada yang silap. Itu adalah suatu perkara untuk melengkapkan di antara satu sama lain.

Namun saya mengharapkan bahawa semua wang yang diberikan oleh kerajaan kepada kementerian-kementerian, itu adalah merupakan tanggungjawab dan amanah. Amanah itu tetap akan dipersoalkan sama ada di dunia ini atau pun di akhirat nanti. Ini kerana kita tidak dapat lari daripada dipersoalkan. Sama ada di dunia ini orang soal atau tidak tetapi di akhirat kita tetap akan ditanya oleh Allah SWT. Oleh kerana itulah kita akan ditanya dengan umur kita, di mana kita habiskan. Ditanya waktu muda kita apa kita buat. Ditanya dengan harta kita, dari mana kita dapat dan ke mana kita guna dan ditanya dengan ilmu kita apa yang kita lakukan untuknya.

Jadi pengurusan harta ialah ditanya dengan ilmu kita- ilmu pengurusan yang Allah SWT berikan kepada kita supaya kita urus dengan sebaik-baiknya kerana ini adalah satu tanggungjawab dan satu amanah yang telah diberikan dan mana-mana teguran yang diberikan oleh pihak audit negara itu perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan diambil tindakan dengan sewajarnya agar wang negara kita dapat dijamin dan kemungkinan kalau sekiranya hal itu diberi perhatian, kemungkinan tambahan yang dicadangkan ini dapat dikurangkan. *Insyah-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Silakan Yang Berhormat.

4.05 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya fikir ada sebab atau asas menyebabkan Kementerian Kewangan membentangkan Rang Undang-undang Tambahan Perbekalan. Sudah tentulah kita rasa sebagai negara maju, sebagai sebuah negara yang sedang menuju era global yang setaraf dengan negara-negara maju, kita perlukan satu perubahan bukan sahaja perubahan dari segi rohani malahan jasmani dan juga kemajuan ekonomi.

Jadi sudah tentu ada yang kurang atau lebih dan ia perlu dikaji dari semasa ke semasa. Untuk itu saya fikir bajet yang diperlukan sebanyak RM15 bilion adalah kecil. Adalah munasabah jika dibandingkan dengan bajet sebenar tahunan sebanyak RM130 bilion oleh negara kita. Ada orang berpendapat bajet ini *ad-hoc*, tiba-tiba. Bukan. Saya fikir bukan. Bajet ini sudah dikaji, dianalisis membolehkan semua kementerian mendapat tambahan. Jadi saya sokong penuh bajet ini dikemukakan untuk kita Ahli Dewan Rakyat juga Dewan Negara supaya menyokong bajet ini demi untuk rakyat dan negara, bukan untuk politik, bukan untuk suka-suka. Bukan untuk kita lulus secara membuta tuli tetapi ada asas. Tengok yang pertama. Kita pergi yang pertama.

Pertamanya iaitu untuk Parlimen. Butiran Parlimen tidak banyak iaitu RM1.3 juta sahaja. Untuk itu kita sokong penuh sebab bagi kita Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara ialah kemuncak rumah atau pun istana undang-undang bagi rakyat. Jadi kita sokong. Saya tidak nampak tidak baik, cuma Parlimen ini kena lengkap. Saya dan tuantuan sebagai Ahli Parlimen mengesyorkan untuk pengurusan ini saya sudah katakan dahulu, dimasukkan nama-nama bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua malahan siapa juga yang pernah menjadi dan berkhidmat sebagai Ahli Parlimen dalam negara diterakan nama dia. Setuju tidak, okey? Kalau okey, pengurusan kena buat.

Keduanya saya lihat untuk rang undang-undang di bawah Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA). Pulau Pinang di bawah pembangkang- DAP. Pun Kerajaan Barisan Nasional masih lagi menumpukan untuk bantu rakyat Pulau Pinang.

Jadi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Persekutuan kerana melibatkan pembangunan dan kemajuan untuk PERDA. Jadi sebuah kerajaan yang bernama Barisan Nasional besar jiwa sebab kita tahu dan sedar bahawa di Pulau Pinang juga bukan rakyatnya semua senang. Ada yang lapar, ada yang miskin, ada yang kebulur, ada yang hidup kais pagi makan pagi. Betul Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon?

■1610

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Angguk dua kali, betullah. Jadi kita tahniah untuk kerajaan BN sebab bela PERDA. Jadi bajet ini munasabah, logik akal, logik tindakan. Untuk itu, kita harap PERDA akan bergerak terus tetapi jangan lupa untuk koridor-koridor selatan, tengah, timur ataupun Sabah dan Sarawak. Saya juga bersetuju TV AlHijrah maju. Bila kita buka, banyak rancangan agama diterapkan.

Saya berkeyakinan AlHijrah akan meningkat naik, meningkat maju. Kami doakan semoga AlHijrah setanding dengan Al Jazeera. Angguk lagi... [Ketawa] Jadi, Al Jazeera itu satu media yang diterima. Dulu masa buka baru-baru, AlHijrah tidak nampak sangat. Sekarang banyak rancangan AlHijrah ditumpukan untuk ilmu, untuk pendidikan, untuk faedah bersama. Jadi bajet yang ditambahkan, kita sokonglah supaya AlHijrah menjadi TV yang popular bukan sahaja dalam negeri, domestik malahan di peringkat global.

Saya juga hendak bercakap tentang sumber manusia, modal insan. Dulu masa Tun Abdullah Ahmad Badawi, modal insan berkumandang di udara, di maya pada Malaysia. Juga, masa Tun Najib disambungkan lagi. Bukti, sejumlah besar peruntukan juga dibuat. Apa yang penting, saya hendak lihat kita masih lagi, negara kita tidak cukup pakar-pakar. Kita ada puluhan ribu. Tidak silap saya, tidak kurang daripada 30,000 ekspatriat dagang di sini, berkhidmat di sini daripada Eropah, daripada Jepun, daripada Korea, daripada China, malahan juga daripada Indonesia. Jadi bertanya tentang modal insan, kita masih lagi tidak cukup pakar-pakar yang terlatih yang dikehendaki dalam semua bidang sama ada kewangan, sama ada *guest*, hatta sukan dan juga pentadbiran. Jadi, saya ingat pembangunan modal insan merupakan aset negara yang penting.

Saya juga hendak sentuh tentang B.9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini orang kata satu topik yang hangat. Saya baca semalam, akhbar pembangkang. Tidak silap saya, *Harakah*. Dia kata Malaysia itu, tidak *Harakah*, Keadilan. *Sorry* kalau saya lupa. Salah satu itu, antara dua. Dia kata rasuah, Malaysia menduduki tempat pertama dunia. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang akan menjawab, betul kah? Kalau betul, kena cari jalan supaya Malaysia janganlah tempat pertama rasuah dunia. Kalau tidak betul, itu auta pembangkang. Jadi kita hendak sebut ialah rasuah itu kena hapus, kena kurang dan kena telus semua pemberian oleh kerajaan kepada mana-mana pihak sama ada kementerian, sama ada apa sumber.

Saya baca ini, Audit Negara. Kita sebelum baca, tebal. Kadang-kadang saya malu, kita semua malu. Adakah kementerian sama ada apa kementerian, beli barang RM100 kelim RM1,000, beli barang RM10,000 kelim RM100,000. Jadi tidak ada integriti. Saya, kerajaan, pihak kerajaan pun kalau salah tidak kira sama ada *you* kerajaan, pegawai kerajaan, kita telus. Oleh itu, saya fikir untuk bajet kepada Badan Pencegahan Rasuah saya sokong diberikan banyak wang, banyak bangunan. Dengar khabar hendak tambah lagi enam buah bangunan baru, bajet baru. Untuk banteras rasuah ini, tidak boleh pegawai kerajaan menunjukkan sikap yang tidak baik. Semua audit ini, banyak lagi buku kena tangani, kena selesai. Kalau tidak, maruah kementerian, maruah kerajaan tercalar.

Saya juga hendak sentuh tentang Maksud B.10 – Perbendaharaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya sebenarnya, saya hendak sentuh Kementerian Pengangkutan tetapi tidak ada di sini. Saya harap Perbendaharaan, apa yang saya hendak sebut berkaitan ialah MAB iaitu Malaysia Airports Berhad. Orang naik kapal terbang Tuan Yang di-Pertua, termasuk Tuan Yang di-Pertua, termasuk saya kena cukai banyak. Kalau tidak silap saya, RM46 satu orang. Naik AirAsia pun RM46, Firefly pun RM46, Malindo pun sama, MAS pun sama. Jadi dia caj tangga, caj dewan, caj kerusi. Caj apa mahal sangat? Kita naik Indonesia pun RM20 lebih caj guna *airport*. Saya yakin kata-kata saya ini betul RM46 seorang, yang paling mahal di Asia. Oleh sebab itu tiket kita mahal, sebab kerajaan ambil mahal sangat.

Jadi saya harap, kementerian yang berkenaan turun harga caj MAB separuh kah. Kalau RM46, jadi RM23 supaya tiket-tiket kita murah. Kita ini Ahli Dewan Negara ulang-alik KL-Terengganu, KL-Sabah, KL-Kedah, KL-Johor, KL-Sarawak, Kuching. Kadang-kadang tiap-tiap bulan, kadang-kadang tiap-tiap minggu. Akan tetapi, Dewan Negara *you* tahulah, tuan-tuan tahu, bukan gaji mahal sangat, RM4,600 sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pergi balik, pergi balik, habis. Jadi kita dihabarkan tadi bahawa kita ini kategori kita ialah sederhana, bukan kaya, bukan lumayan, bukan VIP. Nama senator, VIP tetapi gaji rendah, sederhana, miskin, RM3,051 ke RM6,591, sederhana. Jadi kalau caj tinggi, kalau naik kapal terbang tiap-tiap minggu, mana lagi duit? Duit boleh *claim*, kadang-kadang nyanyuk, lupa hendak *claim*... [Ketawa]

Jadi, saya harap supaya MAB ini kurangkan caj Yang Berhormat Menteri. Kita bukan kaya sangat, kita miskin supaya bukan kita dikurangkan beban, juga kedua supaya orang luar yang hendak melancong ada *medical tourism* yang luar, datang sini naik kapal terbang yang paling murah, bukan sahaja AirAsia malahan semua jenama kapal terbang di Malaysia diakibatkan caj MAB murah. Setuju? Kalau tuan-tuan setuju, sokong.

■1620

Seorang Ahli: Sokong!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sokong. Kalau sokong saya, okey.

B.27 - Kementerian Kerja Raya. Ini satu lagi. Ini bajet hendak minta banyak tetapi ingat tidak Terengganu runtuh, runtuh dari jadi sudah runtuh. Bukan silap MAB, bukan silap Senator dari Terengganu, saya dengan dia dengan ini, bukan. Silap JKR. Stadium runtuh, surau runtuh masjid runtuh, apa lagi, banyak yang runtuh. Setahun empat, lima kali runtuh. Yang silap tukang pelan, arkitek, JKR. Kedua, mungkin arkitek itu tidak pandai, tidak pakar. *Design* tidak pandai, tidak cekap. Orang buat stadium 60 tahun tidak runtuh-runtuh. Terengganu buat, tidak sampai tiga tahun runtuh. Marah ke BN, lebih lagi PAS. Dia kata BN, BN runtuh, runtuh. Padahal JKR.

Jadi saya syorkan arkitek JKR kena betul pandai-pandai. Kalau tidak, jangan kerjalah dengan JKR. Buat runtuh saja. Kedua, kuat kuasa. Kuat kuasa Tuan Yang di-Pertua, tidak kuat. Baru runtuh, baru hendak *inspect*, baru hendak periksa. Selama ini buat apa, makan tidur, makan tidur. Dia tidak pergi pantau, dia tidak pergi tengok besi tebal mana. Katakan empat inci, kontraktor pasang dua inci pun okey. Runtuh, dia baru puji, oh kita minta 10 inci, dia bagi dua inci. Kita minta empat inci, dia bagi dua inci. Oleh sebab itu runtuh. Kenapa kamu tidak *inspect* awal-awal, betul. Kenapa kamu tidak periksa awal-awal. Bila runtuh, baru bunyi. Bila runtuh, baru bising. Itulah saya hendak beritahu, kita boleh bagi duit tetapi runtuh itu tidak hendak ulang. Malu orang.

Terengganu, bukan sahaja Terengganu. Pahang juga runtuh dahulu, Johor juga runtuh. Seolah-olah JKR, apa ini. Oleh sebab itu sebelum bagi duit kepada JKR, saya minta Menteri Kewangan kena kaji dua aspek ini. Arkitek satu, *inspection* satu dan juga kena ajar, kena beri syarat kepada kontraktor. Baru ia ini runtuh, baru bunyi. Jadi saya hendak tekankan supaya B.27 kena hati-hati, kena pantau betul-betul.

Satu lagi saya hendak sentuh Kementerian Pendidikan - B.41. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan kerana ada pelan tetapi saya tidak puas hati sedikit. Untuk Diploma okey, untuk Tingkatan 6 okey. Untuk Matrikulasi bagi tajaan okey, *but* untuk *Master* dengan PhD. tidak okey sebab mereka tidak ditaja. Baru ini sahaja MARA hendak taja yang buat *Master*, yang buat PhD. Kenapa MARA sahaja? Tidakkah agensi lain beri peranan untuk galakkan orang buat *Master*, orang buat PhD untuk anak bangsa kita tanpa mengira kaum untuk jadi pakar-pakar, untuk tadbir negara dalam semua bidang. Untuk itu, saya harapkan Kementerian Pendidikan tajalah *Master* dan juga PhD.

Satu lagi saya hendak tekankan ialah Pendidikan Islam. Saya harap Pendidikan Islam itu bukan saja didik tetapi pastikan pelajar betul-betul pandai. Ini subjek Pendidikan Islam, umur sepuluh tahun lebih, belajar Pendidikan Islam, belajar sembahyang, belajar puasa, belajar haji tetapi umur sepuluh tahun tidak tahu sembahyang. Apa dia? Sudah sepuluh tahun tidak tahu lagi. Dekat tahun satu, dua, tiga pun tidak tahu lagi. Jadi keberkesanan itu tidak berlaku. Bukan semua, sebahagian kecil. Ertinya, kena pastikan supaya anak-anak Islam yang wajib sembahyang, umur sepuluh tahun wajib kena tahu, wajib kena sembahyang.

Itu saya juga hendak tekankan pembangunan wisma perguruan, elau bantuan kepada murid, makanan dan asrama. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan sebab beri bantuan makanan tambahan kepada murid-murid miskin. Saya tidak tahu berapa bajet, tetapi saya difahamkan murid-murid yang dapat bantuan makanan hanya kepada penjaga yang dapat RM1,200 sahaja, betul kah? Kalau tidak betul, *correct* saya Menteri. Saya syorkan langkah ini naikkan. Mereka ibu bapa yang dapat pendapatan RM3,000 ke bawah kena dan perlu beri bantuan makanan tambahan dan bantuan makanan asrama.

Akan tetapi makanan asrama itu, dahulu saya pergi asrama kadang-kadang saya tengok sedih. Ikan selayang, ikan selayang, ikan tamban, daging busuk, daging buruk. Macam mana kita hendak lahirkan budak-budak cerdas, budak-budak IQ pandai sebab makanan tidak berzat. Jadi, bajet tambahan yang diminta oleh pembangunan profesional perguruan hendaklah ditambah. Katakan *per head* kita ambil sekarang RM12, tambah sikit tidak apa RM15 atau RM18. Maka kita naik sikit lagi, *you* naik sikit lagi supaya makanan itu betul-betul berkhasiat, berzat.

Saya juga hendak sentuh tentang Kementerian Kesihatan - Maksud B.42. Sekarang kita sedar dan kita lihat semua hospital sesak, ramai sangat. Saya juga sedih bila mana kita dapati banyak pesakit buah pinggang hendak cuci darah berebut-rebut, tidak ada tempat. Oleh itu saya syorkan bab-bab cuci buah pinggang ini, hemodialisis ini kena cukup, kena buat. Sekarang banyak mereka yang cuci darah, hospital kerajaan tidak cukup tempat termasuk Terengganu, termasuk di Kuala Lumpur ini. Oleh sebab itu saya harap bab pesakit, hal pesakit, hal yang sakit buah pinggang kena cukup tempat cuci darah. Saya juga sekali lagi, bajet tambahan ini saya sokong pengurusan ibu pejabat negeri dan ibu pejabat di Kementerian Kesihatan kena cukup alat, komputernya, alat-alatnya, alat batu karangnya, jantungnya kena cukup.

■1630

Kena utamakan kesihatan rakyat daripada sekat-sekat. Jadi, saya sokong untuk kesihatan. Saya juga hendak sentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingat Kementerian Belia dan Sukan, kita tekan sedikit kepada IKBN, Institut Kemahiran Belia Negara. Saya sudah lama dengar IKBN ini, rata-rata ada. Saya ucapkan tahniah. Cuma, saya hendak minta besarkan lagi, banyakkannya lagi. Itu yang pertama.

Kedua, yang ada IKBN di semua negeri, *in fact* di semua negeri kelengkapan kena cukup. Bukan buat tetapi tidak cukup alat, guru-guru, kursus dan juga kemahiran.

Saya juga hendak tekankan Maksud B.46 - Sumber Manusia. Saya lihat Kementerian Sumber Manusia ada CIAST. Tidak sampai pun sepuluh. Tidak silap saya ada lima, enam sahaja. Saya syorkan banyakkannya lagi CIAST, kemahiran tinggi.

Kedua, banyakkannya lagi ILP. ILP itu kalau buat janganlah dua atau tiga tahun baru hendak masuk mesin. Kita sudah buat ILP tetapi mesin baru masuk selepas dua atau tiga tahun. Di Marang tempat saya baru satu mesin masuk, dua mesin masuk selepas tiga tahun. Jadi, kalau beginilah buat apa kita buat susah-susah, akan tetapi mesin lambat sedikit. Jadi, kita kena cekap dari segi kemasukan mesin dan lain-lain keperluan.

Saya juga hendak sentuh Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya suka sentuh sosioekonomi yang miskin, kurang upaya dan warga emas. Ini orang miskin saya syorkan tidak lagi ada rumah konsep Orang Asli. Orang Asli itu orang juga. Kita pergi mana-mana rumah Orang Asli, sedih. Satu bilik campur gaul. Jadi, kena hapuskan rumah begini, kena buat baru. Bukan Orang Asli tidak mahu rumah tetapi Orang Asli tidak cukup rumah. Jadi, kena tekan juga kepada mereka.

Saya difahamkan Orang Kurang Upaya dalam Malaysia ini ada lebih kurang 250,000 orang. Jadi, sebahagian besar mereka lebih daripada 70 peratus tidak kerja. Bukan tidak mahu kerja, akan tetapi tidak ada kerja yang dilahirkan, yang diwujudkan sesuai dengan mereka. Saya syorkan supaya kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini kena cari kerja, buat kerja dan cetuskan kerja sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah Orang Kurang Upaya di Malaysia kita.

Saya juga hendak sentuh Maksud B.60 - Kementerian Pertahanan. Dahulu saya sudah cakap *maritime* ini kena cukup alat. Ini bajet minta lagi. Saya sokong. Kementerian Pertahanan dia minta banyak. Berapa juta ini? Sejumlah RM239 juta. Akan tetapi saya hendak syorkan supaya kementerian ini tumpukan kepada alat-alat *maritime*. Apa dia? Teropong tidak cukup, bot laju tidak cukup, kapal terbang mata dua tanpa pemandu tidak ada lagi. Jadi, bot marin tidak cukup. Masa darurat di Sabah, semasa lanun Sulu ceroboh kita di Sabah kita tidak cukup alat-alat untuk menjaga. Jadi, sekarang hendak beli. Saya syorkan alat-alat itu kena canggih macam teropong di waktu malam. Belilah, kita tidak ada lagi. Beli untuk negara.

Pantai Sabah bukan kecil pantainya. Sarawak bukan pendek, 4,000 lebih kilometer. Jadi, kita syorkan supaya sokong bajet ini. Bajet ini penting untuk negara kita. Buat apa kalau negara kita dicerobohi Sulu, sebagai *example* kepada kita.

Oleh itu saya syorkan supaya alat-alat *maritime* kena cukup. Juga pengurusan operasi *maritime* kena cukup dan juga kelengkapan pertahanan udara kena canggih. Sila.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin bertanya, adakah Yang Berhormat setuju berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara yang terbaru, dalam kita meluluskan perbelanjaan tambahan ini, pada masa yang sama adalah lebih baik kita memperketat prosedur pemerolehan. Oleh kerana kita dapati harga-harga pemerolehan barang-barangan yang diberikan itu kadang kala tidak masuk akal harganya berbanding dengan harga pasaran. Ini menyebabkan negara kerugian atau mengalami apa yang kita panggil sebagai ketirisan yang besar, yang menyebabkan kita terus menerus terpaksa datang ke Dewan yang mulia ini untuk mendapatkan bajet tambahan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, ini satu idea yang baik, yang berguna. Pendapat Yang Berhormat sangat baik. Saya setuju supaya semua pilihan diperketat supaya tidak ada penipuan, telus dan jujur. Ini juga bukan untuk diri dan bukan barang seribu ke 10,000, bukan. Laporan ini kena periksa, kena tangkap, kena dakwa. Itu satu. Kedua, akan datang kena diperketat. Okey, puas hati? *Number one best*. Saya hendak tanya lagi, berapa banyak...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta laluan Yang Berhormat kalau boleh?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, boleh, boleh.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya selalu dengar Yang Berhormat ini berucap panjang lebar baru-baru ini. Itu bagus Yang Berhormat. Kita orang tidak dapat buat begitu. Akan tetapi berhubung dengan pencegah rasuah ini, kita baca surat khabar, yang pertama yang saya hairan ialah jam dinding yang harga RM100 ini kita bayar RM3,810 satu. Apabila ditanya dia kata jam jenama. Adakah jam dinding pun kita hendak beli jam *Christian Dior*? Tidak bolehkah jam yang buat di Malaysia yang harga RM138.

Keduanya ialah skandal. Harganya RM200 kita bayar RM14,670 iaitu tujuh puluh kali ganda. Ya lah kalau hendak ambil untung pun ambillah 30 peratus kah. Jadi, Yang Berhormat kita selalu dengar tiap-tiap tahun audit negara dan sebagainya. Apa pemikiran Yang Berhormat? Saya ucap tahniahlah kepada kerajaan kerana telah menubuhkan satu jawatankuasa khusus dan juga *Anti-Corruption Agency* pun katanya hari ini telah membuka 15 surat kajian, *investigation paper's*, dengan izin.

■1640

Sebelum pada ini, kita tidak dengar pula apa tindakan yang dibuat berhubung dengan laporan audit tahun lepas dan sebagainya. Yang Berhormat minta pandangan Yang Berhormat lah. Yang Berhormat sahaja yang boleh huraikan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan saya sahaja boleh hurai. Yang Berhormat Menteri lagi hebat, tetapi saya hendak angkat ini... [*Mengangkat buku-buku laporan audit*] Satu, ini tiga, ini tiga berat. Dua kali angkat ini tiga, enam. So, ini termasuk jam dinding. Kalau 100 dia letak RM3,810, 200 dia letak RM14,17- 70 kali ganda. Ini yang kita dengar, Ahli-ahli Yang Berhormat balik baca, lagi dahsyat.

So, kita terima laporan ini saya setuju untuk siasat, dedah dan dakwa. Kalau Kementerian Kewangan membisu atau apologetik sahaja ulang lagi, ulang lagi. Jadi kita tidak mahu. Pertama kita tidak mahu rasuah. Kedua, kita tidak mahu dia pergi neraka. Betul, rasuah ini neraka. Betul?... Betul, bangunlah... [*Ketawa*] Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Audit. Ada orang suka Laporan Ambrin Buang, ada orang tak suka. Akan tetapi demi negara, bangsa, maruah imej dan integriti kita, kena buatlah. Ada lagi hendak tanya?

Okey saya pergi kepada Butiran B.62 – Polis Diraja Malaysia. Tahniah kerajaan. Banyak beri bantuan kepada polis dan askar. Akan tetapi kita kena ingat agensi yang membantu keamanan negara bukan polis dan askar sahaja, termasuk juga kastam, imigresen dan lain-lain agensi. Jadi saya harap kajian kepada gaji, kemudahan, perumahan, kebajikan, kenderaan dan naik pangkat hendaklah disamaratakan. Termasuk pekerja-pekerja Parlimen, termasuk Senator.

Jadi yang polis itu okey, saya tidak dengki, yang askar itu okey tidak dengki, tetapi ada pegawai-pegawai perkhidmatan yang lain yang perlu ditumpukan supaya ada rasa, "Sama rata, sama rasa." Ini konsep kerajaan yang kena transformasi, perubahan.

Jadi saya percaya kerajaan dengar dan saya hendak sentuh sedikit mengenai Pengurusan Imigresen. Saya sokong beri duit tetapi harap turun bawah, turun padang. Apa hakikat yang sebenarnya yang berlaku dalam Imigresen? Mungkin kita dengar pegawai imigresen dan pegawai kastam kena bunuh. Ada sebab. Bukan kita hendak tengok dia kena bunuh sahaja. Bukan kita hendak tengok dia mati sahaja. Akan tetapi *hanky-panky* di belakang sana. Kena pantau, kena jalan, kena siasat. Saya dan kawan-kawan terkejut apabila tangkapan dibuat di laut menyebabkan pegawai-pegawai kastam bagi rasuah kepada bot-bot nelayan asing, contoh nelayan Vietnam.

Jadi apakah sebagai orang kuat kuasa imigresen dan kastam boleh buat apa sahaja. Tidak boleh, tidak boleh buat apa sahaja. Kita dilindungi oleh undang-undang dan agama. Saya harap kena pantau bajet yang dibuat, yang diberikan saya harap ada unsur-unsur motivasi, unsur-unsur agama dan unsur-unsur pendidikan yang perlu dan mesti dikuatkan kepada kalangan penguat kuasa undang-undang khasnya melibatkan kuasa duit. Kastam kah, polis kah? Kena ada pendidikan dalaman supaya mereka jujur dalam melaksanakan undang-undang, bukan untuk diri dan bukan untuk ambil kesempatan. Sebaliknya dia kena bersedia jadi pegawai yang berintegriti, menjaga maruah diri, keluarga, bangsa dan negara.

Saya juga hendak sentuh program khusus ialah Sistem Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional. Kini banyak sangat orang asing. Saya sudah cakap tuan-tuan sudah cakap berbuih mulut supaya kurangnya PATI-PATI ini buat apa banyak sangat. PATI ada 3 juta yang sah, yang tidak sah ada 2 juta lebih. Pekerja Malaysia ada 12 juta. Jadi kalau ada 5 juta berapa *percent*, berapa *percent*? Lebih daripada 48 peratus dan merupakan negara yang handal, yang paling banyak pekerja asing di dunia, betul? Betul Yang Berhormat Senator Syed Shahir? Kalau betul diamlah, kalau hendak cakap, cakaplah.

Akan tetapi saya hendak khabar, saya tidak puas hati ramai sangat PATI. Bukan tidak boleh, 1 juta cukuplah, 2 juta habis tinggi. Ini 3 campur 2 jadi 5 juta. Sampai anak-anak bangsa kita tidak boleh kerja. Pergi kedai makan, PATI, pergi kedai, PATI. Nasib baik *guard* di Parlimen tidak PATI. Di luar ini PATI?... PATI. Jadi bangsa Malaysia tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya hitam bukan Bangladesh. Akan tetapi hendak khabar pergi *supermarket*, PATI, pergi hotel, PATI, pergi *resort*, PATI, pergi pantai, PATI, dalam hutan, PATI, semua PATI. Jadi sistem ini saya sokong tetapi bukan sahaja sistem hendak pemutihan tetapi kena pantau, kena sekat, kena ada limit.

■1650

Contoh, cukuplah 20 peratus pekerja asing. Ini 48 peratus, banyak sangat. Bukan kita tidak sedar, negara kita pengangguran hebat. Apabila kita tanya, pengangguran berapa? "*Oh! Kecil sahaja 3 peratus.*" Bangsa-Bangsa Bersatu kata kalau 3 peratus macam tidak ada pengaruh. Ya, betul. Akan tetapi apabila 3 peratus ditukar kepada angka jadi 400,000 lebih belia Malaysia laki-laki dan perempuan menganggur. Seramai 400,000, pening kepala kita. Lebih-lebih lagi hendak pilihan raya. "*Tidak ada kerja, tidak sokong.*" Oleh sebab itu orang muda tidak sokong Barisan Nasional, sebab orang muda ramai menganggur. Keluar universiti menganggur. Sekarang budak-budak universiti menganggur ada lebih kurang 150,000 orang lebih. Ramai! SPM lagi ramai.

Jadi kita ingat sistem ini bagus. Cap 10 jari, kalau boleh 20 jari, sekali kaki dan tangan. Akan tetapi ini tidak cukup. Ini tidak *settle*. Pemutihan cuma kaedah, pemutihan cuma sistem. Yang saya hendak tegur ialah bukan sistem, yang saya hendak tegur dasar yang tidak betul. Dasar yang kena dikaji balik supaya, "kera di hutan jangan disusukan anak di buaian jangan kelaparan." Itu yang saya hendak sentuh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ambang tahun hadapan kena buat satu dasar baru, bukan ia datang kita terima. Semua kena pantau. Dasar kena ada. Berapa *percent* kena ada. Yang datang tidak hendak balik kena tangkap. Yang rasuah beri pada pendaratang asing kena tangkap. Itu contoh-contohnya sebab kita hendak jadikan negara kita utamakan orang tempatan dahulu sebelum orang luar. Itu sahaja yang saya hendak cakap.

Jadi, bajet sebanyak RM15 bilion ini saya sokong untuk lulus tetapi teguran-teguran tadi hendaklah diambil kira. Jangan ulang lagi, jangan bajet lagi sekali perkara yang sama yang berulang.

Akan tetapi saya percaya di bawah kementerian baru, Menteri-Menteri baru, pegawai baru, saya percaya teguran bukan dari saya malah, dari semua orang diambil kira untuk kebaikan sama ada apa sahaja fahaman untuk kebaikan semua bangsa dan negara kita. *Amin Ya Rabbal'alamin*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang kita beralih ke...

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya timbulkan sedikit pencelahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah bukan masa mencelah lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Lambat, tinggal kereta api.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi saya hanya hendak komen. Harap dapat respons. Apa yang saya hendak tegaskan ialah bahawa saya setuju tentang pendapat yang ditimbulkan dan sesetengah pendapat, tidak semua. Saya berharap bahawa sebagaimana yang diharapkan oleh beliau, perkara-perkara yang ditimbulkan di sini dapat dilaksanakan. Akan tetapi ada satu perkara yang saya rasa tidak disentuh oleh beliau dan tidak saya sentuh iaitu daripada RM15 bilion...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir masa sudah habis. Ini bukan masa mencelah Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Komen saya yang harap dapat...

Timbalan Yang di-Pertua: Betul tetapi akan tetapi ini bukan masanya Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Akan ada masa kemudian?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada, mungkin masa Yang Berhormat hendak berucap nanti.

Dr. Syed Husin Ali: Saya sudah berucap.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat boleh minta...

Dr. Syed Husin Ali: Kemudian barangkali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama itu. Silakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Silakan Yang Berhormat.

4.54 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana sekali lagi memberi laluan kepada saya untuk turut serta membahaskan dalam pindaan Akta Perbekalan Tambahan (2013) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengemukakan perbekalan tambahan sebanyak RM14.1 bilion bagi Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Perbendaharaan, Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan 10 kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan B.6 Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran 421800 – TV AlHijrah iaitu tambahan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi menampung perbelanjaan tambahan operasi. Untuk pembayaran pemberian dan berkenaan bayaran tetap, TV AlHijrah ini telah ditubuhkan semenjak 2009 lagi sebagai TV *Islamic* pertama di negara ini. Akan tetapi mula beroperasi hanya pada 7 Disember 2010 yang bersiaran selama 18 jam sahaja.

Selain TV AlHijrah Malaysia mempunyai satu lagi saluran TV *Islamic* iaitu Astro Oasis. Walau bagaimanapun, stesen TV ini adalah stesen TV berbayar. Malaysia mempunyai lebih kurang 60 peratus penduduk Islam.

Jadi, keperluan stesen TV *Islamic* adalah mendesak. Peranan TV AlHijrah adalah penting sebagai penyiar yang bukan sahaja penghibur tetapi juga mendidik dan menyampaikan dakwah serta menyatupadukan ummah. Tanggungjawab besar ini memerlukan TV AlHijrah ini menyediakan rancangan-rancangan seperti majalah, dokumentari, drama, berita, ehwal semasa, hiburan dan sebagainya berlandaskan prinsip Islam.

Setelah beroperasi hampir tiga tahun dan mendapat sambutan yang agak baik dari penonton negara ini, namun stesen TV AlHijrah ini masih tidak dapat berdikari untuk menampung kos operasi dan seterusnya membuat keuntungan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, langkah-langkah dan strategi yang dirancang bagi TV mendapat pendapatan bagi menampung kos operasi. Berapakah pendapatan TV AlHijrah melalui iklan dan penajaan? Apakah TV AlHijrah mempunyai sasaran untuk berdikari dan seterusnya mendapat keuntungan? Dari segi modal pula TV AlHijrah, saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan bercadang membuka pelaburan awam bagi membesarkan modal TV AlHijrah?

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh Maksud B.27 Kementerian Kerjaya Raya, Butiran 060100 iaitu bagi menampung keperluan tambahan perbelanjaan penyelenggaraan bangunan guna sama persekutuan sebanyak RM16.9 juta. Berhubung dengan kompleks bangunan guna sama persekutuan yang kini terdapat 64 buah kompleks seluruh negara, meliputi empat zon, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya sama ada mempunyai cadangan dan perancangan membina lebih banyak kompleks guna sama persekutuan di seluruh negara di masa hadapan termasuk di Terengganu sendiri. Khasnya di Marang yang pernah sebelum ini saya telah membawa ke Dewan yang mulia ini.

Ketiganya berhubung dengan Maksud B.27 Kementerian Kerja Raya ini iaitu bayaran pampasan tol sebanyak RM5.2 juta berhubung dengan peruntukan tambahan sebanyak RM5.2 juta untuk menampung baki bayaran tol berdasarkan pengiraan trafik sebenar. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan kewajaran kerajaan terpaksa membayar semula kutipan tol ini.

■1700

Malah anggaran bayaran tol 2013 yang diluluskan adalah sebanyak RM340 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah kutipan tol seluruh negara bagi tahun 2013 terkini dan kenapakah kerajaan terpaksa menanggung pembayaran tol ini?

Tuan Yang di-Pertua, keempat saya ingin menyentuh berhubung dengan Maksud B.41 - Kementerian Pendidikan bagi butiran 030700 bagi pendidikan Islam sebanyak RM9.1 juta. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memantapkan lagi pendidikan Islam di peringkat rendah dan menengah termasuk juga peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) bukan sahaja memastikan setiap pelajar mendapat pengetahuan Islam dari segi akidah dan ibadah tetapi juga melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang tinggi. Matlamat pendidikan bukan sahaja untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik tetapi juga yang berakhlak mulia, berbudi pekerti dan bersahsiah.

Dalam hubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi memantapkan lagi program j-QAF yang bermatlamat bagi memperkasakan pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajian jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain yang telah dimulakan sejak tahun 2005 lagi. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mendapat manfaat dari program j-QAF.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung dengan butiran 070000 - program khusus peruntukan sebanyak RM100 juta bagi menampung keperluan tambahan peruntukan bantuan kebajikan kepada keluarga miskin, orang kurang upaya dan warga emas. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan keluarga OKU dan warga emas yang mendapat bantuan kerajaan sekarang ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan mempunyai pangkalan data yang lengkap berhubung dengan warga emas, OKU dan keluarga miskin yang memerlukan bantuan kebajikan.

Tentang bantuan kebajikan itu tadi, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula tentang takrif warga emas yang kini ditakrifkan sebagai individu yang berumur 60 tahun kepada 55 tahun ke atas. Itu sahaja saya kira Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

5.04 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 yang mana sebanyak RM14 bilion diperlukan bagi tujuan perkhidmatan dan perbelanjaan kerajaan. Secara umumnya, rang undang-undang ini yang dipohon oleh kerajaan bagi menampung keperluan perbelanjaan perkhidmatan oleh kementerian dan jabatan kerajaan untuk melaksanakan penyampaian kerajaan untuk kepentingan rakyat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang perlu diatasi secara berhemah dan efektif untuk mengelakkan perbelanjaan tambahan di luar bajet bagi setiap tahun kewangan kerajaan perlu diberikan perhatian dan tindakan sewajarnya. Bagi Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang mana melibatkan sejumlah RM11.8 bilion, kerajaan perlu memberikan penjelasan sewajarnya berhubung dengan perbelanjaan yang digunakan. Mungkin sedikit perincian diperlukan di mana agihan itu dibuat ke sektor-sektor yang berkenaan.

Seterusnya saya ingin menyentuh B.11, terutamanya Program SRP iaitu dengan izin, *Subsidy Rationalization Programme* di mana pada awal September 2013 kerajaan telah menaikkan harga minyak fosil sebanyak 20 sen. Ekoran kenaikan ini perbelanjaan isi rumah telah meningkat dan kenaikan barangan pengguna sudah tidak terkawal lagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk itu, bagi menjayakan hasrat kerajaan melalui pemantapan program SRP tadi, kerajaan perlu mengatur semula pembiayaan kewangan bagi subsidi minyak dan barangan pengguna. Ketirisan subsidi ini hendaklah dibendung.

Seterusnya salah satu perkara yang perlu dikawal secara efektif ialah pemberian subsidi minyak diesel kepada nelayan hendaklah menepati jumlah pendaratan ikan yang sebenar agar harga ikan di pasaran tempatan lebih rendah. Kegiatan orang tengah mesti dihapuskan dengan segera dan kenaikan harga ikan dan makanan basah perlu dikawal sepenuhnya. Sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara, urusan kendalian pemberian subsidi diesel kepada nelayan perlu diperbaiki dan diperkemas. Untuk itu, saya memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperhebatkan urusan tadbir subsidi agar penggunaan dana kerajaan bagi menampung skim subsidi barangan makanan lebih bermakna dan kenaikan harga barangan makanan di pasaran dapat dikawal secara efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

5.07 ptg.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya lihat terdapat peruntukan sebanyak RM126,665,400 telah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang mencerminkan komitmen kerajaan dalam menjaga rakyat seperti mana yang diteladani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Apabila saya meneliti peruntukan tambahan ini khasnya bagi Maksud B.48, saya lihat sebahagian besar telah diagihkan kepada bantuan kebajikan bagi keluarga miskin, orang kurang upaya dan warga emas. Ini adalah salah satu agenda pembangunan negara bagi memastikan tiada seorang pun tercicir dalam arus pembangunan selaras dengan hasrat kepimpinan negara.

Pada masa yang sama, saya ingini sarankan agar kementerian ini dapat meneliti kembali prosedur serta kelayakan seseorang itu untuk mendapatkan bantuan dari kerajaan. Ini kerana tahap pembangunan ekonomi yang amat pesat serta putaran ekonomi negara dilihat amat positif. Sehubungan dengan ini ramai yang sebelumnya ini terdiri daripada golongan yang hampir melepasi garis kemiskinan yang masih tersesat. Kriteria yang diguna pakai oleh kementerian dalam membuat tapisan kelayakan khasnya miskin bandar juga harus diteliti kembali kerana kelayakan ini adalah satu panduan telah lama wujud dan berpandukan kedudukan semasa yang telah lama luput.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan bantuan kepada golongan warga emas. Saya sarankan agar bantuan yang dipanjangkan kepada warga emas dapat dilebarkan lagi bagi kemudahan serta menghargai pengorbanan mereka dalam pembangunan negara kita yang sudah lama. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar kerajaan dapat berusaha untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan diskaun kepada warga emas dan juga ibu tunggal agar tidak hanya berhenti setakat diskaun untuk perjalanan seperti KTM, bas dan sebagainya. Jika kerajaan dapat menubuhkan perhatian yang lebih serius, saya percaya banyak lagi badan-badan korporat akan turut serta dalam usaha membantu warga emas dan ibu tunggal.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya berhubung dengan maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri. Sedikit sahaja mengenai perkara empat di mana sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk menampung meningkatkan pengeluaran MyKad. Saya ingin menekankan agar Jabatan Pendaftaran meneliti betul-betul apabila memproses MyKad ini. Saya dapat— ada beberapa kes yang di mana yang ditempatkan dalam MyKad ini sering tidak dapat dibaca walaupun kad itu baru dikeluarkan. Sebenarnya kualiti MyKad itu sendiri dilihat kurang memuaskan kerana banyak transaksi gagal seperti penggunaan di sektor perbankan, *Touch 'n Go* dan sebagainya. Oleh yang demikian, adalah penting untuk semua pihak agar kualiti MyKad itu ditingkatkan dengan kadar segera. Saya pohon agar JPN dapat mengatasi masalah ini dengan segera kerana ianya boleh menjejaskan kualiti serta imej negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai maksud B.45 – Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Akhir-akhir ini kita telah membaca mengenai kemalangan terhadap atlet-atlet atau ahli sukan kita yang meninggal dunia atau cedera parah semasa di latihan atau pertandingan. Takziah saya ucapkan kepada keluarga mereka. Persoalannya adalah, apakah kerajaan mempunyai satu skim insurans kepada atlet-atlet kita? Saya dapati jumlah perlindungan insurans kepada atlet-atlet kita dilihat amat rendah dan kemungkinan besar tidak akan membantu keluarga mereka.

Saya ingin sarankan agar kementerian dapat meneliti kembali agar satu sistem perlindungan yang komprehensif dapat diberikan kepada semua atlet yang bertanding di peringkat daerah hingga kebangsaan. Ini secara tidak langsung akan membantu atlet-atlet kita untuk mencapai kejayaan yang lebih baik tanpa rasa risau jika berlaku sebarang kemalangan. Dalam isu yang sama mengenai padang-padang bola di semua stadium kita tidak kira peringkat negeri mahupun kebangsaan.

Baru-baru ibni saya terbaca mengenai kelemahan-kelemahan penyelenggaraan padang bola sepak yang tidak begitu baik. Apakah kementerian mempunyai satu garis panduan yang menyeluruh dalam menguruskan padang permainan terutamanya apabila kita menjemput pasukan-pasukan antarabangsa bermain di negara kita. Mohon agar kementerian dapat memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Dia tidak ada. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

5.17 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Labuan ialah sebuah pulau yang kini sedang pesat membangun di bawah naungan Kerajaan Barisan Nasional. Pembangunan Labuan adalah merangkumi pelbagai sektor terutamanya sebagai hab industri minyak dan gas yang sedang bergerak pantas di industri hab halal dan juga dalam sektor pelancongan memandangkan Labuan memiliki sedikit landskap daratan dan laut yang indah untuk diterokai.

Pada saya permohonan yang pesat ini sememangnya memerlukan permohonan infrastruktur yang teratur dan sempurna agar pembangunan akan kekal sampai bila-bila. Saya di sini ingin mengesyorkan idea atau isu keperluan perkhidmatan bomba dan penyelamat laut. Izinkan saya menyentuh mengenai keperluan perkhidmatan bomba dan penyelamat laut di Pulau Labuan. Saya berterima kasih kerana atas ketangkasan pihak bomba dan penyelamat Labuan yang selama ini memberikan perkhidmatan yang sangat baik dan berwibawa. Labuan kini berkembang maju dan pesat membangun terutamanya dalam bidang industri minyak dan gas dan juga pelancongan. Di samping penduduk Pulau Labuan ini menghampiri angka 100,000 orang.

Di samping bilangan kapal-kapal dan bot-bot yang berlabuh di perairan Labuan seperti *tugbot*, *barge*, kapal tangki, kapal kargo dan bot-bot penumpang yang berulang alik ke Labuan dari Sabah, Sarawak dan Brunei. Maka keperluan perkhidmatan bomba dan penyelamat laut dapat dilihat setelah berlakunya nahas kebakaran 26 Julai 2012 yang lalu, meragut lima nyawa yang melibatkan kapal tangki MISC Bunga Alpinia. Selain mengawas kapal-kapal yang terdiri daripada *tanker*, *tugbot*, kapal kargo, *barge* dan bot penumpang yang sentiasa berulang alik daripada perjalanan domestik dan luar negara, pasukan ini juga dilihat berperanan dalam mengawal kebakaran di kawasan perumahan atas air bagi beberapa buah kampung berdaftar yang terdapat di Pulau Labuan. Ia dianggarkan kira-kira 200 hingga 300 buah bot dan kapal-kapal sedang berlabuh dan ulang-alik ke Labuan dari luar Labuan seperti bot-bot penumpang dan feri penumpang dan juga feri kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, saranan saya mohon agar ditubuhkan perkhidmatan selain bomba dan penyelamat yang berperanan mengawal dan menyelamatkan di daratan, kita juga ingin perkhidmatan bomba dan penyelamat laut yang mana wujudnya perkhidmatan ini akan meyakinkan pemain industri dari luar negara untuk melabur dalam pelbagai sektor di pulau ini. Kita juga mahu perkara seperti nahas kapal tangki MISC Bunga Alpinia yang telah meragut lima nyawa tidak berulang kembali. Juga beberapa kebakaran yang kemalangan kecil.

Oleh yang demikian penubuhan perkhidmatan membuat tepian laut ini sangat diperlukan memandangkan Pulau Labuan dikelilingi oleh lautan yang dalam. Satu isu lagi ialah iaitu di mana pembiakan untuk ikan-ikan seperti tukun tiruan.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh di sini adalah mengenai penambahan tukun tiruan di Pulau Labuan dan di sekitar Pulau Labuan sebagai tempat pembiakan ikan. Dengan penambahan bilangan penduduk di pulau ini, maka keperluan protein makanan yang ada juga adalah tinggi bagi mengimbangi kehidupan penduduk. Sedang berusaha untuk menggalakkan cara penangkapan ikan seperti pancing dan usaha-usaha lain untuk penangkapan ikan bagi memenuhi keperluan khususnya di Labuan. Kita perolehi sumber ikan daripada nelayan-nelayan tempatan namun kita juga terpaksa mengimport sumber ikan daripada luar terutamanya daripada negeri Sabah.

Cadangan saya maka dengan ini, supaya tukun tiruan ini dapat ditambah bilangannya di perairan Labuan. Jabatan Perikanan khususnya di Labuan mestilah berusaha untuk menambahkan sumber protein di sini di mana Jabatan Perikanan haruslah membuat satu usaha agar ikan-ikan di perairan Labuan berkembang biak iaitu dengan menambahkan bilangan tukun tiruan. Ini adalah kerana pembinaan tukun tiruan ini sedikit sebanyak dapat menjadikan kawasan berkenaan sebagai pusat pembiakan ikan dan sekali gus ianya akan dapat membantu golongan rakyat nelayan untuk menambah jumlah tangkapan ikan. Saya juga maklum bahawa sebelum ini sebilangan tukun tiruan telah pun ditenggelamkan di perairan Labuan oleh Jabatan Perikanan, namun usaha ini perlu diteruskan agar sumber bekalan sentiasa mencukupi keperluan kemudahan bagi penggemar hobi memancing.

Satu lagi isu ialah mengenai dengan MAQIS, dengan izin, *Malaysia Quarantine and Inspection Services* (Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia). Tuan Yang di-Pertua, pergerakan bahan-bahan pertanian, haiwan dan juga produk haiwan, ikan hidup dan ikan mati adalah dikawal di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 702*]. Di antara empat komponen di Malaysia iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Labuan dan juga luar negara. Apa yang ingin diambil perhatian adalah mengharapkan bahan-bahan seperti tersebut di atas di mana ianya di bawah kawalan akta berkenaan. Memandangkan suatu ketika dahulu Labuan adalah sebahagian daripada Sabah yang mana pergerakan masuk keluar bahan-bahan berkenaan tidak dikawal. Namun pada hari ini, pergerakan antara Sabah dan Labuan adalah dikawal mengikut akta berkenaan.

Cadangan saya ialah saya mohon agar pergerakan keluar dan masuk bahan-bahan berkenaan dapat dilonggarkan. Ini adalah kerana Wilayah Persekutuan Labuan masih bergantung harap dengan hasil bahan-bahan berkenaan daripada Sabah yang mana Labuan tidak mempunyai ladang ternakan. Ini kerana sedia ada yang diguna pakai sekarang menyebabkan kemasukan bahan-bahan berkenaan tidak berjalan dengan lancar yang akhirnya akan merugikan kedua-dua belah pihak sama ada pengekspor dan juga pengimport di mana harga barangan pun melambung tinggi dari hari ke hari. Oleh itu, kerja semula haruslah dijalankan agar kawalan kemasukan bahan-bahan di kedua-dua komponen ini iaitu Sabah; Labuan dapat dihapuskan supaya pergerakan akan lebih efisien dan kebajikannya akan dapat dinikmati oleh kedua-dua kawasan.

Berkenaan dengan risiko penyakit terang-terangan pula, apa yang saya lihat di sini pergerakan bahan-bahan ini adalah bebas tetapi pada hari ini adalah dikawal di antara dua kawasan ini. Bererti penyakit dan serangga perosak adalah jenis yang sama telah pun bertapak lebih awal di kedua-dua buah kawasan ini. Jadi sebelum ini akan lebih melicinkan lagi pembekalan keperluan bahan-bahan pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, telur ayam, daging dan sebagainya di antara kedua-dua buah kawasan.

Satu lagi masalah yang kita hadapi di Wilayah Persekutuan Labuan ialah mula dengan Hospital Nukleus iaitu Pegawai Kimia Hayat C48. Hospital Nukleus Labuan ketika ini hanya mempunyai lima orang pakar perubatan. Namun demikian, masih terdapat jawatan penting yang perlu diwujudkan iaitu Pegawai Proses Kimia Hayat gred C48 di Hospital Nukleus Labuan. Saya ingin mencadangkan supaya jawatan Pegawai Sains Kimia Hayat dapat diwujudkan di Hospital Nukleus Labuan di mana ia akan lebih memudahkan pakar-pakar perubatan agar dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien dan cepat. Ditambah lagi dengan bilangan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan yang semakin meningkat setiap tahun dan kemudahan juga boleh dinikmati oleh penduduk yang berhampiran seperti Menumbok di Sabah, Kuala Penyuk, Sipitang di Sabah dan Limbang di Sarawak.

Perkara terakhir yang saya ingin sentuh ialah keperluan perumahan untuk disewa ataupun untuk didiami. Seperkara lagi isu yang saya ingin bincangkan lagi adalah keperluan perumahan untuk didiami yang semakin mendesak di Wilayah Persekutuan Labuan. Memandangkan kemajuan Labuan daripada pelbagai sektor semakin rancak sama ada daripada sektor kerajaan dan sektor swasta, maka dengan ini telah timbul keperluan yang mendesak berkaitan dengan perumahan untuk disewa oleh kakitangan kerajaan ataupun pihak-pihak yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman terdapat pekerja yang bekerja di Wilayah Persekutuan Labuan terpaksa berulang alik daripada Menumbok iaitu Sabah seberang Labuan menggunakan perkhidmatan bot laju setiap hari.

Oleh itu, ini sedikit sebanyak akan menjejaskan prestasi kerja dan kadang kala terpaksa datang lambat ke Labuan memandangkan perkhidmatan bot laju ini bergantung kepada faktor cuaca pada tiap-tiap hari. Apa yang saya mohon ialah sekiranya dapat diperbanyakkan pembinaan perumahan mampu milik ataupun perumahan sewa kerajaan agar dapat membantu mengatasi masalah perumahan yang kian meruncing dan sangat-sangat diperlukan oleh rakyat. Kita sedia maklum bahawa pihak kerajaan telah pun membina rumah mampu milik di Labuan namun perjalanan masalahnya masih kurang memuaskan.

Untuk tahun-tahun yang akan datang, nescaya dengan pertambahan penduduk di pulau ini, maka akan bertambah serius sekiranya pelaksanaan untuk menambah perumahan mampu milik atau perumahan kerajaan tidak disegerakan. Memandangkan kini ruang rumah di kampung-kampung ataupun taman-taman perumahan yang telah habis disewakan oleh pegawai kerajaan atau pihak-pihak persendirian yang mana tidak dapat menampung keperluan rumah seharian. Bagi keluarga yang bekerja di peringkat rendah, perkara ini adalah sangat ketara apabila elaan perumahan yang diterima sebenarnya tidak mencukupi berikutan kadar sewa yang tinggi di sini atau di Labuan. Ini berikutan kekurangan bilangan rumah sewa di pulau ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya kita ada satu minit lagi sebelum saya dapat tangguhkan Dewan ini. Esok 8 Oktober kita ada lebih kurang tujuh orang lagi yang ingin berbahas mengikut catatan saya. Jadi harap bersedia untuk esok.

Sekarang masa tepat pukul 5.30 petang, maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa 8 Oktober 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]